



ANDERSON JUNIOR COLLEGE
JC2 PRELIMINARY EXAMINATION 2018
BAHASA MELAYU
MLL H2 9753 PAPER 1

Tarikh : 13 Sept 2018

Masa : 2 Jam 15 min

ARAHAN

- 1 Kertas ini tercetak dalam dua bahagian yang berasingan :
Bahagian 1 (KARANGAN) dan Bahagian 2 (BAHASA)
- 2 Calon-calun hanya dibenarkan menggunakan kamus semasa menjawab soalan karangan. (1 jam 15 minit pertama)
- 3 Baca dengan teliti arahan pada setiap bahagian sebelum menjawab soalan-soalan.
- 4 Lampirkan muka surat hadapan ini pada kertas jawapan kamu

Nama Calon : _____ No PDG : _____

SOALAN		MARKAH
BAHAGIAN 1	KARANGAN (35 markah)	
BAHAGIAN 2	A LENGKAPKAN TEKS (5 markah)	
	B KEFAHAMAN & KOSA KATA (30 markah)	
JUMLAH (70)		

Kertas 1 (Bahagian 1)

BAHAGIAN A (35 markah)

Arahan: Tulis sebuah karangan yang panjangnya tidak kurang daripada 460 patah perkataan mengenai satu daripada tajuk di bawah ini.
(Dalam pemberian markah, gaya bahasa, isi karangan dan susunannya akan dipertimbangkan)

1. Nasihat yang diberikan oleh seorang yang berjaya telah kamu manfaatkan dalam kehidupan kamu. Ceritakan pengalaman kamu berdasarkan pernyataan ini.
2. Warga Singapura bernasib baik kerana telah dapat menikmati keselesaan hidup yang hanya diimpikan oleh negara lain. Beri pendapat kamu.
3. Menurut Martin Luther King, tidak ada di dunia ini hal yang lebih berbahaya daripada kejahilan dan kebodohan. Berikan komen kamu.
4. Berikan pendapat kamu berdasarkan grafik berikut.



Kertas 1 (Bahagian 2)

BAHAGIAN A (5 markah)

Arahan: Dalam petikan di bawah ini terdapat 5 tempat kosong. Isikan setiap tempat kosong ini dengan perkataan yang sesuai mengikut konteks petikan karangan tersebut. Kemudian, tulis jawapan kamu mengikut susunan perkataan dalam petikan karangan di dalam kertas jawapan kamu.

Data ialah kuasa baharu yang penting dan sangat berpengaruh dalam kehidupan manusia. Mutakhir ini, manusia sudah menghasilkan paling banyak data dalam sejarah peradaban mereka 1)_____era sebelum ini. Kita tidak boleh 2)_____ sahaja segala maklumat ini kekal di persada maya. Limpahan atau ledakan data ini boleh dimanfaatkan untuk kebaikan dan kesejahteraan bersama. Sebagai contoh, data boleh dimanfaatkan untuk menentukan dasar dan polisi yang terbaik untuk rakyat. 3)_____ seperti bekalan air, pengangkutan awam, kebanjiran pekerja asing dan ketidakcukupan makanan boleh dirungkai menggunakan data raya (Big Data). 4)_____ 2020, Singapura memerlukan kira-kira 20,000 pakar profesional dalam bidang data. Hal ini tentunya akan merangsang 5)_____ sosioekonomi penduduk setempat serta mewujudkan ekosistem yang selari dengan aspirasi pemerintah, iaitu sebuah kehidupan kosmopolitan moden yang kondusif, inklusif dan serba canggih.

BAHAGIAN B (30 markah)

Arahan: Baca petikan karangan di bawah ini dengan teliti.

'Ballin' ialah perkataan separa rasmi Inggeris yang bermaksud bergaya, berkehidupan mewah dan meriah. 'Ballin' yang cukup popular dalam kalangan anak muda sekarang jelas menerangkan suasana media sosial pada hari ini. Suatu ketika dahulu media sosial digunakan sebagai sebuah platform media untuk bersosial namun, kini media sosial lebih banyak digunakan sebagai ruang untuk penyebaran idea dan imej. Menyedari hakikat ini, terdapat sebahagian pengguna media sosial yang menggunakan platform ini untuk menjual idea dalam bentuk kemewahan dan peragaan barangan berjenama.

Penjualan idea ini bukan sesuatu yang baharu. Kalau kita tonton muzik video hip-hop dan pop, seringkali imej yang dibawa penyanyi dan selebriti seperti Nicky Minaj dan Britney Spears adalah dalam bentuk peragaan kemewahan atau 'ballin'. Mereka menggunakan media sosial untuk mempamerkan imej mewah yang mereka bawa bagi tujuan menarik peminat khususnya anak muda. Hasilnya selebriti ini akan menjadi idola yang diklasifikasikan sebagai *influencer* atau mereka yang berpengaruh. Terdapat ramai juga usahawan masa kini yang gemar **memperagakan** kemewahan mereka melalui media sosial kerana melalui pengaruh yang dibina, mereka cuba memasarkan sesuatu produk atau perkhidmatan. Dengan itu mereka dapat membentuk satu trend yang dapat mereka pengaruhi tidak kira dari segi penjualan idea, produk atau perkhidmatan.

Apa yang merisaukan dalam penjualan idea sebegini adalah bahawa kejayaan itu berlandaskan kemewahan dan kebendaan dan hal ini mungkin membentuk persepsi yang cetek dalam kalangan anak muda kita. Anak muda kabur melihat perkara yang sebenar dan mereka hanya nampak gaya hidup yang mewah 'ballin' dan mahukan perkara yang sama. Mana tidaknya, apa yang mereka lihat hanya perkara indah dan cantik. Apa yang mereka tidak sedar di sebalik kereta, tas tangan dan percutian luar negara yang sengaja diperagakan ialah atas hasil usaha keras, risiko yang dihadapi dan kadang-kadang hutang yang terpaksa ditanggung. Mereka gagal melihat bahawa di sebalik setiap kejayaan ada harga yang perlu dibayar dan sebahagian besar daripada harga itu datang bukan dalam bentuk wang ringgit. Mana mungkin seseorang usahawan berjaya kalau tidak berani mengambil risiko dan mana mungkin dia bijak berniaga kalau tidak pernah rasa kegagalan atau berada di **ambang kemuflihan**. Di sebalik kekayaan yang ditayangkan di media sosial ialah usaha yang bertahun-tahun dan pengalaman dalam kegagalan serta risiko yang diambil.

Masalahnya dengan generasi media sosial ini ialah mereka ketagih dengan keseronokan segera. Jika ada sesuatu yang diidamkan, sesuatu hal itu mesti diperolehi dengan segera dan mereka tidak mahu tunggu atau meluangkan masa lama untuk mendapatkannya. Mungkin atas sebab inilah video Instagram yang disukai ramai tidak melebihi seminit dan garis masa Instastory dan Snapchat hanyalah beberapa saat sahaja begitu popular kini. Zaman internet yang serba pantas menyebabkan penumpuan generasi muda kini amat singkat. Bukankah ini sama sebagaimana mereka mahu sesuatu perkara diterangkan dalam bentuk 140 atau 280 aksara ke bawah di platform Twitter.

Ramai yang prihatin melihat generasi kini yang membesar dan dipengaruhi dengan peragaan kemewahan dan kekayaan. Kejayaan bukanlah diukur dengan memperoleh apa yang disasarkan tanpa mengambil kira segala titik peluh serta usaha yang dicurahkan. Sebaliknya, kejayaan itu kini ditafsir sebagai kebolehan mencapai sesuatu dengan cepat. Perkara ini amat sukar untuk diterjemahkan dalam bentuk video 15 saat atau satu gambar di Instagram. Takut nanti mereka hidup dalam **igauan** semata-mata kerana terlalu mengharapkan kejayaan segera. Mereka akan berasa resah dan tidak tenang. Kesannya, mereka akan mengundur langkah ke belakang dengan penuh rasa kecewa kerana telah meletakkan harapan dan jangkaan pada ukuran kejayaan yang salah.

(Mewah di alam maya Puan Azrinaz Mazhar Hakim, <https://www.bharian.com.my/rencana/muka10/2018/01/375209/mewah-di-alam-maya> | 14 Jan 2018 – Disesuaikan)

Arahan: Berdasarkan petikan karangan di halaman 4, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu di dalam kertas jawapan kamu.

6. “ **terdapat** sebahagian pengguna media sosial yang menggunakan platform ini untuk menjual idea dalam bentuk kemewahan dan peragaan barangan berjenama”. Jelaskan. (6 markah)
7. Bagaimanakah kejayaan yang berlandaskan kemewahan dan kebendaan dapat membentuk persepsi yang cetek dalam kalangan anak muda kita? (6 markah)
8. Apakah perkara yang dapat kita lihat tentang generasi media sosial melalui penggunaan platform-platform yang mereka sukai? (6 markah)
9. Keprihatinan terhadap kejayaan yang disasarkan oleh generasi muda memang wajar. Mengapa? (6 markah)
10. Terangkan maksud frasa dan perkataan-perkataan yang berikut mengikut konteks petikan yang diberikan. (6 markah)
- a) memperagakan
 - b) ambang kemuflihan
 - c) igauan

SELESAI

Jawapan.

1. berbanding
2. membiarkan
3. Masalah
4. Menjelang
5. pertumbuhan

6. “sebahagian pengguna media sosial menggunakan platform ini untuk menjual idea dalam bentuk kemewahan dan peragaan barangan berjenama” Jelaskan. (6 markah)

IU	Mereka menggunakan media sosial untuk memperagakan imej mewah yang mereka bawa bagi tujuan menarik peminat khususnya anak muda.
IS	Kalau kita tonton muzik video hip-hop dan pop, seringkali imej yang dibawa penyanyi dan selebriti seperti Nicky Minaj dan Britney Spears adalah dalam bentuk peragaan kemewahan atau 'ballin'.
IU	Terdapat ramai juga usahawan masa kini yang gemar memperagakan kemewahan mereka melalui media sosial dan melalui pengaruh yang dibina, mereka cuba memasarkan sesuatu produk atau perkhidmatan.
IS	Dengan itu mereka dapat membentuk satu trend yang dapat mereka pengaruhi tidak kira dari segi penjualan idea, produk atau perkhidmatan.

- 7 Bagaimanakah kejayaan yang berlandaskan kemewahan dan kebendaan dapat membentuk persepsi yang cetek dalam kalangan anak muda kita??

IU	Anak muda kabur melihat perkara yang sebenar dan mereka hanya nampak gaya hidup yang mewah 'ballin' dan mahukan perkara yang sama.
IS	Apa yang mereka tidak sedar di sebalik kereta, tas tangan dan percutian luar negara yang sengaja diperagakan ialah atas hasil usaha keras, risiko yang dihadapi dan kadang-kadang hutang yang terpaksa ditanggung.
IU	Mereka gagal melihat bahawa di sebalik setiap kejayaan ada harga yang perlu dibayar dan sebahagian besar daripada harga itu datang bukan dalam bentuk wang ringgit.
IS	seseorang usahawan tidak mungkin berjaya kalau tidak berani mengambil risiko dan mana mungkin dia bijak berniaga kalau tidak pernah rasa kegagalan atau berada di ambang kemuflian.

(6 markah)

- 8 Apakah perkara yang dapat kita lihat tentang generasi media sosial melalui penggunaan platform-platform yang mereka sukai?

(6 markah)

IU	ketagih dengan keseronokan segera.
IS	video Instagram yang disukai ramai tidak melebihi seminit dan garis masa instastory dan snapchat beberapa saat sahaja begitu popular kini.
IU	penumpuan generasi muda kini amat singkat
IS	sama dengan seperti mana mereka mahu sesuatu perkara diterangkan dalam bentuk 140 atau 280 aksara ke bawah seperti di Twitter.

- 9 Keprihatinan terhadap kejayaan yang disasarkan oleh generasi muda memang wajar. Mengapa?

(6 markah)

IU	kejayaan itu kini ditafsir sebagai kebolehan mencapai sesuatu dengan cepat
IS	Kejayaan bukanlah diukur dengan memperoleh apa yang disasarkan tanpa mengambil kira segala titik peluh serta usaha yang dicurahkan.
IU	Mereka akan hidup dalam igauan semata-mata kerana terlalu mengharapakan kejayaan segera menyebabkan mereka berasa resah dan tidak tenang.
IS	Mereka akan mengundur langkahnya ke belakang dengan penuh rasa kecewa kerana telah meletakkan harapan dan jangkaan pada ukuran kejayaan yang salah.

- 10 Terangkan maksud frasa dan perkataan-perkataan yang berikut mengikut konteks petikan yang diberikan.

(6 markah)

- a) Memperagakan- menunjuk-nunjuk
- b) ambang kemuflian- bermulanya keadaan bankrap
- c) igauan – impian, mimpi, khayalan, angan-angan, fantasi

SELESAI

SUMBER A

Arahan : Baca petikan akhbar di bawah ini dengan teliti.

Cetak Rompak Digital: Kesan terhadap industri dan pengguna

Pasti anda pernah terjumpa tawaran langganan HBO tanpa had hanya dengan satu bayaran yang dapat membolehkan anda tonton semua saluran, ataupun menerima tawaran untuk membeli satu peranti khas yang boleh akses ke semua kandungan hiburan digital. Tahukah anda, tawaran yang luar biasa sebegini kebanyakannya tidak sah dan menyalahi undang-undang? Mereka yang mengedarkan khidmat sedemikian boleh dikenakan tindakan undang-undang.

Syarikat-syarikat media utama Asia hari ini telah mencapai kata sepakat untuk bersama-sama menyedarkan masyarakat tentang masalah cetak rompak digital dan menentang aktiviti mencuri kandungan menerusi penubuhan Gabungan Menentang Cetak Rompak (CAP). Gabungan ini akan mempelopori usaha untuk membasmi dan menggagalkan semua perusahaan cetak rompak seluruh Asia Pasifik, terutamanya ancaman peranti dan aplikasi penstriman haram. Kegiatan cetak rompak digital ini memberi kesan kepada ekonomi industri digital negara yang semakin merosot. Hal ini kerana pendapatan negara menjadi berkurang kerana cukai yang dihasilkan daripada industri pengeluaran yang berasaskan percetakan ini tidak dapat dijana sepenuhnya. Kesan yang paling nyata akibat daripada cetak rompak terhadap industri hiburan di negara ini juga akan menyebabkan pelabur-pelabur dari luar negara tidak yakin untuk melabur dalam industri hiburan di negara ini. Kegiatan ini juga mampu merencatkan pertumbuhan industri seni dan lama-kelamaan akan membantutkan usaha dan mematikan kerjaya penggiat seni.

Pengguna digesa untuk lebih berwaspada terhadap bahaya cetak rompak digital yang dilihat semakin berleluasa dan dapat menjejaskan pengguna. Kandungan berlesen dan sah semakin mudah dan murah untuk didapati kini. Platform penstriman video seperti iflix, Viu, dimsum, Netflix dan banyak lagi, boleh dilanggan pada harga serendah sepuluh dolar sebulan.



SUMBER B

Arahan : Baca keratan akhbar di bawah ini dengan teliti.

S'pura duduki tangga ke-9 di dunia dalam kegiatan cetak rompak digital



Dengan wujudnya perkhidmatan penstriman video dan muzik pada harga yang agak berpatutan, ramai mungkin berpendapat bahawa masalah cetak rompak semakin berkurangan sejak kebelakangan ini. Tetapi menurut kajian MUSO yang menjejak pelawat laman cetak rompak dunia melaporkan bahawa tahun lalu jumlah pelawat mencecah 300.2 bilion. Hal ini ialah peningkatan sebanyak 1.6% berbanding tahun 2016 dan Singapura tersenarai sebagai negara ke-9 di dunia bagi kegiatan cetak rompak digital pada tahun tersebut. Salah satu punca utama yang menyebabkan masalah ini masih berleluasa ialah kandungan cetak rompak tersebut mudah didapati di pelbagai laman web. Para pengguna tidak perlu mengeluarkan sebarang kos untuk menonton kandungan yang diingini.

Langganan penstriman haram atau perkhidmatan televisyen satelit tanpa lesen ialah sejenis kegiatan cetak rompak digital. Pengguna yang melanggan perkhidmatan sebegini dikira terlibat sama melanggar undang-undang.

Cetak rompak digital bukan sahaja menjejaskan media dan syarikat penyedia kandungan tetapi juga berisiko memudaratkan pengguna. Sekiranya terdapat masalah daripada langganan perkhidmatan kandungan tidak berlesen, pengguna tidak akan mendapat penyelesaian ganti rugi daripada pihak berkuasa yang berkaitan mahupun membuat aduan rasmi kerana perkhidmatan tersebut tidak didaftarkan secara sah. Pengguna juga berisiko untuk kehilangan wang tanpa sebarang notis apabila pihak berkuasa mengambil tindakan ke atas perkhidmatan haram tersebut. Di samping itu, perkhidmatan TV satelit dan penstriman tidak sah ini menyediakan kandungan tidak tapis yang boleh mendedahkan pengguna terutamanya kanak-kanak, kepada kandungan yang tidak sesuai dan tidak diingini.

Pengguna juga berhadapan dengan risiko 'dijangkiti' 'perisian jahat' atau malware apabila memasang peranti dekoder (set-top boxes) dengan aplikasi licik pada rangkaian jalur lebar rumah. Tindakan ini boleh menyebabkan pengguna terdedah kepada kecurian data persendirian dan jenayah siber lain. Dalam hal ini, Penguasa Pembangunan Infokom Singapura (IMDA) berperanan penting dalam memperkasakan pengguna dan kini semakin komited untuk melindungi hak-hak pengguna dalam industri komunikasi dan multimedia. Dalam era di mana pelbagai maklumat begitu mudah diperoleh walaupun tidak pasti kesahihannya, pengguna wajar merujuk platform IMDA sebagai platform untuk mendapatkan maklumat yang tepat dan tips berkaitan perkhidmatan komunikasi dan multimedia.



Arahan : Berdasarkan Sumber A dan Sumber B, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu di dalam Kertas Jawapan yang disediakan.

- 1 Berdasarkan Sumber A, kesan masalah cetak rompak digital terhadap negara amat serius. Buktikan.
(4 markah)
- 2 Berdasarkan Sumber B, masalah cetak rompak digital boleh mendatangkan risiko dari kewangan yang boleh memudaratkan pengguna.
(4 markah)
- 3 Bagaimanakah kandungan petikan Sumber A dan Sumber B saling melengkapi dalam menunjukkan tahap kesedaran masyarakat yang rendah terhadap masalah cetak rompak digital?
(7 markah)
- 4 Usaha berterusan pelbagai pihak dalam membendung kegiatan cetak rompak mampu membuahkan hasil. Berdasarkan Sumber A dan Sumber B, berikan komen kamu tentang hal ini. Jawapan kamu tidak harus melebihi 160 patah perkataan.

(15 markah)

Selesai

Jawapan kefahaman dan komentari

1 Berdasarkan Sumber A, kesan masalah cetak rompak digital terhadap negara amat serius. Buktikan.

(4 markah)

- Kegiatan cetak rompak digital ini memberi kesan kepada ekonomi industri digital negara yang semakin merosot.
- Masalah cetak rompak terhadap industri hiburan di negara ini juga akan menyebabkan pelabur-pelabur dari luar negara tidak yakin untuk melabur dalam industri hiburan di negara ini.

2 Berdasarkan Sumber B, masalah cetak rompak digital boleh mendatangkan risiko dari kewangan yang boleh memudaratkan pengguna.

(4 markah)

- Sekiranya terdapat masalah daripada langganan perkhidmatan kandungan tidak berlesen, pengguna tidak akan mendapat penyelesaian juga ganti rugi daripada pihak berkuasa yang berkaitan mahupun membuat aduan rasmi kerana perkhidmatan tersebut tidak didaftarkan secara sah.
- Pengguna juga berisiko untuk kehilangan wang tanpa sebarang notis apabila pihak berkuasa mengambil tindakan ke atas perkhidmatan haram tersebut.

3 Bagaimanakah kandungan petikan Sumber A dan Sumber B saling melengkapi dalam menunjukkan tahap kesedaran masyarakat yang rendah terhadap masalah cetak rompak digital?

(7 markah)

- Penyedia khidmat dan pengguna tidak tahu bahawa mereka boleh dikenakan tindakan undang-undang
- Sumber A - Mereka yang mengedarkan khidmat sedemikian boleh dikenakan tindakan undang-undang.
- Sumber B - Langganan penstriman haram atau perkhidmatan televisyen satelit tanpa lesen ialah sejenis kegiatan cetak rompak digital. Pengguna yang melanggan perkhidmatan sebegini dikira terlibat sama melanggar undang-undang.
- Lebih banyak usaha di pelbagai peringkat sedang dipergiatkan bagi mendidik masyarakat
- Sumber A - Syarikat-syarikat media utama Asia hari ini telah mencapai kata sepakat untuk bersama-sama menentang aktiviti mencuri kandungan menerusi penubuhan Gabungan Menentang Cetak Rompak (CAP). Gabungan ini akan mempelopori usaha untuk membasmi dan menggagalkan semua perusahaan cetak rompak seluruh Asia Pasifik, terutamanya ancaman peranti dan aplikasi penstriman haram.
- Sumber B- Penguasa Pembangunan Infokom Singapura (IMDA) berperanan penting dalam memperkasakan pengguna dan sentiasa komited untuk melindungi hak-hak pengguna di dalam industri komunikasi dan multimedia

- 4 Usaha berterusan pelbagai pihak dalam membendung kegiatan cetak rompak mampu membuahkan hasil. Berdasarkan Sumber A dan Sumber B, berikan komen kamu tentang hal ini. Jawapan kamu tidak harus melebihi 160 patah perkataan.

(15 markah)

- Mampu membuahkan hasil positif kerana **masyarakat akan dapat kesan bahawa hal ini diambil serius oleh pihak-pihak berkuasa**
- Masyarakat perlu dididik tentang masalah cetak rompak/ risiko terhadap pengguna dan **hal ini memakan masa yang lama**
- Sukar untuk dibendung kerana **berdasarkan statistik, jumlah kegiatan cetak rompak semakin meningkat**
- Tidak mampu membuahkan hasil kerana **sukar untuk dikawal dan penguatkuasaan jenayah cetak rompak masih belum mantap**



**ANDERSON JUNIOR COLLEGE
JC2 PRELIMINARY EXAMINATION 2018
BAHASA MELAYU
MLL H2 9573 PAPER 3**

Tarikh : 10 Sept 2018

Masa : 3 JAM

ARAHAN:

- 1 Kertas ini tercetak dalam empat bahagian: Bahagian A (Novel), Bahagian B (Cerpen), Bahagian C (Sajak) dan Bahagian D (Drama).
- 2 Calon dibenarkan merujuk buku-buku teks yang telah ditetapkan.
- 3 Jawab EMPAT soalan kesemuanya. Calon hendaklah menjawab SATU soalan daripada setiap Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan Bahagian D.
- 4 Lampirkan muka surat hadapan ini pada kertas jawapan kamu.

Nama Calon : _____ No PDG : _____

BAHAGIAN	NO. SOALAN	MARKAH
BAHAGIAN A NOVEL		
BAHAGIAN B CERPEN		
BAHAGIAN C SAJAK		
BAHAGIAN D DRAMA		
JUMLAH MARKAH (100)		

BAHAGIAN A
Novel JENDELA MENGHADAP JALAN oleh RUZAINI MATDARIN

1. Novel **Jendela Menghadap Jalan** digerakkan sebagai agen peringatan dan teguran kepada pembacanya. Huraikan pernyataan ini dengan memberikan contoh-contoh yang sesuai. (25 markah)

2. Masyarakat yang digambarkan dalam novel **Jendela Menghadap Jalan** bertindak demi menegakkan keadilan dan kebenaran. Sejauh manakah kamu setuju dengan pernyataan ini? (25 markah)

BAHAGIAN B
Cerpen – Begitulah Kata-Kata

3. Cerpen **Pertemuan** karya Isa Kamari memperlihatkan ciri-ciri dalam masyarakat moden yang mampu membebaskan diri daripada mengalami kekosongan jiwa akibat perkembangan teknologi yang begitu pesat. Jelaskan dengan memberikan contoh-contoh yang sesuai. (25 markah)

4. Daya ketahanan anak dipengaruhi oleh perlakuan ibu bapa. Berdasarkan cerpen **Si Malang Jalang**, sejauh manakah kamu setuju bahawa kegagalan Sasha dalam menghadapi keadaan hidupnya ialah disebabkan kegagalan ibu bapanya dalam menjadi contoh kepadanya. (25 markah)

BAHAGIAN C
Sajak – Begitulah Kata-Kata

5. Kamaria Buang, dalam sajaknya **Anak Tetangga Kelantan Lane** mampu mengangkat nilai-nilai ketimuran dan amalan budaya Melayu dalam penulisannya agar dapat diterapkan dalam kehidupan rakyat yang berbilang bangsa. Sejauh manakah kamu setuju dengan pernyataan tersebut?

(25 markah)

6. Dengan penggunaan gaya bahasa yang berkesan, Saeda Buang, dalam sajaknya **Pustakaku dalam Remang Senja** telah berjaya membuat manusia berasa kerdil dan pada masa yang sama juga diperkasakan dalam usaha pencarian ilmu. Buktikan.

(25 markah)

BAHAGIAN D
Drama – Begitulah Kata-Kata

7. Penulis Hamed Ismail sengaja mewujudkan watak Sally dalam dramanya **Anjing untuk Diplomat** untuk memenuhi beberapa fungsi. Huraikan.

(25 markah)

8. Sifat saling bermaafan kunci kepada keharmonian hidup. Berdasarkan kejadian-kejadian yang terdapat dalam drama **Cahaya di Hujung Senja** karya M. Saffri A Manaf sejauh manakah kamu setuju bahawa sifat tersebut berkesan dalam meleraikan masalah yang dihadapi oleh watak-watak dalam drama ini.

(25 markah)

SELESAI

1. Novel **Jendela Menghadap Jalan** digerakkan sebagai agen peringatan dan teguran kepada pembacanya. Huraikan pernyataan ini dengan memberikan contoh-contoh yang sesuai (25 markah)

Peringatan(nasihat dan memperingati)

- Kita mempunyai warisan yang kaya /khazanah yang bernilai tinggi dan kita perlu rasa bangga dengan tradisi dan amalan yang telah diwarisi oleh generasi sebelum kita - amalan perubatan tradisional dan warisan asal usul kita
- Setiap ahli masyarakat memainkan peranan yang penting untuk membina kehidupan yang harmoni dan kita perlu bersikap peduli terhadap sekeliling kita.- perlu peduli terhadap isu-isu yang menjejaskan keharmonian masyarakat; isu kubah dan gejala sosial

Teguran (amaran)

- Masalah kepincangan rumahtangga boleh menjejaskan keamanan masyarakat dan perlu diatasi dengan cara yang berhemah
- Apabila terdapat golongan dalam masyarakat tidak bersepakat, masyarakat itu akan berpuak-puak dan perlu ada perbincangan untuk mencapai suatu persetujuan tanpa sebarang sengket.

2. Masyarakat yang digambarkan dalam novel **Jendela Menghadap Jalan** bertindak demi menegakkan keadilan dan kebenaran. Sejauh manakah kamu setuju dengan pernyataan ini? (25 markah)

Keadilan

- Ahli masyarakat yang ditindas dan teraniaya telah dibela : Lili membantu Che Jah dalam masalah rumahtangganya
- Ahli masyarakat yang terjebak dalam gejala sosial/ melanggar undang-undang telah diambil tindakan dan dilaporkan kepada pihak berkuasa

Kebenaran

- Berani menegakkan pandangan yang dipercayai benar, disokong dengan hujah-hujah yang bernalas dan meyakinkan: Danel apabila dia berbicara dengan Datuk tentang kelebihan perubatan moden/ datuk apabila dia cuba untuk mengetengahkan kebaikan perubatan tradisional

Namun tidak bertindak sedemikian

- Terdapat golongan masyarakat yang bertindak demi kepentingan diri sendiri: Seman terhadap keluarganya/isteri dan anak-anaknya. Mendera isteri/ mencuri kubah dan tidak menghiraukan anak-anaknya/ Anak Seman melakukan jenayah
- Terdapat golongan masyarakat yang bertindak demi memelihara kepercayaan mereka yang konservatif/ kolot.: Generasi tua yang hanya mahukan kubah

diletakkan di surau lama kerana percaya akan pantang larang lama berhubung dengan pembangunan kampung.

BAHAGIAN B

Cerpen – Begitulah Kata-Kata

3. Cerpen **Pertemuan** karya Isa Kamari memperlihatkan ciri-ciri dalam masyarakat moden yang mampu membebaskan diri daripada mengalami kekosongan jiwa akibat perkembangan teknologi yang begitu pesat. Jelaskan dengan memberikan contoh-contoh yang sesuai. (25 markah)

- Manusia yang bermuhasabah diri
- Memunyai sikap ingin tahu dan suka bertanya
- Bijak menilai
- Peka terhadap sekeliling
- Tidak terlalu bergantung pada teknologi

4. Daya ketahanan anak dipengaruhi oleh perlakuan ibu bapa. Berdasarkan cerpen **Si Malang Jalang**, sejauh manakah kamu setuju bahawa kegagalan Sasha dalam menghadapi/ mengatasi keadaan hidupnya ialah disebabkan kegagalan ibu bapanya dalam menjadi contoh kepadanya.

(25 markah)

Setuju

- Kegagalan ibunya yang bertindak pasif – tidak melakukan apa-apa dan membiarkan penderaan terhadap dirinya berterusan. Membiarkan dirinya lemah dan ini membuat Sasha juga lemah dari segi kawalan emosinya
- Kegagalan ayahnya yang mengambil jalan keluar yang mudah- telah melarikan diri daripada masalah dan sering dalam keadaan mabuk. Hal ini sama seperti Sasha yang ingin sangat kesempurnaan hidup dan tidak dapat menerima keadaan keluarganya yang kini tidak sebaik yang diharapkannya.
- Kegagalan ayahnya mengatasi masalah dengan cara yang efektif – melepaskan kemarahan dengan cara yang ganas- begitu juga dengan Sasha yang pada akhirnya telah hilang pertimbangan dan menghunuskan pisau ke arah ayahnya.

Tidak setuju

- Tahap tekanan yang dialami Sasha ialah pada tahap yang tidak dapat dikawal. Setiap kali penderaan berlaku di rumah, Sasha telah cuba sedaya-upayanya untu mengawal tekanan emosi namun malangnya pada ketika itu, dia telah hilang pertimbangan yang terlalu kuat untuk diatasinya pada saat itu dan dia menjadi mangsa keadaan.

- Terlalu bersikap idealistik dan tidak dapat menerima keadaan keluarganya seadanya. Dia mendambakan kasih-sayang yang pernah dicurahkan kepadanya ketika dia kecil dan sering mengingati saat-saat manis zaman kanak-kanaknya.

BAHAGIAN C

Sajak – Begitulah Kata-Kata

- 5 Kamaria Buanga, dalam sajaknya **Anak Tetangga Kelantan Lane** mampu mengangkat nilai-nilai ketimuran dan amalan budaya Melayu dalam penulisannya agar dapat diterapkan dalam kehidupan rakyat yang berbilang bangsa. Sejauh manakah kamu setuju dengan pernyataan tersebut? (25 markah)

Nilai-nilai ketimuran dan amalan budaya Melayu	sebab hal ini dapat diterapkan dalam kehidupan rakyat yang berbilang bangsa
• Amalan kejiranan yang baik	• Kemesraan menjamin hubungan sosial yang baik dan toleransi kunci kesatuan masyarakat
• Pembinaan jati diri sendiri	• Mengekalkan jati diri dan mengingati asal usul penting dalam membina identiti bangsa bagi menimbulkan kebanggaan diri sebagai ahli masyarakat
• Tatasusila orang Melayu apabila bergaul dengan orang lain	• Menjaga batas-batas agama dan sentiasa menghormati orang lain
• Kongsi-berkongsi sebagai amalan hidup	• Amalan ini penting dalam membina masyarakat yang inklusif
Namun, • Melestarikan budaya kehidupan Boyan demi mengekalkan jati diri boleh juga menghambat kesatuan masyarakat/ boleh menimbulkan masyarakat yang berpuak-puak berdasarkan bangsa/ keturunan	

- 6 Dengan penggunaan gaya bahasa yang berkesan, Saeda Buang, dalam sajaknya **Pustakaku dalam Remang Senja** telah berjaya membuat manusia berasa kerdil dan pada masa juga diperkasakan dalam usaha pencarian ilmu. Buktikan. (25 markah)

Kerdil	Gaya bahasa
• Setiap manusia akan menemui ajalnya/ perlu sentiasa mengingati maut dan menyedari kekerdilan	Metafora • <i>malam menghimpit datang (R3B9)</i> ☐ <i>...malam mengetuk tiba (R5B4)</i>

diri dalam dunia yang fana ini	• Walaupun malam mendesak datang (R2B7) • Namun, malam menghimpit datang (R3B9) Dan malam pasti datang (R4B5)
• Terdapat banyak tokoh-tokoh / ilmuwan yang melebihi dari segi pengetahuan dan ilmu yang mereka ada	Personifikasi • <i>Berkat kedewasaan yang masih merangkak</i>
Memperkasakan	
• Bebas berbicara dan menulis dalam proses mencari kebenaran dan mensintesis ilmu yang diperoleh	Metafora • <i>gergasi pena bebas berbicara (R3B2)</i>
• Dapat menggunakan ilmu untuk kebaikan masyarakat Apabila kita sedar akan maanfaat yang begitu bernilai tinggi yang bakal wariskan kepada anak bangsa	Hiperbola • <i>...kuserap wangianmu dalam cembul tinta (R5B2)</i>

BAHAGIAN D Drama – Begitulah Kata-Kata

7. Penulis Hamed Ismail sengaja mewujudkan watak Sally dalam dramanya **Anjing untuk Diplomat** untuk memenuhi beberapa fungsi. Huraikan.

(25 markah)

- Menyokong persoalan tentang emansipasi golongan wanita
- Menonjolkan watak Pierre yang suka memperdayakan wanita dengan janji-janji kosongnya
- Menyokong mesej tentang tanpa pegangan hidup, manusia mudah dipergunakan
- Menggambarkan latar masyarakat yang terjat dalam lingkaran kemiskinan dan sanggup mengadai maruah mereka demi kelangsungan hidup

- 8 Sifat saling bermaafan kunci kepada keharmonian hidup. Berdasarkan kejadian-kejadian yang terdapat dalam drama **Cahaya di Hujung Senja** karya M. Saffri A Manaf sejauh manakah kamu setuju bahawa sifat tersebut berkesan dalam meleraikan masalah yang dihadapi oleh watak-watak dalam drama ini.


(25 markah)

- Sifat meminta maaf mampu mengetepikan sikap ego manusia demi mendamaikan hubungan antara satu sama lain. Kassim meminta maaf daripada Mail kerana menumbuknya / Kassim meminta maaf daripada Kiah , begitu juga dengan Kiah. Mereka saling bermaafan dan memulihkan lagi hubungan suami isteri.
- Sifat memaafkan mampu menghilangkan segala ketidakpuasan hati dalam diri seseorang dan memurnikan keikhlasan diri dalam membantu seseorang itu. Kiah memberi sokongan emosi kepada suaminya apabila dia diserang strok
- Sifat memaafkan/ meminta maaf mampu mengingatkan bahawa hayat manusia ini singkat dan perlu sentiasa merendah diri. Mail meminta maaf daripada Kassim apabila kassim pengsan kerana diserang darah tinggi.

Namun,

- Kunci ketengan hidup ialah apabila kita mendapat sokongan daripada keluarga / kasih sayang daripada anggota keluarga kita. Kasih sayang Kiah dan Rudi Tetap menyerlah dan mereka mampu menyokong Kassim mengharungi musibah. Keutuhan tali kekeluargaan telah membuat Kiah dan Rudi di berada di sisinya.
- Meminta maaf tidak berkesan kerana pada awalnya Mail tidak memaafkan Kassim. Hanya apabila dia diserang sakit jantung, baru Mail ingin cuba berdamai dengannya.

Selesai



INNOVA JUNIOR COLLEGE
JC 2 PRELIMINARY EXAMINATION
in preparation for General Certificate of Education Advanced Level
Higher 2

CANDIDATE'S
NAME

CG

INDEX NUMBER

BAHASA DAN KESUSASTERAAN MELAYU
Kertas 1 (Bahagian 1)

9573/1
(Part 1)

MALAY LANGUAGE AND LITERATURE
Paper 1 (Part 1)

10 Sept 2018

2 hours 15 minutes
(Total Time for Part 1 and Part 2)

Additional Materials: Writing Paper

ARAHAN UNTUK CALON

1. Kertas ini tercetak dalam dua bahagian yang berasingan: Bahagian 1 dan Bahagian 2.
2. Jawapan kepada Bahagian 1 dan Bahagian 2 hendaklah ditulis di Kertas Jawapan yang disediakan.
3.
 - a. Bahagian 1: Kamus yang diluluskan boleh digunakan bagi bahagian ini.
Masa yang diperuntukkan bagi penggunaan kamus: 1 jam 15 minit.
 - b. Bahagian 2: Kamu tidak dibenarkan menggunakan kamus.
4. Baca arahan yang diberikan bagi setiap bahagian dengan teliti dan jawab soalan seperti yang diarahkan.
5. Lampirkan kertas halaman ini di hadapan kertas jawapan kamu. Tuliskan nombor soalan yang dijawab di ruangan yang disediakan di bawah.

Soalan	Markah	
	Isi	/17
	Bahasa	/18
	Jumlah	/35

This document consists of 2 printed pages.



BAHAGIAN A (35 markah)

Arahan: Tulis sebuah karangan yang panjangnya tidak kurang daripada 460 patah perkataan mengenai satu tajuk di bawah ini.


(Dalam pemberian markah, gaya bahasa, isi karangan dan susunannya akan dipertimbangkan.)

- 1 Seandainya kamu gagal untuk merancang, kamu sebenarnya sedang merancang untuk gagal. Beri pandangan kamu tentang pernyataan ini.
- 2 Keegoaan merupakan senjata ampuh yang akan membinasakan diri sendiri. Ceritakan pengalaman kamu berdasarkan pernyataan ini.
- 3 Pendidikan merupakan alat untuk melenyapkan perbezaan. Komen.
4. Tulis sebuah karangan berdasarkan rangsangan yang dipaparkan di bawah ini.



(Dipetik daripada <http://physiosporttherapy.com/single-post/2018/06/05/So-Why-Do-You-Do-What-You-Do>)

Selesai.

**INNOVA JUNIOR COLLEGE****JC 2 PRELIMINARY EXAMINATION**

in preparation for General Certificate of Education Advanced Level

Higher 2CANDIDATE'S
NAME

CG

INDEX NUMBER

BAHASA DAN KESUSASTERAAN MELAYU

Kertas 1 (Bahagian 2)

9573/1

(Part 2)

MALAY LANGUAGE AND LITERATURE

Paper 1 (Part 2)

10 Sept 2018

2 hours 15 minutes

(Total Time for Part 1 and Part 2)

Additional Materials: Writing Paper

ARAHAN UNTUK CALON

1. Sila lihat arahan yang terdapat dalam Bahagian 1.
2. Jawab **SEMUA** soalan dalam bahagian ini.
3. Jawapan kamu hendaklah ditulis di Kertas Jawapan yang disediakan.
4. Tulis nama dan CG kamu dengan jelas pada kertas ini dan kertas jawapan kamu.
5. Lampirkan kertas soalan ini di hadapan kertas jawapan kamu (Bahagian 2).

Markah	
Bahagian 1	/ 35
Bahagian 2	/ 35
Total	/ 70

This document consists of 4 printed pages and 1 blank page.

BLANK PAGE

SmileTutor.sg

ARAHAN : Jawab SEMUA soalan.

BAHAGIAN A (5 markah)

Arahan : Dalam petikan karangan di bawah ini, terdapat 5 tempat kosong. Isi setiap tempat kosong ini dengan perkataan yang sesuai, mengikut konteks petikan karangan tersebut. Kemudian, tulis jawapan kamu mengikut susunan perkataan dalam petikan karangan.

Masalah rasuah yang sekian lama menjadi duri dalam daging hingga kini masih tidak dapat dibanteras. Menurut Kamus Dewan, rasuah ditakrifkan sebagai **(1)**_____ untuk tumbuk rusuk dan berlaku dalam pelbagai bentuk seperti sogokan berupa wang hadiah dan seumpamanya. Semua orang mengetahui tentang kejiikan perbuatan rasuah. Ahli ekonomi berpendapat rasuah berpunca daripada **(2)**_____ ekonomi akibat proses pembangunan yang pesat. Kehidupan menjadi kompleks dengan perlumbaan hidup yang kian mencabar. Setiap gerak hidup memerlukan wang sedangkan tidak semua individu dapat mengikut arus perkembangan ini. Untuk **(3)**_____ diri dengan keadaan, seseorang individu itu akan mencari sumber lain bagi menampung keperluan harian mereka. Maka seseorang akan mudah **(4)**_____ ke dalam kegiatan rasuah jika tahap keimanannya rendah. Rasuah berlaku disebabkan sikap masyarakat yang suka memberi rasuah dalam sesuatu urusan. Orang ramai seolah-olah dapat menerima bahawa rasuah merupakan satu perkara **(5)**_____ lalu menjadikannya amalan dalam kehidupan. Peranan masyarakat sangat penting untuk menangani masalah ini. Masyarakat hendaklah mengubah sikap dengan menghindari amalan rasuah dan memerangi habis-habisan amalan keji ini hingga ke akar umbi.

BAHAGIAN B (30 markah)

Arahan : Baca petikan karangan di bawah ini dengan teliti.

Budaya, tamadun dan nilai-nilai sering diperkatakan. Ramai yang menganggap bahawa apabila sesebuah masyarakat itu menjadi semakin 'maju', maka budaya semakin halus, tamadun semakin menyerlah, dan nilai-nilai baik semakin teguh, tetapi kerap kali anggapan tersebut meleset dan kehampaan terasa. Bayangkan senario di sebuah kafe di mana terdapat sekumpulan remaja yang berbual dan ketawa sekuat hati. Mereka langsung tidak menghiraukan atau mempedulikan bahawa kebisingan gelak ketawa mereka sebenarnya mengganggu pelanggan-pelanggan restoran yang duduk di sekeliling. Sikap mereka ialah, "peduli apa orang lain!" Sama seperti sikap pemandu kereta yang memecut di jalan raya sehingga membahayakan atau mungkin membunuh pengguna jalan raya lain yang **berhemah** menggunakan jalan raya tersebut.

Sikap penting diri seperti ini adalah bertentangan dengan apa yang sewajarnya dalam masyarakat yang menuju ke arah kemajuan. Perkara itu sebenarnya mengundur ke belakang, ke arah kemunduran minda dan kelakuan seperti pada zaman silam yang tiada peraturan untuk melindungi kepentingan awam dan kepentingan diri yang semata-mata menjadi dorongan. Dalam kalangan sesetengah anak-anak muda telah terdapat gejala-gejala tidak menghiraukan soal menghormati orang lain. Tidak kira muda atau tua. **Kebebasan mutlak** dijadikan motivasi dan panduan diri dan tindakan. Mereka berbuat dan berkata sesuka hati tanpa mempedulikan kesan dan akibatnya. Kerugian amat dikesali seandainya keadaan ini menanah dalam masyarakat sehingga nasib mereka yang lebih memerlukan tidak terbela dan melarat serta sikap bagai enau dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing menjadi pedoman hidup.

Siapakah yang hendak dipersalahkan? Pasti sedikit sebanyak boleh disalahkan kekurangan didikan dan ajaran dalam keluarga disebabkan ibu bapa dan penjaga terlalu menganggap diri mereka sibuk dengan urusan-urusan sendiri dan tiada masa untuk mengawal dan memandu anak-anak serta membiarkan anak-anak mencari jalan sendiri walau pun jalan tersebut sesat dan tidak betul. Begitu juga di sekolah yang mana prestasi cemerlang dalam peperiksaan menjadi ukuran sehingga tiada kewajaran untuk aspek kualitatif seseorang pelajar.


Di mana letak punca kesalahan? Adakah kita terperangkap di dalam ketaksuban kita dengan ukuran pembangunan secara **kuantitatif** tanpa menghiraukan soal kualitatif seperti hidup bermasyarakat, menghormati diri dan orang lain, mengambil kira kepentingan orang lain supaya kelakuan seseorang tidak menjejaskan orang lain yang juga ada hak mereka.

Walau apa pun, perlu diawasi bersama sikap yang mementingkan diri dan tidak mempedulikan kepentingan orang lain. Ajar dan pandulah anak-anak muda dengan penuh komitmen. Mereka bakal menjadi pemimpin serba boleh dalam politik, perniagaan, pentadbiran pemerintah dan masyarakat. Mereka bakal menjadi generasi ibu bapa pada masa depan dan sewajarnya diharapkan akan bertanggungjawab mendidik keluarga masing-masing. Kita hidup bermasyarakat. Kepentingan kita saling berkait antara satu dengan yang lain secara langsung dan tidak langsung. Jangan sekali-kali budaya kita berubah melalui masa sehingga berteraskan sikap 'apa kita peduli?'.

Arahan: Berdasarkan petikan karangan di halaman 4 dan 5, jawab soalan-soalan berikut dengan menggunakan ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu di kertas tulisan yang disediakan.

6. Mengapakah anggapan umum terhadap masyarakat maju meleset? (6m)
7. Apakah ciri kehidupan masyarakat moden yang mencetuskan sikap penting diri? (6m)
8. Kenapa sikap 'apa kita peduli' perlu dielakkan dalam masyarakat? (6m)
9. Belia wajib menjadi tumpuan usaha mengelakkan sikap penting diri dalam masyarakat. Huraikan. (6m)
10. Terangkan maksud perkataan-perkataan berikut menurut konteks petikan yang diberikan : (6m)
 - i) berhemah
 - ii) kebebasan mutlak
 - iii) kuantitatif

Selesai



INNOVA JUNIOR COLLEGE
JC2 PRELIMINARY EXAMINATION
in preparation for General Certificate of Education Advanced Level
Higher 2

BAHASA DAN KESUSASTERAN MELAYU

9573/2

Kertas 2 (kertas soalan)

10 Sept 2018

MALAY LANGUAGE AND LITERATURE

Paper 2 (question paper)

1 hour

ARAHAN UNTUK CALON

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi dua sumber dan empat soalan.
2. Baca setiap sumber dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang diberikan dengan menggunakan ayat kamu sendiri.
3. Taip jawapan kamu di dalam dokumen kertas jawapan yang disediakan.
4. Kamus TIDAK boleh digunakan bagi kertas ini.

This document consists of 4 pages.



Innova Junior College

Sumber A

Globalisasi sering dikaitkan dengan istilah dunia tanpa sempadan. Ini merujuk kepada pengurangan atau penghapusan beberapa sekatan yang dikenakan oleh sesebuah negara terhadap transaksi yang merentas sempadan negaranya. Situasi ini menjadikan modal perdagangan, teknologi dan manusia bebas.

Kebanyakan negara membangun mempunyai sumber bahan mentah yang banyak. Dasar keterbukaan telah mengundang masuk syarikat berbilang bangsa (MNC) dari negara maju untuk melebarkan sayap perniagaan, lebih-lebih lagi dengan kehadiran komoditi. Dengan saiz modalnya yang besar, MNC akan menguasai sebahagian besar daripada bidang pengeluaran dan perdagangan di negara membangun. MNC lazim mengaut keuntungan yang lumayan dengan membayar rendah gaji buruh dan menjual tinggi hasil pengeluaran syarikat ke pasaran luar.

Penghapusan sempadan mendorong negara-negara untuk menubuhkan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa seperti Tabungan Kewangan Dunia (IMF) dan Bank Dunia untuk memelihara kebajikan bersama. Organisasi-organisasi ini melabelkan diri mereka sebagai 'penyelamat' negara membangun dan mundur kerana memberikan pinjaman wang untuk menyelesaikan masalah. Kebanyakan dasar yang diusulkan pertubuhan-pertubuhan ini berjanji untuk membangunkan negara. Namun, banyak persoalan timbul apabila pinjaman yang diberikan tidak berupaya menanganinya. Masalah negara-negara membangun menjadi semakin meruncing apabila mereka dikenakan kadar bunga yang tinggi, lantas memerangkap negara-negara miskin dalam kancah perhutangan. Syarat-syarat berat sebelah yang dikenakan seperti liberalisasi perdagangan pula terbukti menghambat perkembangan ekonomi tempatan.

Sumber B

Ketika merayakan ulang tahun kemerdekaan tanah air, elok juga kita melihat hal-hal di luar daripada kerangka kejayaan ekonomi atau pembangunan. Jangan sampai tumpuan terlalu banyak diberikan pada kejayaan kita.

Globalisasi sedang melanda kita. Dasar langit terbuka yang kita amalkan mengundang pelbagai ancaman. Anak-anak kita terdedah kepada pelbagai cabaran baru – termasuk budaya asing yang boleh menjajah minda. Internet bukan sahaja menjadi sungai besar yang mengalirkan banyak kebaikan tetapi juga berisi kotoran dan najis. Hari ini, maklumat dan ilmu datang tanpa tapisan. Kita tidak ada pilihan melainkan mengikut rentak baru perubahan dalam dunia hari ini ekoran teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Semua itu mulai menjejaskan cara kita berhubungan, berinteraksi, berkeluarga dan bermasyarakat.


Satu aspek yang amat kurang diberi perhatian apabila kita bercakap mengenai perayaan kemerdekaan ialah soal akhlak dan adab sopan. Akhlak dan adab sopan ialah ciri penting sebuah tamadun. Rakyat perlu mempunyai minda kelas pertama yang bermaksud mereka berpengetahuan, mampu berdaya saing, berbudaya kerja cemerlang, berintegriti dan memiliki kekuatan moral.

Di samping itu, rakyat kita juga harus tahu menghayati dan menghargai budaya, kesenian dan warisan serta sejarah negara, bangsa dan agama agar jati diri yang kukuh dapat dibentuk dalam kalangan rakyat dan identiti nasional akan kekal terserlah pada diri mereka. Lantas, mereka tidak akan mudah dihanyutkan oleh arus globalisasi kerana sangat menyeronokkan apabila jelas di sekeliling kita terlihat bagaimana kesan daripada kemajuan, globalisasi dan teknologi telah mengubah nilai dalam masyarakat.

Arahan : Berdasarkan Sumber A dan Sumber B, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat kamu sendiri.

1. Berdasarkan Sumber A, jelaskan sebab-sebab syarikat berbilang negara tertarik untuk bertapak di negara-negara membangun. (4 markah)
2. Berdasarkan Sumber B, mengapa Dasar Langit Terbuka mengundang ancaman? (4 markah)
3. Bagaimanakah kandungan petikan Sumber A dan Sumber B saling menyokong? (7 markah)
4. “Globalisasi menjajahi kehidupan tanpa kekerasan tentera”. Berikan komen kamu tentang hal ini. Jawapan kamu tidak harus melebihi 160 patah perkataan. (15 markah)

Selesai



INNOVA JUNIOR COLLEGE
JC 2 PRELIMINARY EXAMINATION
in preparation for General Certificate of Education Advanced Level
Higher 2

CANDIDATE
NAME

CG

CENTRE
NUMBER

INDEX
NUMBER

MALAY LANGUAGE AND LITERATURE

9573/ 3

Paper 3

13 September 2018

Candidates answer on the Writing Paper.

3 hours

ARAHAN

1. Baca arahan yang diberikan dengan teliti. Kemudian, jawab soalan seperti yang diarahkan.
2. Tulis jawapan kamu pada kertas yang diberikan. Tuliskan nombor soalan dengan jelas dan mulakan setiap soalan pada muka surat yang baru.
3. Tuliskan nama dan CG kamu dengan jelas pada kertas ini dan kertas jawapan kamu.
4. Tuliskan nombor soalan yang kamu jawab di dalam kotak yang sesuai.
5. Lampirkan kertas soalan ini pada kertas jawapan kamu.

Bahagian A	Bahagian B	Bahagian C	Bahagian D	Jumlah Markah Kertas 3

This document consists of 3 printed page and 1 blank page.



Innova Junior College

Need a home tutor? Visit smiletutor.sg

ARAHAN: Jawab **EMPAT** soalan kesemuanya. Calon hendaklah menjawab **SATU** soalan daripada Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C & Bahagian D.

BAHAGIAN A
NOVEL JENDELA MENGHADAP JALAN OLEH RUHAINI MATDARIN

- 1 Tema novel *Jendela Menghadap Jalan* karya Ruhaini Matdarin dihidupkan oleh watak-watak dalam novel tersebut. Jelaskan. (25 markah)

- 2 Jelaskan bagaimana penggunaan unsur-unsur plot telah meningkatkan penghayatan pembaca terhadap novel *Jendela Menghadap Jalan* karya Ruhaini Matdarin. (25 markah)

BAHAGIAN B
CERPEN – ANTOLOGI BEGITULAH KATA-KATA

- 3 Basiran Haji Hamzah mengajak pembaca untuk melakukan introspeksi dalam kehidupan mereka melalui cerpennya, *Suatu Perjalanan Sebuah Peta Sebuku Roti*. Jelaskan. (25 markah)

- 4 Sesebuah karya sastera mampu mencetuskan keinsafan dalam diri manusia. Jelaskan pernyataan ini berdasarkan cerpen *Pertemuan* karya Isa Kamari. (25 markah)

BAHAGIAN C
SAJAK – ANTOLOGI BEGITULAH KATA-KATA

- 5 Manusia akan rugi sekiranya mereka enggan melakukan muhasabah diri. Jelaskan pernyataan ini berdasarkan sajak *Menjaring Mentari Hidupku* karya Abdul Kadir Pandi. (25 markah)
- 6 Sajak *Pustakaku Di Remang Senja* karya Sa'eda Buang berjaya menggunakan gaya bahasa untuk mengajukan pelbagai nilai yang dapat memajukan masyarakat. Jelaskan. (25 markah)

BAHAGIAN D
DRAMA – ANTOLOGI BEGITULAH KATA-KATA

- 7 Sikap sabar menjadi intipati hubungan sesama manusia. Jelaskan pernyataan ini berdasarkan drama *Cahaya Di Hujung Senja* karya M Saffri A Manaf. (25 markah)
- 8 Kepentingan sastera dalam kehidupan diketengahkan dalam drama *Titik Pertemuan* oleh Rohman Munasip. Jelaskan. (25 markah)

Selesai

2018 IJC Preliminary Examination
H2MLL Paper 1 Part 2 – Answer Scheme

Bahagian A

Masalah rasuah yang sekian lama menjadi duri dalam daging hingga kini masih tidak dapat dibanteras. Menurut Kamus Dewan, rasuah ditakrifkan sebagai **(1)pemberian** untuk tumbuk rusuk dan berlaku dalam pelbagai bentuk seperti sogokan berupa wang hadiah dan seumpamanya. Semua orang mengetahui tentang kejiikan perbuatan rasuah. Ahli ekonomi berpendapat rasuah berpunca daripada **(2)tekanan** ekonomi akibat proses pembangunan yang pesat. Kehidupan menjadi kompleks dengan perlumbaan hidup yang kian mencabar. Setiap gerak hidup memerlukan wang sedangkan tidak semua individu dapat mengikut arus perkembangan ini. Untuk **(3)menyesuaikan** diri dengan keadaan, seseorang individu itu akan mencari sumber lain bagi menampung keperluan harian mereka. Maka seseorang akan mudah **(4)tererumus** ke dalam kegiatan rasuah jika tahap keimanannya rendah. rasuah berlaku disebabkan sikap masyarakat yang suka memberi rasuah dalam sesuatu urusan. Orang ramai seolah-olah dapat menerima bahawa rasuah merupakan satu perkara **(5)biasa** lalu menjadikannya amalan dalam kehidupan. Peranan masyarakat sangat penting untuk menangani masalah ini. Masyarakat hendaklah mengubah sikap dengan menghindari amalan rasuah dan memerangi habis-habisan amalan keji ini hingga ke akar umbi.

Bahagian B

6. Mengapakah anggapan umum tentang masyarakat maju meleset?

Isi Utama 1:

Masyarakat mengamalkan sikap penting diri yang bertentangan dengan apa yang sewajarnya ada dalam masyarakat yang menuju ke arah kemajuan.

Isi Sampingan 1:

Hal ini mengundur ke belakang, ke arah kemunduran minda dan kelakuan

Isi Utama 2:

Masyarakat menjadikan kebebasan mutlak sebagai motivasi dan panduan diri dan tindakan.

Isi Sampingan 2

Mereka berbuat sesuka hati tanpa mempedulikan kesan dan akibatnya.

7. Apakah ciri kehidupan masyarakat moden yang menyebabkan masyarakat mengamalkan sikap penting diri?

Isi Utama 1:

Kehidupan yang terlalu sibuk

Isi Sampingan 1:

Anak-anak kekurangan didikan dan ajaran dalam keluarga

Isi Utama 2:

Kecemerlangan menjadi sasaran

Isi Sampingan 2:

Prestasi cemerlang dalam peperiksaan menjadi ukuran sehingga tiada kewajaran untuk aspek kualitatif seseorang pelajar.

8. Belia menjadi tumpuan usaha mengelakkan sikap penting diri dalam masyarakat. Huraikan.

Isi Utama 1:

Mereka bakal menjadi pemimpin serba boleh dalam politik, pemiagaan, pentadbiran kerajaan dan masyarakat

Isi Sampingan 1:

Maka harus diajar dan dipandu dengan penuh komitmen

Isi Utama 2:

Mereka bakal menjadi generasi ibu bapa pada masa depan

Isi Sampingan 2:

Sewajarnya diharapkan akan bertanggungjawab mendidik keluarga masing-masing.

9. Kenapa sikap 'apa kita peduli' perlu dielakkan dalam masyarakat?

Isi Utama 1:

Kepentingan anggota masyarakat saling berkait antara satu sama lain secara langsung atau tidak.

Isi Sampingan 2:

Perlu mengambil kira kepentingan orang lain supaya kelakuan seseorang tidak menjejaskan orang lain yang juga ada hak mereka.

Isi Utama 2:

Golongan yang memerlukan perlu dibela agar nasib mereka tidak melarat.

Isi Sampingan 2:

Sikap enau dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing tidak harus dijadikan pedoman hidup.

10. (i) **berhemah:** mempunyai budi pekerti yang tinggi
(ii) **kebebasan mutlak:** ketiadaan halangan yang tiada batasan
(iii) **kuantitatif:** berdasarkan jumlah atau bilangan

SmileTutor.sg

**2018 IJC Preliminary Examination
H2MLL Paper 2 – Answer Scheme**

Arahan : Berdasarkan Sumber A dan Sumber B, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat kamu sendiri.

1. Berdasarkan Sumber A, jelaskan sebab-sebab syarikat berbilang negara tertarik untuk bertapak di negara-negara membangun. (4 markah)

Isi 1:

Dasar keterbukaan telah mengundang masuk syarikat berbilang bangsa (MNC) dari negara maju untuk melebarkan sayap perniagaan, lebih-lebih lagi dengan kehadiran komoditi.

Contoh 1:

Kebanyakan negara membangun mempunyai sumber bahan mentah yang banyak

Isi 2:

MNC akan menguasai sebahagian besar daripada bidang pengeluaran dan perdagangan di negara membangun

Contoh 2:

MNC lazim mengaut keuntungan yang lumayan dengan membayar rendah gaji buruh dan menjual tinggi hasil pengeluaran syarikat ke pasaran luar.

2. Berdasarkan Sumber B, mengapa Dasar Langit Terbuka mengundang ancaman? (4 markah)

Isi 1:

Anak-anak kita terdedah kepada pelbagai cabaran baru

Contoh 1:

Budaya asing yang boleh menjajah minda

Isi 2:

Maklumat dan ilmu datang tanpa tapisan

Contoh 2:

Internet mengalirkan banyak kebaikan tetapi juga berisi kotoran dan najis

3. Bagaimanakah kandungan petikan Sumber A dan Sumber B saling menyokong? (7 markah)

Ayat Topik:

Sumber A dan B saling menyokong isu keterbukaan globalisasi yang menghapuskan sempadan dunia namun mendatangkan keburukan di sebalik kebaikan yang diberikan.

Sumber A:

Penghapusan sempadan mendorong negara-negara untuk menubuhkan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa seperti Tabungan Kewangan Dunia (IMF) dan Bank Dunia untuk memelihara kebajikan bersama. Namun, bantuan kewangan yang sepatutnya membantu menyelesaikan masalah kewangan negara membangun sebenarnya menjerat negara-negara ini dengan kadar bunga yang tinggi dan mereka terpaksa berhutang.

Sumber B:

Globalisasi melihat kedatangan Internet yang menawarkan pelbagai maklumat dan ilmu namun ini semua datang tanpa tapisan dan Internet sebenarnya penuh dengan kotoran dan najis sehingga dapat menjejaskan cara kita berhubung, berinteraksi, berkeluarga dan bermasyarakat.

4. “Globalisasi menjajah kehidupan tanpa kekerasan tentera”. Berikan komen kamu tentang hal ini. Jawapan kamu tidak harus melebihi 160 patah perkataan. (15 markah)

- Penjajahan minda
- Penjajahan privasi
- Penjajahan budaya, bahasa, tradisi
- Penjajahan akhlak, moral, kerohanian
- Penjajahan gaya hidup
- Penjajahan ekonomi
- Penjajahan sumber negara

Selesai

SmileTutor.sg

BAHAGIAN A
NOVEL JENDELA MENGHADAP JALAN OLEH RUHAINI MATDARIN

- 1 Tema novel *Jendela Menghadap Jalan* karya Ruhaini Matdarin dihidupkan oleh watak-watak dalam novel tersebut. Jelaskan.
- Tema: Permuafakatan dalam kehidupan bermasyarakat
- 1) Watak Seman/Che Jah/Haziq/Rafik:
Masalah kepincangan rumah tangga
 - 2) Watak Datuk dan Danel:
Persaingan antara perubatan tradisional dan moden/Amalan perubatan tradisional
 - 3) Watak Lili/Geetha/Danel:
Hubungan kemanusiaan yang tidak mengira agama/bangsa
 - 4) Watak Lili:
Sikap kepedulian dalam masyarakat
- 2 Jelaskan bagaimana penggunaan unsur-unsur plot telah meningkatkan penghayatan pembaca terhadap novel *Jendela Menghadap Jalan* karya Ruhaini Matdarin.
- 1) Unsur Plot: Dialog (antara Datuk dan Danel)
Penghayatan: Persoalan persaingan antara perubatan tradisional dan moden
 - 2) Monolog Dalaman: Lili
Penghayatan: Watak Lili dan perasaannya
 - 3) Saspens: Penculikan Lili
Penghayatan: Pengajaran- Kita wajar memaafkan orang lain
 - 4) Konflik: Che Jah/Seman/Rafik/Haziq
Penghayatan: Nilai ketabahan, keinsafan, prihatin

BAHAGIAN B

CERPEN – ANTOLOGI BEGITULAH KATA-KATA

- 3 Basiran Haji Hamzah mengajak pembaca untuk melakukan introspeksi dalam kehidupan mereka melalui cerpennya, *Suatu Perjalanan Sebuah Peta Sebuku Roti*. Jelaskan. (25 markah)
- 1) Watak Alif yang suka bertanya:
Introspeksi keadaan diri sama ada berani bertanya atau terus hanyut dalam kekaburan apabila menghadapi masalah
 - 2) Perutusan bersyukur dengan apa yang kita perolehi:
Introspeksi tahap kesyukuran diri sama ada bersyukur atau tidak berpuas hati dan serakah
 - 3) Persoalan kepentingan kebersihan jiwa
Introspeksi jiwa dan hati
 - 4) Pengajaran kita boleh berkawan dengan sesiapa sahaja tetapi harus bijak menilai sama ada kawan-kawan kita baik atau merosakkan
Introspeksi pemilihan kawan dalam kehidupan dan juga diri sebagai seorang kawan
- 4 Sesebuah karya sastera mampu mencetuskan keinsafan. Jelaskan pernyataan ini berdasarkan cerpen *Pertemuan* karya Isa Kamari.
- 1) Persoalan kepentingan bermuhasabah diri
Keinsafan tentang keadaan diri yang tidak memberi ruang kepada diri sendiri untuk keluar daripada rutin automosi agar tidak terperangkap dalam perkembangan teknologi yang pesat
 - 2) Perutusan manusia menganggap teknologi dapat memberikan kesempurnaan hidup
Keinsafan tentang diri yang berasa marah dan cemas apabila teknologi gagal membantu dalam tugas harian
 - 3) Watak manusia canggih
Keinsafan tentang diri yang walaupun berintelekt tinggi dan maju tetapi kekurangan nilai
 - 4) Nilai rasional
Keinsafan tentang keadaan diri yang tidak bijak membataskan kebergantungan terhadap teknologi sehingga tidak berdikari

BAHAGIAN C
SAJAK – ANTOLOGI BEGITULAH KATA-KATA

- 5 Manusia akan rugi sekiranya mereka enggan melakukan muhasabah diri. Jelaskan pernyataan ini berdasarkan sajak *Menjaring Mentari Hidupku* karya Abdul Kadir Pandi.
- 1) Persoalan: Fenomena alam sebagai cerminan kehidupan manusia
Rugi: Kalau tidak sedar kesuntukan masa dalam kehidupan dan hidup berfoya-foya
 - 2) Persoalan: Setiap kebaikan dan keburukan ada hikmahnya
Rugi kalau tidak bermuhasabah diri kerana tidak dapat menikmati segala hikmah yang Allah sediakan
 - 3) Persoalan: Sikap manusia yang menyalahkan alam atau orang lain atas kesilapan yang berlaku
Rugi kerana akan tidak dapat menjadikan insan yang lebih baik
 - 4) Persoalan: Sikap sombong dan ego menghindari muhasabah diri
Rugi kerana tidak mengetahui kelemahan sendiri
- 6 Sajak *Pustakaku Di Remang Senja* karya Sa'eda Buang berjaya menggunakan gaya bahasa untuk mengajukan pelbagai nilai yang dapat memajukan masyarakat. Jelaskan.
- 1) Nilai keinsafan: pengulangan perkataan malam
Ajal pasti datang oleh itu perlu berbakti kepada masyarakat selagi bernyawa
 - 2) Nilai tanggungjawab: Hiperbola
Kesedaran tentang tanggungjawab terhadap kemajuan bangsa
 - 3) Nilai kesabaran: Personifikasi
Menimba ilmu proses yang panjang dan perlukan kesabaran supaya akhirnya dapat menyumbang balik kepada masyarakat
 - 4) Nilai kegigihan menimba ilmu: Perlambangan
Ilmu satu nikmat

BAHAGIAN D
DRAMA – ANTOLOGI BEGITULAH KATA-KATA

- 7 Sikap sabar menjadi intipati hubungan sesama manusia. Jelaskan pernyataan ini berdasarkan drama *Cahaya Di Hujung Senja* karya M Saffri A Manaf.
- 1) Hubungan anak dengan ayah: Norin dan Mail
 - 2) Hubungan suami dan isteri: Kiah dan Kassim
 - 3) Hubungan sesama kawan: Mail dan Kassim
 - 4) Hubungan antara kenalan: Rudi dan Mail
- 8 Kepentingan sastera dalam kehidupan diketengahkan dalam drama *Titik Pertemuan* oleh Rohman Munasip. Jelaskan.
- 1) Menghubungkan manusia: Yusman dan Adam
 - 2) Pengubat hati yang terluka: Yusman
 - 3) Wadah untuk berbicara dengan berhemah dan berilmu: Adam dan Yusman
 - 4) Perjuangan dalam kehidupan: Adam, Lina, Yusman



Jurong Junior College
J2 Preliminary Examination 2018

H2 BAHASA DAN KESUSASTERAAN MELAYU

9573 / 1

Kertas 1 (Bahagian 1)

(Part 1)

H2 MALAY LANGUAGE AND LITERATURE

27 August 2018

Paper 1 (Part 1)

2 hours 15 minutes

(Total Time for Part 1 and Part 2)

ARAHAN UNTUK CALON

1. Kertas ini tercetak dalam dua bahagian yang berasingan: Bahagian 1 dan Bahagian 2.
2. Semua jawapan hendaklah ditulis dengan menggunakan kertas tulis yang disediakan.

3. PENGGUNAAN KAMUS

- a) Bahagian 1: Kamus yang diluluskan boleh digunakan bagi bahagian ini.

Masa yang diperuntukkan bagi penggunaan kamus: 1 jam 15 minit.

- b) Bahagian 2: Kamu tidak dibenarkan menggunakan kamus.


4. Baca arahan yang diberikan bagi setiap bahagian dengan teliti dan jawab soalan seperti yang diarahkan.

Kertas soalan ini mengandungi 2 halaman bercetak

Arahan: Tulis karangan yang panjangnya tidak kurang daripada 460 patah perkataan berdasarkan satu daripada soalan-soalan yang berikut.

(35 markah)

1. Pemerintah perlu mengeluarkan lebih banyak peruntukan dalam usaha meningkatkan kesejahteraan hidup golongan tua. Komen.
2. Rasa sakit mengajar aku untuk lebih kuat, lebih berhati-hati, lebih dewasa dan lebih baik lagi. Ceritakan pengalaman itu dan terangkan perasaan kamu sepanjang masa tersebut.
3. Platform-platform media sosial ibarat toksik dalam masyarakat berbilang kaum. Sejauh manakah kamu bersetuju dengan pernyataan ini?
4. Tulis karangan berdasarkan situasi yang dipaparkan di bawah ini.



Selesai



Jurong Junior College
J2 Preliminary Examination 2018

H2 BAHASA DAN KESUSASTERAAN MELAYU

9573 / 1

Kertas 1(Bahagian 2)

(Part 2)

H2 MALAY LANGUAGE AND LITERATURE

27 August 2018

Paper 1(Part 2)

2 hours 15 minutes

(Total Time for Part 1 and Part 2)

ARAHAN UNTUK CALON

Sila lihat arahan yang terdapat dalam Bahagian 1.

ARAHAN : Jawab SEMUA soalan.

BAHAGIAN A (5 markah)

Arahan: Dalam petikan karangan di bawah ini terdapat 5 tempat kosong. Isi setiap tempat kosong ini dengan perkataan yang sesuai mengikut konteks petikan karangan tersebut. Tulis jawapan kamu di dalam Buku Jawapan yang disediakan.

Tanpa mengira jantina lelaki mahupun perempuan, memiliki tubuh badan yang langsing dan sihat menjadi keutamaan. Ternyata, ramai sudah menyedari akan **(1)**_____ mengambil makanan berkhasiat untuk memastikan kesihatan yang baik. Ramai juga yang sudah mula **(2)**_____ kepada konsep pemakanan yang dipanggil pemakanan bersih (*Clean Eating*). **(3)**_____ mudahnya, pemakanan bersih ialah satu pendekatan pemakanan yang mendakap makanan lengkap seperti sayur-sayuran, buah-buahan dan bijirin penuh dan **(4)**_____ makanan-makanan yang diproses dan mengandungi bahan pengawet. Melalui **(5)**_____ hidangan pemakanan bersih, tubuh badan mampu meraih tenaga mencukupi yang mengandungi karbohidrat, protein, serat dan lemak secara optimum. Tegasnya, penyusunan diet yang berkesan dan pemilihan makanan yang bijak penting dalam meningkatkan kesihatan.

BAHAGIAN B (30 markah)

Arahan: Baca petikan karangan di bawah ini dengan teliti.

Bahasa dan Masyarakat : Perkembangan teknologi dan ekonomi meminggirkan bahasa ibunda?

Kepesatan dalam kegiatan sains dan teknologi jauh meninggalkan perkembangan bahasa dan sastera dipacu kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi. Realitinya, sifat perkembangan teknologi yang **merentas** batasan budaya dan nilai masyarakat tempatan maklumat mampu melenyapkan sesuatu bahasa yang tidak dapat menyaingi perkembangan teknologi yang pantas berkembang. Situasi ini dapat dilihat melalui sikap sesetengah masyarakat yang sengaja meminggirkan bahasa sendiri dan menerima pakai terus bahasa asing yang digunakan dalam mengungkapkan teknologi maklumat dan komunikasi. Penggunaan teknologi yang disediakan dalam bahasa asing itu dikatakan memudahkan mereka meraih dan menerima ilmu baharu yang seiring dengan perkembangan semasa. Yang pasti, perkembangan ini berkemungkinan memberi satu ancaman terhadap bahasa ibunda dan pemeliharaannya.

Jika dilihat dari sudut aktiviti penyelidikan pula, dana yang diperuntukkan untuk penyelidikan sains dan teknologi juga jauh lebih banyak berbanding dana yang disediakan untuk aktiviti penyelidikan dalam bidang sosiolinguistik, kebudayaan, bahasa dan sastera. Peranan sains dan sastera sama pentingnya kerana sains dibangunkan dengan kerasionalisan manakala emosi dan nilai budaya insani pula dibangunkan oleh bahasa dan kesusasteraan bangsa. Sepatutnya, suntikan dana yang lebih penting demi menggalak golongan karyawan bahasa dan elit sastera melakukan penyelidikan yang berkualiti dalam usaha pembangunan budaya, bahasa dan sastera tempatan.

Selain itu, dalam lanskap ekonomi terbuka, golongan peniaga dan pakar ekonomi menentukan dasar negara dan sejagat. Maka itu, aktiviti yang dapat menyuburkan dan mengukuhkan ekonomi dalam masa yang singkat diutamakan berbanding isu bahasa dan sastera yang hasilnya tidak memberikan sumbangan secara langsung kepada pendapatan negara. Bahasa yang mempunyai nilai ekonomi dimartabatkan. Akibatnya, pembangunan bahasa, budaya dan sastera tempatan kurang sokongan dan menjadi **terhimpit**. Bahasa asing yang bernilai ekonomi itu berjaya membina budayanya sendiri dalam masyarakat tempatan atas alasan melancarkan perniagaan dan meningkatkan pendapatan.

Sebagai penutur bahasa Melayu, kita tidak pernah meremehkan kepentingan menguasai bahasa asing, tetapi bahasa asing tidak mampu mengambil tempat bahasa ibunda dalam usaha membina peradaban bangsa. Bukan sekadar perantara untuk menyampaikan ilmu, dalam bahasa ada falsafah, budaya dan citra penutur jati sesebuah bangsa. Oleh itu, pengayaan bahasa bererti pengayaan dalam falsafah, budaya dan pembinaan skema berfikir yang menjurus kepada pembentukan diri seseorang yang berbangsa dan beradab. Maka itulah bahasa disebut sebagai bahasa jiwa bangsa..

Sehubungan dengan ini, pengisian estetika bahasa mencipta sastera. Sastera yang tercipta didorong oleh peradaban, budaya dan penghayatan nilai dan agama seseorang. Tamsilnya, karya kesusasteraan Melayu baik lisan ataupun tulisan terlahir dalam lingkungan yang menganjurkan nilai-nilai kemanusiaan, pembinaan watak dan bukan semata-mata dirangsang oleh budaya bersifat konsumerisme dan eksploitisme. Tegasnya, sastera **mengasah** jiwa manusia dan membangunkan peribadi yang sempurna.

Kesimpulannya, dalam pembinaan individu yang syumul, kedua-duanya perlu ada; sebagai faktor yang saling-melengkapi dan berinteraksi. Kemajuan sesebuah bangsa atau negara tidak hanya berasaskan ukuran kewangan dan kemajuan dalam sains dan teknologi tetapi lebih menjurus kepada hubungannya dengan aspek-aspek kemanusiaan dan kerohanian. Kerjasama antara dua amat kritikal kerana masyarakat tanpa sains akan gersang, manakala masyarakat tanpa sastera akan menjadi tempang.

(lihat halaman sebelah)

Arahan: Berdasarkan petikan karangan di halaman 3, jawab soalan-soalan berikut dengan menggunakan ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu di kertas tulisan yang disediakan.

- 6 Jelaskan bagaimana kemajuan sains dan teknologi mampu menjejaskan perkembangan sesebuah bahasa. (6 markah)
- 7 Pengkaji-pengkaji bidang bahasa dan budaya berdepan dengan pelbagai cabaran. Jelaskan. (6 markah)
- 8 Mengapakah usaha membentuk identiti bangsa perlu dilakukan dalam bahasa ibunda? (6 markah)
- 9 Sains dan sastera penting dalam pembinaan peradaban sesebuah masyarakat. Jelaskan pernyataan ini. (6 markah)
- 10 Terangkan maksud perkataan atau frasa yang berikut mengikut konteks petikan karangan yang diberikan. (6 markah)
 - (a) merentas
 - (b) terhimpit
 - (c) mengasah

Selesai

ANSWER KEY / CADANGAN JAWAPAN
KERTAS 1 BAHAGIAN 2

BAHAGIAN A (5 markah)

1. kepentingan / pentingnya
2. beralih
3. Secara
4. menolak
5. pelan

BAHAGIAN B (30 markah)

6. Jelaskan bagaimana kemajuan sains dan teknologi mampu menjejaskan perkembangan sesebuah bahasa.	
IU1	Sifat perkembangan teknologi yang merentas batasan budaya dan nilai masyarakat tempatan maklumat telah pesat berkembang meninggalkan kemajuan dalam bahasa tempatan.
IS1	Akibatnya, ini mampu melenyapkan sesuatu bahasa yang tidak dapat menyaingi perkembangan teknologi yang pantas berkembang
IU2	Sikap sesetengah masyarakat sengaja meminggirkan bahasa sendiri dan menerima pakai terus bahasa asing yang digunakan dalam mengungkapkan teknologi maklumat dan komunikasi
IS2	Ini kerana, penggunaan teknologi yang disediakan dalam bahasa asing memudahkan usaha meraih dan menerima ilmu baharu yang seiring dengan perkembangan semasa.
7. Pengkaji-pengkaji bidang bahasa dan budaya berdepan dengan pelbagai cabaran. Jelaskan.	
IU1	Dana yang diperuntukkan untuk penyelidikan sains dan teknologi juga jauh lebih banyak berbanding dana yang disediakan untuk aktiviti penyelidikan dalam bidang sosiolinguistik, kebudayaan, bahasa dan sastera.
IS1	Suntikan dana yang lebih penting demi menggalak golongan karyawan bahasa dan elit sastera melakukan penyelidikan yang berkualiti dalam usaha pembangunan budaya, bahasa dan sastera tempatan.
IU2	Hasil aktiviti-aktiviti bahasa dan sastera yang tidak memberikan sumbangan secara langsung kepada pendapatan negara, berbanding bahasa asing yang bernilai ekonomi.
IS2	Akibatnya, pembangunan bahasa, budaya dan sastera tempatan kurang sokongan dan terhimpit

8. Mengapakah usaha membentuk identiti bangsa perlu dilakukan dalam bahasa ibunda?	
IU1	Sebabnya ialah, tugas bahasa bukan sekadar perantara untuk menyampaikan ilmu.
IS1	...kerana dalam bahasa ada falsafah, budaya dan citra penutur jati sesebuah bangsa. / pengayaan bahasa menjurus kepada pembentukan diri seseorang yang berbangsa dan beradab. Maka itulah bahasa disebut sebagai bahasa jiwa bangsa.
IU2	Usaha membina watak dijana oleh peradaban, budaya dan penghayatan nilai dan agama masyarakat itu yang disampaikan melalui bahasa ibunda .
IS2	Sebagai contoh, karya kesusasteraan Melayu padat dengan nilai-nilai kemanusiaan dan pengajaran yang boleh dimanfaatkan.
9. Sains dan sastera penting dalam pembinaan peradaban sesebuah masyarakat. Jelaskan pernyataan ini.	
IU1	Sains dan sastera merupakan faktor yang saling melengkapi saling melengkapi dan berinteraksi.
IS1	Tanpa salah satu, individu itu akan pincang tidak lengkap (Oleh itu, masyarakat tanpa sains akan gersang, manakala masyarakat tanpa sastera akan menjadi tempang).
IU2	Kemajuan sesebuah bangsa atau negara tidak hanya berasaskan ukuran kewangan dan kemajuan dalam sains dan teknologi tetapi ia berhubungan dengan aspek kemanusiaan dan kerohanian. Kerjasama antara dua bidanga ini penting.
IS2	Ini kerana sains dibangunkan dengan kerasionalisan manakala emosi dan nilai budaya insani pula dibangunkan oleh bahasa dan kesusasteraan bangsa.
10 Terangkan maksud perkataan-perkataan berikut menurut konteks petikan karangan yang diberikan. (6m)	
	(maksud kontekstual) merentas – melangkaui terhimpit – tertindih mengasah - menajamkan



Jurong Junior College
J2 Preliminary Examination 2018

H2 BAHASA DAN KESUSASTERAAAN MELAYU

9573 / 2

Kertas 2

H2 MALAY LANGUAGE AND LITERATURE

27 August 2018

Paper 2

1 hour

ARAHAN UNTUK CALON

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi dua sumber dan empat soalan.
2. Baca setiap sumber dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang diberikan dengan menggunakan ayat kamu sendiri.
3. Apabila pengawas peperiksaan memberikan isyarat, klik 'START'

Kertas soalan ini mengandungi 4 halaman bercetak

SUMBER A

Arahan: Baca artikel di bawah ini dengan teliti.



Warga Asia Paling Kurang Bercuti di Dunia - 2/3/2018 11:15

Percutian merupakan masa untuk bersantai dan menenangkan fikiran. Sudah terbukti secara saintifik bahawa aktiviti bercuti dapat memulihkan mental, fizikal dan emosi daripada tuntutan kehidupan selain dapat mengurangkan tekanan, meningkatkan kesihatan, daya penghasilan, daya kreatif, mengekalkan dan mengeratkan hubungan.

Namun, baru-baru ini, portal pelancongan dalam talian, *expedia.com* mendedahkan bahawa warga Asia paling kurang bercuti berbanding warga Amerika dan Eropah. Bukan hambatan perbezaan nilai mata wang yang menjadi punca tetapi persepsi bahawa percutian memerlukan perbelanjaan yang tinggi. Pada mereka, percutian tidak dapat dinikmati sepenuhnya jika duit tidak seberapa. Hanya dengan adanya kedudukan kewangan yang tinggi, barulah mampu untuk bercuti. Selain itu juga, mereka ingin mengumpul hari cuti untuk bercuti lebih lama kerana cuti pendek tidak menjanjikan kepuasan dan keseronokan.

Pendedahan ini amat membimbangkan. Sebenarnya, tanggapan ini tidak benar seratus peratus. Tidak semestinya hanya yang berduit atau yang kaya sahaja yang dapat melakukan aktiviti bercuti ini. Bak pepatah Inggeris, bukan tempat yang menjadi penentu tetapi pengalaman dan masa yang diluangkan bersama orang yang tersayanglah yang menentukan kepuasan dan keseronokan. Yang pasti, dengan perancangan yang bijak dan pilihan destinasi yang sesuai, sesiapa sahaja boleh menikmati percutian yang menarik.

Maka itu, hargailah peluang yang diberikan untuk bercuti kerana masa bercuti yang berkualiti penting untuk daya penghasilan dan prestasi kerja yang lebih baik. Ia juga penting dalam keseimbangan kerja-kehidupan.

SUMBER B

Arahan: Baca petikan di bawah ini dengan teliti



Melancong Satu Pengembaraan – Pelancongan Abad ke-21

Mohamad Faizal Kamarulzaman- Penulis Kembara

Berbeza dengan kaedah melancong konvensional iaitu mengikut rombongan yang diketuai seorang pemandu pelancong, Mohamad Faizal memilih untuk mengembara sendirian atau solo sebagai satu kepuasan untuk diri sendiri dan mencari pengalaman yang berbeza. Bermula dengan hanya suka-suka, Singapura menjadi negara pertama yang dilawati, berkonsepkan percutian bajet yang menggunakan duit poket sendiri, seterusnya ke Indonesia dan Thailand.

Menurut pemilik blog www.faizalfredley.com itu, kecenderungannya untuk melancong berkonsepkan pengembaraan didorong oleh perubahan kepada industri pelancongan yang dibawa arus teknologi digital. Pemilihan tempat yang hendak dilawati, pembelian tiket penerbangan dan penginapan boleh dibuat sendiri tanpa perlu khidmat ejen pelancongan.

Tidak dapat dinafikan bahawa pengembaraan solo sangat berbeza daripada melancong biasa memandangkan perlu bersiap sedia dalam banyak perkara bagi mengelakkan kejadian tidak diingini berlaku.

Dia mengakui, ramai yang menyangka faktor bahasa, antaranya, menjadi penghalang untuk melawat negara-negara atau tempat-tempat yang jarang dikunjungi, namun apa yang berlaku adalah sebaliknya.

“Saya tidak merasakan faktor bahasa sebagai halangan kerana banyak juga negara yang tidak menggunakan bahasa Inggeris sebaliknya menggunakan bahasa sendiri, jadi apa yang paling penting adalah keberanian untuk berada di negara orang tanpa rasa prejudis. Mengembara solo memaksa seseorang itu untuk berdikari dan belajar banyak tentang budaya dan sejarah masyarakat setempat. Pendek kata, melalui interaksi dengan masyarakat tempatan, banyak ilmu yang diraihnya.

Tegasnya, pengalaman yang dilalui sepanjang pengembaraan solonya telah membentuk peribadi beliau menjadi dinamik dan beliau percaya bahawa aktiviti melancong mampu merapatkan jurang hubungan antarabangsa. Pengalaman yang diperoleh sepanjang mengembara amat bermakna dan menyeronokkan.

(lihat halaman sebelah)

Arahan: Berdasarkan Sumber A dan Sumber B, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat kamu sendiri. Tulis jawapan kamu di kertas jawapan yang disediakan.

1. Berdasarkan Sumber A, apakah sebab-sebab yang menghalang seseorang itu daripada pergi bercuti? (4 markah)
2. Berdasarkan Sumber B, huraikan bagaimana perkembangan teknologi mengubah konsep pelancongan. (4 markah)
3. Bagaimanakah kandungan Sumber A dan Sumber B saling menyokong dari aspek persepsi tentang percutian? (7 markah)
4. Berdasarkan Sumber A dan Sumber B, berikan komen kamu tentang pendapat bahawa pelancongan mampu merapatkan jurang hubungan yang wujud. Jawapan kamu tidak harus melebihi 160 patah perkataan. (15 markah)

Selesai

CADANGAN JAWAPAN

1. Berdasarkan Sumber A, apakah sebab-sebab yang menghalang seseorang itu daripada pergi bercuti? (4 markah)
 - Persepsi bahawa percutian memerlukan perbelanjaan yang tinggi dan ini akan menjejaskan seseorang itu daripada menikmati percutiannya
 - Alasan mengumpul hari cuti untuk bercuti lebih lama kerana cuti yang pendek tidak dapat menjanjikan kepuasan dan keseronokan.
2. Berdasarkan Sumber B, huraikan bagaimana perkembangan teknologi mengubah konsep pelancongan. (4 markah)
 - Teknologi memudahkan proses persediaan dalam pemilihan tempat yang hendak dilawati, pembelian tiket penerbangan dan penginapan. Ini semua boleh dilakukan tanpa khidmat ejen pelancongan.
 - Kaedah melancong secara konvensional / melancong mengikut rombongan digantikan dengan melancong berkonsepkan pengembaraan sendiri/ solo
3. Bagaimanakah kandungan Sumber A dan Sumber B saling menyokong dari aspek persepsi tentang percutian? (7 markah)

IU – menyokong pandangan bahawa melancong dapat mewujudkan manfaat yang pelbagai kepada seseorang individu itu.

Sumber A – bercuti dapat memulihkan mental, fizikal dan emosi individu daripada tuntutan harian / meningkatkan kesihatan, daya penghasilan, daya kreatif/ mengekalkan dan mengeratkan hubungan sesama keluarga dan orang tersayang

Sumber B – melalui pengembaraan solo, ini memaksa seseorang untuk berdikari dan belajar tentang budaya dan sejarah masyarakat setempat dan melalui interaksi ini, banyak ilmu yang dapat diraih.

IU – tiada sebarang batas, peraturan dan kelayakan yang menghalang seseorang untuk pergi melancong

Sumber A – alasan hanya yang berduit sahaja boleh melancong perlu ditepis kerana bukan penghalang untuk tidak pergi bercuti

Sumber B – faktor perbezaan bahasa bukan penghalang kerana yang paling penting adalah sikap terbuka dan keberanian seseorang untuk berada di tempat orang tanpa rasa prejudis.

4. Berdasarkan Sumber A dan Sumber B, berikan komen kamu tentang pendapat bahawa pelancongan mampu merapatkan jurang hubungan yang wujud. Jawapan kamu tidak harus melebihi 160 patah perkataan. (15 markah)

SETUJU

- Merapatkan jurang hubungan dengan ahli keluarga – meluangkan masa berkualiti bersama – memberikan keseronokan dan kepuasan – merapatkan hubungan
- Merapatkan jurang hubungan antara bangsa – mengenali budaya dan sejarah tempat-tempat yang dituju – berinteraksi dengan masyarakat tempatan – dapat memahami budaya – mewujudkan persefahaman antara dua masyarakat yang berbeza – merapatkan jurang yang mungkin wujud sebelum ini.

TIDAK SETUJU

- Masa yang diluangkan terbatas- sekadar mengetahui secara ringkas- tidak bertemu lagi- maklumat terbatas- membentuk persepsi-persepsi tertentu yang bersifat stereotaip.



Jurong Junior College
J2 Preliminary Examination 2018

H2 BAHASA DAN KESUSASTERAAN MELAYU

9573 / 3

Kertas 3

H2 Malay Language and Literature

11 September 2018

Paper 3

3 hours

ARAHAN UNTUK CALON

1. Baca arahan yang diberikan dengan teliti. Kemudian, jawab soalan seperti yang diarahkan.
2. Tulis jawapan kamu di dalam kertas jawapan.

Jawab EMPAT soalan kesemuanya. Calon kehendaklah menjawab SATU soalan daripada Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan Bahagian D

BAHAGIAN A
NOVEL – JENDELA MENGHADAP JALAN

1. Cara hidup tradisi tidak ada tempat dalam kehidupan masyarakat progresif. Berikan komen kamu dengan merujuk kepada citra masyarakat dalam novel *Jendela Menghadap Jalan* karya Ruhaini Matdarin. (25 markah)
2. Baca nukilan di bawah ini dengan teliti. Kemudian, jawab soalan yang mengikutinya.

Antara belasan artikel hasil tulisan Danel yang terdapat dalam buku berjudul Segalanya tentang Pisang, hanya dua yang menarik minatku dan dibaca sehingga habis.

(hal 123)

Pada pendapat kamu, mengapakah Lily terkesan dengan kedua-dua artikel ini? Jelaskan sebab-sebabnya dengan merujuk kepada novel *Jendela Menghadap Jalan* karya Ruhaini Matdarin. (25 markah)

BAHAGIAN B
CERPEN – ANTOLOGI BEGITULAH KATA-KATA

3. Cerpen *Suatu Perjalanan Sebuah Peta Sebuku Roti* karya Basiran Hj Hamzah sesuai dijadikan panduan untuk golongan remaja dalam meniti cabaran kehidupan. Komen. (25 markah)
4. Huraikan maksud perkataan 'pertemuan' sepertimana diungkapkan dalam cerpen *Pertemuan* tulisan Isa Kamari. (25 markah)

BAHAGIAN C
SAJAK – ANTOLOGI BEGITULAH KATA-KATA

5. Keindahan sajak *Pustakaku Dalam Remang Senja* karya Sa'eda Buang terletak pada kekuatan gaya bahasanya dalam menyampaikan maksud sajak. Buktikan pernyataan ini. (25 markah)
6. Persoalan-persoalan yang dibangkitkan oleh Noridah Kamari dalam sajaknya *Tanda Tangan* dapat menjadikan pembaca lebih berwaspada. Jelaskan. (25 markah)

BAHAGIAN D
DRAMA – ANTOLOGI BEGITULAH KATA-KATA

7. Pada pendapat kamu, apakah elemen-elemen menarik dalam drama *Titik Pertemuan* tulisan Rohman Munasip yang telah menjadikannya sebuah hasil karya yang berkesan? Huraikan dengan jelas. (25 markah)
8. Setiap masalah yang timbul itu akibat kelalaian diri sendiri. Sejauh manakah pernyataan ini benar dengan merujuk kepada drama *Cahaya Di Hujung Senja* tulisan M. Saffri A.Manaf. (25 markah)

Selesai

Rangka SARANAN JAWAPAN

BAHAGIAN A NOVEL – JENDELA MENGHADAP JALAN

1. Cara hidup tradisi tidak ada tempat dalam kehidupan masyarakat progresif. Berikan komen kamu dengan merujuk kepada citra masyarakat dalam novel *Jendela Menghadap Jalan* karya Ruhaini Matdarin. (25 markah)

Calon perlu mengaitkan amalan-amalan hidup dalam masyarakat kampung Sentosa yang seiring dengan / dapat menjangkau definisi masyarakat progresif. Maksud progresif- minda terbuka/ berfikiran jauh/ corak pemikiran maju/ ke arah kebaikan kolektif.

Calon perlu memberikan contoh-contoh watak yang mengamalkan ciri-ciri tradisi tersebut sebagai bukti / watak dilihat sebagai wakil masyarakat.

Amalan tradisi

- Mengamalkan perubatan tradisi (+)
- Mengamalkan pemakanan sihat (+)
- Menghargai pemberian orang / menghormati tetamu (+)
- Mencintai alam sekitar (+)
- Sukar bermuafakat (-)

2. Baca nukilan di bawah ini dengan teliti. Kemudian, jawab soalan yang mengikutinya.

Antara belasan artikel hasil tulisan Danel yang terdapat dalam buku berjudul Segalanya tentang Pisang, hanya dua yang menarik minatku dan dibaca sehingga habis.

(hal 123)

Pada pendapat kamu, mengapakah Lily terkesan dengan kedua-dua artikel ini? Jelaskan sebab-sebabnya dengan merujuk kepada novel *Jendela Menghadap Jalan* karya Ruhaini Matdarin. (25 markah)

Calon perlu membincangkan hubungan Lily dengan kandungan dan/atau penulis artikel-artikel ini. Calon perlu menunjukkan kesan/ manfaat kandungan dan/atau penulis kepada pembangunan watak Lily. Calon perlu tunjukkan sebab-sebab mengapa artikel-artikel ini menarik.

Kesan kepada Lily

- Memberi dorongan untuk mengembangkan minat menulisnya – suka menulis jurnal : menyalurkan minat untuk menulis dan membuat kajian tentang herba - Geetha menasihatinya agar mempelajari ilmu penyediaan herba dan rawatan tradisional daripada datuknya.

- Melihat potensi yang ada pada herba dan perubatan tradisional : buat perbandingan dengan watak Amran Christopher- nilai pasaran yang ada pada herba dan perubatan tradisional.
- Menambah ilmunya tentang pisang- dia minat membaca buku-buku tentang kesihatan / Bab 2 – peristiwa membaca buku panduan pemakanan sihat.
- Minat dapat mengeratkan hubungan antara cucu dan datuk : menyambung warisan keluarga. Amran Christopher mula mengusahakan tanaman pisang di ladang yang diwarisi daripada arwah ayahnya.

BAHAGIAN B

CERPEN – ANTOLOGI BEGITULAH KATA-KATA

3. Cerpen *Suatu Perjalanan Sebuah Peta Sebuku Roti* karya Basiran Hj Hamzah sesuai dijadikan panduan untuk golongan remaja dalam meniti cabaran kehidupan. Komen. (25 markah)
- Tidak malu dan jangan segan untuk bertanya
 - Jangan mudah terpengaruh dengan anasir-anasir negatif
 - Dalam mencari ilmu, berhati-hati dalam memilih guru. Pilih yang benar-benar arif
 - Sentiasa bersyukur dengan apa yang ada.
4. Huraikan maksud perkataan ‘pertemuan’ sepertimana diungkapkan dalam cerpen *Pertemuan* tulisan Isa Kamari. (25 markah)
- Calon perlu mengetengahkan maksud kontekstual ‘pertemuan’ – dikaitkan dengan persoalan/ mesej yang disampaikan penulis.
- Menemui kesan negatif teknologi dalam kehidupan masyarakat- kekosongan jiwa
 - Meraih pencerahan tentang pentingnya bermuhasabah diri
 - Menemui erti sebenar kehidupan
 - Meraih kesedaran tentang bagaimana tingkah laku cerminan keperibadian seseorang.

BAHAGIAN C

SAJAK – ANTOLOGI BEGITULAH KATA-KATA

5. Keindahan sajak *Pustakaku Dalam Remang Senja* karya Sa'eda Buang terletak pada kekuatan gaya bahasanya dalam menyampaikan maksud sajak. Buktikan pernyataan ini. (25 markah)

Calon perlu menghuraikan bagaimana unsur gaya bahasa tertentu menyampaikan mesej-mesej tertentu. (padanan unsur gaya bahasa dengan mesej)

Unsur gaya bahasa	Mesej
Hiperbola <i>Disaksikan ribuan khazanah tentang hayat dan makrifat</i>	Pencarian/ proses mendalami ilmu itu memberikan kenikmatan. Nikmat ilmu.

<i>Lazat dan nikmat mengalahkan sungai madu & susu (R1B45)</i>	
Perulangan Walaupun malam mendesak datang (R2B8) ... Namun , malam menghimpit datang (R3B11)	` Proses ilmu itu perlu diteruskan walaupun dalam kesuntukan masa
Paradoks Kedewasaan yang masih merangkak (R2B4)	Ilmu dapat menepis keegoan dalam diri manusia kerana pencarian memerlukan kesabaran
Personifikasi Aku & <u>gergasi pena bebas berbicara</u> separa mata (R3B2)	Ilmu memberikan seseorang itu kebebasan

(lain-lain contoh yang munasabah diterima)

6. Persoalan-persoalan yang dibangkitkan oleh Noridah Kamari dalam sajaknya *Tanda Tangan* dapat menjadikan pembaca lebih berwaspada. Jelaskan.

(25 markah)

- Tidak boleh sambil lewa dalam membuat perjanjian hitam putih.
- Tingkat kesedaran akan kepentingan dalam berkongsi maklumat peribadi apabila membuat perjanjian
- Agar fikir masak-masak dengan meneliti apa yang dinyatakan sebelum menurunkan tanda tangan
- Nilai tanggungjawab yang dikaitkan dengan tanda tangan yang dibubuhkan.

BAHAGIAN D

DRAMA – ANTOLOGI BEGITULAH KATA-KATA

9. Pada pendapat kamu, apakah elemen-elemen menarik dalam drama *Titik Pertemuan* tulisan Rohman Munasip yang telah menjadikannya sebuah hasil karya yang berkesan? Huraikan dengan jelas.

(25 markah)

Calon perlu mengetengahkan aspek-aspek luaran dan dalaman yang pada pandangan calon menarik (perlu disokong dengan sebab& akibat). Calon perlu menjelaskan maksud berkesan (aspek pengajaran / kesan/ manfaat yang diraih pembaca)

- Pemilihan watak-watak yang berlainan usia – (Adam & Yusman) persahabatan antara generasi boleh berlaku dan mampu mendatangkan manfaat kepada kedua-dua pihak
- Teknik penceritaan : Unsur gaya bahasa retorik – (setiap babak diakhiri dengan soalan retorik) menambahkan suspen kepada plot cerita – mencetuskan rasa ingin tahu pembaca dan menggalak pembaca memikirkan sebab

- Unsur kejutan – (Episod Lina mendapat tahu Yusman ialah bapanya) – pengajaran bahawa sikap pemaaf patut dijadikan sandaran dan tidak berdendam.
- Gambaran Watak warga tua yang suka membaca – menepi stereotaip / amalan membaca tidak mengira usia.

10. Setiap masalah yang timbul itu akibat kelalaian diri sendiri. Sejauh manakah pernyataan ini benar dengan merujuk kepada drama *Cahaya Di Hujung Senja* tulisan M. Saffri A.Manaf. (25 markah)

Sudut pandangan : Calon perlu memberikan hujahan sama ada masalah yang berlaku itu hasil kecuai/ kelekaan/ kelalaian diri sendiri atau sebaliknya. (3-1)

Kontra - Punca berlaku sesuatu masalah adalah sebab kelalaian orang lain.

Isi-Isi

- Keegoan membawa padah kepada diri Kasim – Bergaduh dan jatuh dalam longkang
- Sikap emosional menyebabkan keretakan kepada persahabatan – Hubungan Kasim dan Mail
- Pengabaian isu kesihatan – rakan-rakan Kasim menghidap pelbagai penyakit


Kelalaian orang lain

- Kegagalan Kasim menjadi contoh baik / gagal menjalankan tanggungjawab kepada anak dalam hal-hal agama – Rudi cetek pengetahuan dan pengalaman agamanya

Selesai

Candidate Name: _____

--	--



2018 Preliminary Exams Pre-University 3

BAHASA DAN KESUSASTERAAN MELAYU
Kertas 1 (Bahagian 1)

9573/1
(Part 1)

MALAY LANGUAGE AND LITERATURE
Paper 1 (Part 1)

14 September 2018

2 hours 15 min
(Total Time for Part 1 and Part 2)

Additional Materials: Answer Paper
 String

ARAHAN UNTUK CALON

1. Jawapan hendaklah ditulis pada kertas jawapan yang diberikan.

2. **PENGUNAAN KAMUS**

Bahagian 1 (Karangan: Soalan 1-4): Kamus yang diluluskan boleh digunakan bagi bahagian ini.

Masa yang diperuntukkan bagi penggunaan kamus ialah 1 jam 15 minit.

3. Baca arahan yang diberikan dengan teliti dan jawab seperti yang diarahkan.

Kertas soalan ini mengandungi 2 halaman bercetak.

BAHAGIAN 1 (35 markah)

Arahan : Tulis sebuah karangan yang panjangnya tidak kurang daripada 460 patah perkataan, berdasarkan salah satu tajuk berikut.

(Dalam pemberian markah, gaya bahasa, isi karangan dan susunannya akan dipertimbangkan.)

1. Kebahagiaan akan menjadi milik seseorang yang membahagiakan orang lain. Ceritakan pengalaman dan perasaan kamu berdasarkan pernyataan ini.
2. Warga emas memerlukan bimbingan generasi muda. Sejauh manakah kamu bersetuju dengan pernyataan ini?
3. Pemahaman yang baik tentang sesuatu hal akan membawa kesejahteraan dalam kehidupan. Bincangkan.
4. Berikan pendapat kamu berdasarkan grafik berikut.




(dipetik dan diubahsuai daripada <http://www.shikinrazali.com/2018/06.html>)

SELESAI

Candidate Name: _____

--	--



2018 Preliminary Exams Pre-University 3

BAHASA DAN KESUSASTERAAN MELAYU
Kertas 1 (Bahagian 2)

9573/1
(Part 2)

MALAY LANGUAGE AND LITERATURE
Paper 1 (Part 2)

14 September 2018

2 hours 15 min
(Total Time for Part 1 and Part 2)

Additional Materials: Answer Paper
 String

ARAHAN UNTUK CALON

Sila lihat arahan yang terdapat dalam Bahagian 1.

ARAHAN: Jawab SEMUA soalan.

BAHAGIAN A (5 markah)

Arahan: Dalam petikan karangan di bawah ini terdapat 5 tempat kosong. Isi setiap tempat kosong ini dengan perkataan yang sesuai mengikut konteks petikan karangan tersebut. Kemudian, tulis jawapan kamu mengikut susunan perkataan dalam petikan karangan pada kertas jawapan yang disediakan.

Muzik disifatkan sebagai bahasa yang universal. Muzik bukan sekadar (1)_____ sebagai wahana hiburan atau mengekspresikan diri, tetapi juga amat bermanfaat untuk kesihatan. Misalnya, setelah sehari (2)_____ menghabiskan masa di depan komputer, otot pada bahagian punggung, leher dan bahu pastinya akan menjadi tegang. Muzik boleh memberikan kesan yang menenangkan dan mengendurkan ketegangan otot tersebut. Kajian di Finland pula telah mendapati bahawa muzik mampu meredakan tekanan yang (3)_____ pesakit kemurungan. Dalam hal ini, terdapat jenis kemurungan tersembunyi yang mana golongan penderita tidak menyedarinya dan tidak akan menunjukkan (4)_____ yang jelas. Apabila golongan ini mendengar muzik, degupan jantung mereka akan menjadi lebih stabil dan mereka juga tidak akan mengalami insomnia yang teruk. Salah satu penyebab insomnia ialah (5)_____ untuk melepaskan diri daripada bebanan fikiran. Muzik dengan instrumennya yang minimum dan berulang-ulang akan memberikan kesan terbaik untuk membuat seseorang itu cepat tidur.

BAHAGIAN B (30 markah)

Arahan: Baca petikan karangan di bawah ini dengan teliti.

KOMENTAR : Masyarakat Melayu Singapura dapat 'terbang tinggi dan jauh'.

oleh Masagos Zulkifli
6 Julai 2018

Memahami kelemahan diri dan penetapan matlamat akhir yang tepat boleh membantu masyarakat Melayu Singapura mencatat kemajuan yang lebih pesat, biarpun berhadapan dengan pelbagai cabaran. Walaupun masyarakat Melayu telah mencatat kemajuan yang membanggakan, perjalanannya masih jauh lagi kerana masyarakat lain juga telah maju. Merujuk pencapaian akademik, 40 peratus masyarakat Melayu mempunyai pendidikan pos-menengah atau lebih tinggi, berbanding 51 peratus masyarakat Cina dan 63 peratus masyarakat India. Dari segi perbandingan, masyarakat Melayu perlu melakukan yang lebih baik bukan sahaja demi persaingan yang sihat tetapi juga kerana dunia ekonomi baru akan membawa pelbagai perubahan; terdapat pekerjaan yang bakal pupus manakala banyak lagi pekerjaan baru yang akan diwujudkan. Jika orang Melayu terus berbekalkan azam yang telah mendorongnya buat sekian lama, bukanlah sesuatu yang mustahil untuk mencapai tahap kejayaan yang lebih membanggakan.

Dalam usaha untuk menyembuhkan apa sahaja yang menjadi kepincangan masyarakat Melayu, pemerintah seringkali menumpukan usaha untuk mengembangkan aset-aset dalam keluarga berisiko, khususnya dari segi pendidikan. Pendidikan merupakan kunci untuk mempersiapkan masyarakat menghadapi cabaran-cabaran baru dan memperbaiki kedudukan keluarga pada masa hadapan. Bagi anggota keluarga yang berisiko ini, bantuan yang dihulurkan bertujuan meningkatkan kemahiran dan menyemaikan budaya pembelajaran sepanjang hayat, yang penting dalam menghadapi dunia ekonomi baru. Mereka akan dapat mengekalkan kerelevanan dalam pasaran kerja yang semakin kompleks.

Golongan berpotensi besar dalam keluarga yang berisiko ini juga akan diberikan pendidikan bimbingan kerjaya atau *mentorship*, yang bersesuaian dengan tuntutan pekerjaan masa kini. Interaksi dengan golongan karyawan dapat meluaskan rangkaian kenalan dan menggilap kemahiran mereka. Hal ini akan mencetuskan peluang untuk mereka berkembang dan menjadi anggota masyarakat yang aktif menyumbang kepada masyarakat dan negara, apalagi setelah mencapai kejayaan. Sumbangan yang berharga bukanlah sekadar melalui kualiti pekerjaan dan tahap produktiviti, tetapi juga yang lahir daripada rasa ihsan dan sayang terhadap golongan masyarakat lain yang memerlukan. Namun begitu, individu yang berjaya juga tidak menjadikan masyarakat yang hebat jika tiada semangat bersatu padu. Perpaduan ialah ciri penting dalam memastikan masyarakat dapat maju bersama. Maka itu, masyarakat Melayu harus sama-sama menyingsing lengan dan turun padang untuk membantu golongan yang memerlukan.

Penyelesaian masalah masyarakat Melayu juga terletak pada usaha bersepadu masyarakat Melayu/Islam. Contohnya, Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) telah memberikan bantuan kewangan zakat kepada kira-kira empat ribu keluarga Islam. Berkat sifat penyayang masyarakat Melayu/Islam, lebih banyak keluarga dapat meraih manfaat daripada bantuan zakat pada setiap tahun. Aktivis masjid pula digalakkan untuk turut bersama dalam perayaan dan pergaulan kaum lain demi mengukuhkan hubungan silang agama dan bangsa. Golongan ini perlu lebih aktif melibatkan diri dalam kerja-kerja akar umbi di luar masjid supaya berpeluang mempraktikkan sentuhan kasih sayang secara lebih meluas, sebagaimana yang dianjurkan oleh agama.

(dipetik dan diubah suai daripada 'Komentari : Masyarakat Melayu Singapura dapat terbang tinggi dan jauh'
oleh Masagos Zulkifli, PBM, 6 Julai 2018)

Arahan: Berdasarkan petikan karangan di halaman 3, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu pada kertas jawapan yang disediakan.

- 6 Masyarakat Melayu perlu menanam azam demi meningkatkan tahap pencapaian. Jelaskan pernyataan ini.
(6 markah)
- 7 Bagaimanakah pendidikan dapat membantu anggota keluarga berisiko Melayu untuk menghadapi cabaran mendatang?
(6 markah)
- 8 Mengapakah kejayaan golongan individu tidak semestinya menjamin kebajikan masyarakat?
(6 markah)
- 9 Pembangunan masyarakat bukan sahaja bergantung pada usaha pemerintah. Huraikan pernyataan ini.
(6 markah)
- 10 Terangkan maksud perkataan-perkataan berikut menurut konteks petikan yang diberikan :
(6 markah)
 - (a) pupus
 - (b) kepincangan
 - (c) berpotensi

SELESAI



BAHASA DAN KESUSASTERAAAN MELAYU
KERTAS 2


9573/2

Name :	
Class:	
Admin No :	
Thumb Drive No :	
Signature :	

Arahan : Berdasarkan Sumber A dan Sumber B, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu pada ruang jawapan yang disediakan.

H	Singapore – Cambridge General Certificate of Education Advanced Level Duration 1h 0m 0s
1.	Berdasarkan Sumber A, jelaskan sebab kemudahan internet memburukkan lagi masalah penularan radikalisme. (4 markah)
2.	Berdasarkan Sumber B, apakah nilai yang harus dijadikan pegangan belia bagi mengekalkan keamanan dan perpaduan masyarakat? (4 markah)
3.	Dengan menggunakan Sumber A dan B, huraikan peranan yang dimainkan pihak tertentu dalam kedua-dua sumber. (7 markah)
4.	Kebebasan membawa kemudaran. Berikan komen kamu tentang pernyataan ini. Jawapan kamu tidak harus melebihi 160 patah perkataan. (15 markah)

SmileTutor.sg



2018 PRELIMINARY EXAMS

Pre-University 3

BAHASA DAN KESUSASTERAAN MELAYU

9573/2

Kertas 2

14 September 2018

MALAY LANGUAGE AND LITERATURE

Paper 2

1 hour

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi dua sumber dan empat soalan.
2. Baca setiap sumber dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang diberikan dengan menggunakan ayat kamu sendiri.

H	Singapore – Cambridge General Certificate of Education Advanced Level Duration 1h 0m 0s
<u>Sumber A</u> Penularan Ideologi Radikalisme Meluas di Internet Fenomena radikalisisasi awal lebih terbatas kepada kumpulan tertutup, seperti yang dilihat pada Jemaah Islamiyah dan Al-Qaeda sebelum ini. Namun begitu, fenomena ini telah berkembang dan ideologi radikal kini disebarkan secara meluas dalam talian sehingga membolehkan sesiapa sahaja mendapatkan akses kepada fahaman ekstrem pada bila-bila masa. Konsep dan istilah agama disebarkan dengan penghuraian sewenang-wenang, tanpa dapat dikawal dan ditapis penyebaran dan pergerakannya. Kumpulan pengganis sering menggunakan tanggapan peminggiran dan ketidakadilan untuk merekrut anggota, mengeksploitasi sifat manusia bahawa kita berhak bebas dan tiada siapa ingin dikuasai. Hakikatnya, masyarakat berbilang agama tidak dapat lari daripada hidup saling berinteraksi dan berurusan. Sekiranya terdapat golongan masyarakat yang gagal mengamalkan agama mengikut konteks masyarakat majmuk hari ini, pemahaman eksklusif dan ekstremis akan wujud. Dalam hal ini, pemerintah Singapura telah menjalankan pelbagai usaha untuk memastikan tiada perpecahan yang memudaratkan dalam kalangan masyarakat. Masalah individu menjadi radikal secara sendiri melalui internet juga kian genting kerana ia menjadikan individu sukar dikesan dan dipantau pihak berkuasa sehinggalah mereka bertindak pada tahap selanjutnya. Namun begitu, faktor hubungan kekeluargaan tetap kekal berpengaruh dalam banyak kes individu yang menjadi radikal, sebagaimana yang berlaku di negara-negara jiran. Kumpulan-kumpulan militan masih lagi bergantung pada anggota keluarga untuk mempengaruhi individu menjadi radikal dan sekaligus merekrut anggota baru.	<u>Sumber B</u> Singapura juga Hadapi Ancaman walaupun Belum Ada Serangan Keamanan dan ketenteraman yang dinikmati masyarakat Singapura, dan rasa selamat menggunakan pengangkutan awam tanpa perlu bimbang tentang pengebom nekad, bukanlah disebabkan tiada kumpulan militan yang mahu menyerang negara kecil ini. Hal ini disebabkan keberkesanan usaha pemerintah dan penguasa keselamatan, yang bekerjasama untuk memelihara keamanan. Namun begitu, cabaran untuk kita terus mengekalkan keamanan yang dinikmati selama ini semakin sukar. Sebagai anggota masyarakat yang bertanggungjawab, kita mesti sentiasa berwaspada dan menentang fahaman radikal serta apa sahaja yang menghambat perpaduan. Golongan belia, khususnya, turut digesa agar membantu menangani radikalisme dengan melayari laman web secara positif. Golongan belia juga perlu membimbing teman-teman mereka: menyebarkan mesej-mesej positif tentang keamanan, pertalian universal sesama manusia dan persahabatan, selain tinggal dan bekerja bersama dalam ruang yang sama. Sebenarnya, ramai warga Singapura yang ditahan hasil perkongsian dan aduan anggota keluarga mereka sendiri. Di negara ini, keluarga sedia tampil ke hadapan kerana mereka menyedari jika tiada campur tangan, anggota keluarga mereka yang terpesong jalan itu mungkin akan terkorban atau menyertai perjuangan radikal di negara-negara sarang pengganasan. Di negara-negara lain, kebebasan bersuara membolehkan masyarakat meluahkan rasa tidak puas hati. Walau bagaimanapun, hal itu tidak dibenarkan di Singapura kerana kita memiliki sesuatu


	yang berharga di negara ini: keamanan, keharmonian dan sikap saling menghormati.
--	--

Candidate Name: _____

Class

Adm No

--	--



2018 Preliminary Exams Pre-University 3

MALAY LANGUAGE AND LITERATURE

9573/3

Paper 3

18 September 2018

3 hours

Additional Materials: Answer Paper
String

ARAHAN UNTUK CALON

1. Baca arahan yang diberikan dengan teliti. Kemudian, jawab soalan seperti yang diarahkan.
2. Tulis jawapan kamu pada kertas yang diberikan.

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak.

Jawab EMPAT soalan kesemuanya. Calon hendaklah menjawab sekurang-kurangnya SATU soalan daripada setiap Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan Bahagian D.

BAHAGIAN A
NOVEL – JENDELA MENGHADAP JALAN

- 1 Baca nukilan di bawah ini dengan teliti.

“...Lebih membuatkan aku sedih, kerana aku berpura-pura bahawa aku gembira dan tidak sabar-sabar mahu pulang ke kampung, sebenarnya aku tidak memiliki perasaan itu...”

(Jendela Menghadap Jalan, muka surat 1)

Jika kamu Lili, apakah perasaan kamu setelah menghabiskan cuti sekolah kamu di Kampung Sentosa? Terangkan sebab-sebab kamu berperasaan sedemikian.

(25 markah)

- 2 Novel *Jendela Menghadap Jalan* amat sesuai dijadikan bahan bacaan golongan muda kerana ianya mengandungi nilai-nilai murni yang perlu ada dalam diri seseorang anak muda untuk membentuk peribadi mulia. Buktikan pernyataan itu berdasarkan bukti-bukti yang kukuh daripada teks.

(25 markah)

BAHAGIAN B
CERPEN – ANTOLOGI BEGITULAH KATA-KATA

- 3 Karya sastera mendukung keluhan dan harapan penulis. Buktikan pernyataan itu berdasarkan karya *Pertemuan* tulisan Isa Kamari.

(25 markah)

- 4 Watak Jago boleh dianggap sebagai seorang kesateria. Buktikan pernyataan ini dengan merujuk kepada mana-mana kejadian yang menunjukkan keberaniannya dalam novel *Jago* karya Ahmad Jaaffar Munasip.

(25 markah)

BAHAGIAN C
SAJAK – ANTOLOGI BEGITULAH KATA-KATA

- 5 Noridah Kamari menunjukkan ketajaman pemerhatiannya terhadap satu amalan sehari-hari manusia moden, iaitu membubuh tanda tangan dan kesannya terhadap kehidupan manusia melalui karyanya *Tanda Tangan*. Buktikan.

(25 markah)

- 6 Bahasa ialah penentu utama yang menyebabkan karya sastera menjadi istimewa. Dengan merujuk kepada sajak *Anak Tetangga Kelantan Lane* tulisan Kamaria Buang, bincangkan pernyataan ini.

(25 markah)

BAHAGIAN D
DRAMA – ANTOLOGI BEGITULAH KATA-KATA

- 7 M. Saffri A. Manaf telah membuka jalan kepada pembaca untuk menangani masalah kehidupan melalui karyanya *Cahaya di Hujung Senja*. Buktikan pernyataan ini.

(25 markah)

- 8 Melalui penelitian naskah *Titik Pertemuan* karya Rohman Munasip, pembaca akan dapat mencedok pedoman yang berguna. Berikan komen kamu.

(25 markah)

SELESAI

MILLENNIA INSTITUTE
PU3 PRELIM EXAMS/H2MLL 2018
SKEMA JAWAPAN KERTAS 1 BAHAGIAN 2

BAHAGIAN A (5 markah)

- (1) berperanan/berfungsi
- (2) suntuk
- (3) dialami
- (4) simptom/tanda-tanda
- (5) kesukaran/kesulitan

BAHAGIAN B (30 markah)

6. Masyarakat Melayu perlu menanam azam demi meningkatkan tahap pencapaian. Jelaskan pernyataan ini. (6m)	
IU1	Masyarakat Melayu perlu menanam azam demi meningkatkan tahap pencapaian. Hal ini adalah kerana, walaupun masyarakat Melayu telah mencatat kemajuan yang membanggakan, perjalanannya masih jauh lagi kerana masyarakat lain juga telah maju. (2m)
IS1	Dari segi pencapaian akademik, 40 peratus masyarakat Melayu mempunyai pendidikan pos-menengah atau lebih tinggi, berbanding 51 peratus masyarakat Cina dan 63 peratus masyarakat India. (1m)
IU2	Hal ini juga disebabkan masyarakat Melayu perlu (bersaing secara sihat dengan kaum lain dan) menghadapi dunia ekonomi baru yang membawa pelbagai perubahan. (2m)
IS2	Terdapat pekerjaan yang bakal <u>pupus</u> manakala banyak lagi pekerjaan baru yang akan diwujudkan. (1m)
7. Bagaimanakah pendidikan dapat membantu anggota keluarga berisiko Melayu untuk menghadapi cabaran mendatang? (6m)	
IU1	Pendidikan akan meningkatkan kemahiran dan menyemaikan budaya pembelajaran sepanjang hayat, yang penting dalam menghadapi dunia ekonomi baru. (2m)
IS1	Mereka akan dapat mengekalkan kerelevanan dalam pasaran kerja yang semakin kompleks. (1m)
IU2	Pendidikan bimbingan kerjaya atau <i>mentorship</i> akan mempersiapkan anggota keluarga berisiko Melayu untuk menghadapi tuntutan pekerjaan masa kini. (2m)
IS2	Interaksi dengan golongan karyawan dapat meluaskan rangkaian kenalan dan menggilap kemahiran mereka. (1m)
8. Mengapakah kejayaan golongan individu tidak semestinya menjamin kebajikan masyarakat? (6m)	
IU1	Hal ini adalah kerana golongan individu yang berjaya tetapi tidak aktif menyumbang kepada masyarakat dan negara tidak akan dapat menjamin kebajikan masyarakat. (2m)
IS1	Sumbangan yang berharga bukanlah sekadar melalui kualiti pekerjaan dan tahap produktiviti, tetapi juga yang lahir daripada rasa ihsan dan sayang terhadap golongan masyarakat lain yang memerlukan. (1m)

IU2	Individu yang berjaya juga tidak semestinya menjadikan masyarakat yang hebat dan menjamin kebajikannya jika tiada semangat bersatu padu. (2m)
IS2	Perpaduan ialah ciri penting dalam memastikan masyarakat dapat maju bersama. (1m)
9. Pembangunan masyarakat bukan sahaja bergantung pada usaha pemerintah. Huraikan pernyataan ini. (6m)	
IU1	Pembangunan masyarakat turut bergantung pada usaha... Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS), yang telah memberikan bantuan kewangan zakat kepada kira-kira empat ribu keluarga Islam. (2m)
IS1	Berkat sifat penyayang masyarakat Melayu/Islam, lebih banyak keluarga dapat meraih manfaat daripada bantuan zakat pada setiap tahun. (1m)
IU2	Pembangunan masyarakat turut bergantung pada usaha... aktivis masjid yang boleh turut bersama dalam perayaan dan pergaulan kaum lain demi mengukuhkan hubungan silang agama dan bangsa. (2m)
IS2	Penglibatan aktif golongan ini dalam kerja-kerja akar umbi di luar masjid memberikan mereka peluang mempraktikkan sentuhan kasih sayang secara lebih meluas, (sebagaimana yang dianjurkan oleh agama). (1m)
10 Terangkan maksud perkataan-perkataan berikut menurut konteks petikan karangan yang diberikan. (6m)	
(i)	pupus – hilang lenyap, habis semua sekali (2m)
(ii)	kepincangan – kekurangan, kelemahan (2m)
(iii)	berpotensi – berkemampuan, berkebolehan, berkeupayaan (2m)

MILLENNIA INSTITUTE
PU3 PRELIM EXAMS/H2MLL 2018
SKEMA JAWAPAN KERTAS 2 (30 markah)

1. Berdasarkan Sumber A, jelaskan sebab kemudahan internet memburukkan lagi masalah penularan radikalisme. (4 markah)	
1.1	Hal ini adalah kerana, ideologi radikal kini disebarkan secara meluas dalam talian sehingga membolehkan sesiapa sahaja mendapatkan akses kepada fahaman ekstrim pada bila-bila masa. (1m) Konsep dan istilah agama disebarkan dengan penghuraian sewenang-wenang, tanpa dapat dikawal dan ditapis penyebaran dan pergerakannya. (1m)
1.2	Masalah individu menjadi radikal secara sendiri melalui internet juga kian genting kerana ia menjadikan individu sukar dikesan dan dipantau pihak berkuasa sehinggalah mereka bertindak pada tahap selanjutnya. (2m)
2. Berdasarkan Sumber B, apakah nilai yang harus dijadikan pegangan belia bagi mengekalkan keamanan dan perpaduan masyarakat? (4 markah)	
2.1	Golongan belia harus berpegang pada nilai tanggungjawab terhadap masyarakat. (1m) Belia mesti sentiasa berwaspada dan menentang fahaman radikal serta apa sahaja yang menghambat perpaduan. (1m)
2.2	Golongan belia juga harus berpegang pada nilai bantu-membantu menangani radikalisme (1m) dengan melayari laman web secara positif dan membimbing teman-teman mereka (menyebarkan mesej-mesej positif tentang keamanan, pertalian universal sesama manusia dan persahabatan selain tinggal dan bekerja bersama dalam ruang yang sama). (1m)
3. Dengan menggunakan Sumber A dan B, huraikan peranan yang dimainkan pihak tertentu dalam kedua-dua sumber. (6m +1m = 7m)	
AP1	Kedua-dua sumber menghuraikan peranan yang dimainkan pihak keluarga berkaitan isu radikalisme. (1m)
A	Menurut Sumber A, faktor hubungan kekeluargaan tetap kekal berpengaruh dalam banyak kes individu yang menjadi radikal, sebagaimana yang berlaku di negara-negara jiran ATAU Kumpulan-kumpulan militan masih lagi bergantung pada anggota keluarga untuk mempengaruhi individu menjadi radikal dan sekaligus merekrut anggota baru. (1m)
B	Menurut Sumber B, ramai warga Singapura radikal telah ditahan hasil perkongsian dan aduan anggota keluarga mereka sendiri. (1m)
AP2	Kedua-dua sumber menghuraikan peranan yang dimainkan pemerintah bagi memelihara keamanan yang dinikmati Singapura. (1m)
A	Menurut Sumber A, pemerintah Singapura telah menjalankan pelbagai usaha untuk memastikan tiada perpecahan yang memudaratkan dalam kalangan masyarakat. (1m)
B	Menurut Sumber B, keamanan dan ketenteraman yang dinikmati masyarakat Singapura, dan rasa selamat menggunakan pengangkutan awam tanpa perlu bimbang tentang pengebom nekad, adalah disebabkan keberkesanan usaha pemerintah untuk memelihara keamanan. (1m)

4. Kebebasan membawa kemudahan. Berikan komen kamu tentang pernyataan ini. Jawapan kamu tidak harus melebihi 160 patah perkataan. (15 markah)

4.1	Kebebasan mendapatkan akses kepada maklumat yang bersifat radikal membawa kemudahan. (Huraian + Contoh)
4.2	Pemikiran bahawa kita berhak bebas dan tidak sepatutnya dikuasai akan membawa kemudahan. (Huraian + Contoh)
4.3	Kebebasan bersuara juga boleh membawa kemudahan . (Huraian + Contoh)

2018 END-OF-YEAR EXAMS (PU3 H2 MLL, PAPER 3)
SKEMA JAWAPAN

1 Baca nukilan di bawah ini dengan teliti.

“...Lebih membuatkan aku sedih, kerana aku berpura-pura bahawa aku gembira dan tidak sabar-sabar mahu pulang ke kampung, sebenarnya aku tidak memiliki perasaan itu...”

(Jendela Menghadap Jalan, muka surat 1)

Jika kamu Lili, apakah perasaan kamu setelah menghabiskan cuti sekolah kamu di Kampung Sentosa? Terangkan sebab-sebab kamu berperasaan sedemikian.

(25 markah)

Calon dikehendaki untuk menjelaskan perasaan Lili setelah dia menghabiskan cuti sekolahnya di Kampung Sentosa, berdasarkan kejadian-kejadian yang berlaku sepanjang dia berada di situ. Calon boleh memberikan satu perasaan yang diiringi sebab-sebab yang relevan. Calon juga boleh menjelaskan lebih daripada satu perasaan yang diiringi sebab-sebab yang relevan.

PERASAAN	SEBAB + BUKTI
Gembira	Berjaya menjalin hubungan persahabatan dengan rakan-rakan baharu; Geetha dan Danel.
Puas	Berjaya membantu meleraikan ketegangan di Kampung Sentosa berkaitan isu kubah/masjid.
	Berkesempatan menyumbang kepada pemulihan isu rumahtangga Che Jah. Lili prihatin akan nasib yang menimpa Che Jah dan anak-anaknya, lalu berusaha untuk membantu mereka.
	Mempelajari selok-belok kehidupan di kampung melalui perbualan/pengamatan dengan penduduk kampung.
	Dapat menjalin hubungan yang lebih rapat dengan kedua-dua datuk dan nenek. Nenek & datuk juga melayani Lili dengan penuh kasih sayang sepanjang Lili bercuti di kampung.

Sedih	Terpaksa berdepan dengan realiti berpisah (walaupun bersifat sementara) dengan rakan-rakan yang disenangi.
--------------	--

- 2 Novel *Jendela Menghadap Jalan* amat sesuai dijadikan bahan bacaan golongan muda kerana ianya mengandungi nilai-nilai murni yang perlu ada dalam diri seseorang anak muda untuk membentuk peribadi mulia. Buktikan pernyataan itu berdasarkan bukti-bukti yang kukuh daripada teks.

(25 markah)

Calon dikehendaki mengenal pasti nilai-nilai murni yang ada pada watak-watak yang dikemukakan dalam novel. Calon juga mesti menjelaskan kaitan antara nilai-nilai tersebut dengan pembentukan peribadi mulia – apakah kesan nilai-nilai tersebut kepada pembentukan peribadi mulia dalam kalangan golongan muda.

Nilai (murni)	Bukti + Kesan kepada pembentukan peribadi mulia dalam kalangan golongan muda.
Keyakinan	Datuk begitu meyakini perubatan tradisional yang diusahakannya yang merupakan perubatan alternatif kepada pesakit yang datang menemuinya seperti Kak Mimah & William.
Bertanggungjawab	Kak Mimah dan Nadia berasa bertanggungjawab terhadap nasib malang keluarga Che Jah. Mereka telah berusaha sedaya upaya untuk menyelesaikan masalah tersebut.
Prihatin	Masyarakat kampung amat mengambil berat dan prihatin terhadap masalah yang menimpa kampung tersebut. Juga Lili prihatin akan nasib yang menimpa Che Jah dan anak-anaknya, lalu berusaha untuk membantu mereka. Lili dan keluarga Danel pula prihatin akan kesihatan diri mereka sehingga mengamalkan gaya pemakanan sihat.
Ketabahan	Che Jah tabah menghadapi keganasan rumah tangga. Selain suaminya bermasalah, anak-anaknya pula terlibat dengan penagihan dadah. Datuk tabah menghadapi dugaan bilangan pesakit yang semakin sedikit. Sementara itu, datuk dan nenek tabah menghadapi tohmahan penduduk kampung yang menuduh mereka cuba melindungi kejahatan anak-anak Seman, dan juga bersepakat dengan Sugi untuk menghasut penduduk kampung menjual tanah mereka.

Kecekalan	Datuk Lili masih mengamalkan perubatan tradisional walaupun ramai yang memandang rendah kepada manfaatnya. Selain itu, Lili juga cekal dalam usulnya untuk membantu keluarga Che Jah sehingga terlerai juga masalah Haziq & Rafik.
Kerjasama	Masalah kubah masjid, walaupun menghadapi pelbagai cabaran, akhirnya dapat diselesaikan melalui kerjasama beberapa pihak. Ramai yang telah bekerjasama untuk membantu Rafik dan Haziq daripada menjadi mangsa kemarahan penduduk kampung.

- 3 Karya sastera mendukung keluhan dan harapan penulis. Buktikan pernyataan itu berdasarkan karya *Pertemuan* tulisan Isa Kamari.

(25 markah)

Calon akan mengenal pasti 'keluhan' dan 'harapan' yang didukung oleh penulis Isa Kamari (dan masyarakat secara amnya). Calon boleh meneliti setiap aspek tersebut menerusi lensa analisis struktur.

'Keluhan' dan 'Harapan'	Bukti
Keluhan = (Persoalan) Pengaruh teknologi dalam kehidupan manusia – (Perutusan) Manusia terlalu bergantung pada teknologi maklumat.	Manusia terlalu bergantung pada teknologi sehingga menjejaskan keupayaan untuk berdikari, bersikap kurang sabar dan mengharapkan segalanya dapat dijalankan dengan segera. ▪ “Dan aku tidak suka jika ada sesuatu yang melencong daripada rancanganku.” ▪ “Jelas kini, restoran itu menyulitkan tugasku kerana ia mencabar dan menempelak keupayaan pemikiranku” ▪ “Tidak lebih daripada lima minit aku telah sampai ke restoran itu. Aku seperti tidak percaya.” (hal.59).
Harapan = (Persoalan) Pentingnya bermuhasabah diri – (Perutusan) Manusia yang tidak bermuhasabah diri akan mula hilang budi pekerti.	Manusia harus memberi ruang kepada diri sendiri untuk keluar daripada rutin automasi agar tidak terperangkap dalam perkembangan teknologi yang pesat. ▪ “Peraturan juga menyempitkan ruang. Manusia sering terperangkap dalam waktu yang diatur dan diburu” (hal.59). ▪ “Sekadar menikmati ruang. Sekadar menikmati ketengangan dalam kebingitan” (hal.61).
Keluhan = Kepesatan perkembangan teknologi	Kepesatan teknologi telah melahirkan golongan manusia yang tidak berdisiplin disebabkan rutin dalam budaya automasi. “Para teknokrat super komputer sedang melahap hidangan. Para birokrat iso 9009 berebut-rebut hendak dilayan dulu.” (hal.62).
Keluhan =	Manusia zaman cangggih

(Persoalan) Kekosongan jiwa manusia canggih – (Pengajaran) Kita harus sedar bahawa tingkah laku juga memberi gambaran keperibadian di samping penampilan dan kepakaran yang dimiliki seseorang.	▪ “Korporat guru pentadbiran tersipu-sipu di sudut kecil seperti kehilangan arah.” ▪ Aku melangkah keluar dari restoran itu sambil menjinjing kemanusiaan yang masih mentah.” (hal.63).
--	--

- 4 Watak Jago boleh dianggap sebagai seorang kesateria. Buktikan pernyataan ini dengan merujuk kepada mana-mana kejadian yang menunjukkan keberaniannya dalam novel *Jago* karya Ahmad Jaaffar Munasip.

(25 markah)

Calon harus mencari bukti yang sesuai untuk menunjukkan bahawa watak Jago dalam cerpen memang berani (dalam apa sahaja situasi) – bukti-bukti yang menunjukkan tindakannya, sikapnya dan pemikirannya yang berani.

Bukti (keberanian)	Sebab bukti menunjukkan keberanian
“Namun, semenjak negaranya dijajah dan peperangan yang meletus berpanjangan pula, dia telah berubah menjadi seorang penyajak protes dan selalu timbulkan isu-isu kedamaian.” (hal. 66).	Tidak berdiam diri; mencari jalan alternatif memperjuangkan hak.
“Jago tersenyum. Dengan cermat dia melipatkan kertas itu sebelum diselipkan ke dalam saku bajunya. AK47, yang menyandar di sisi, diangkat lalu dibeleknya. Dia memeriksa senjata itu dengan cermat. Dia tidak mahu operasi seterusnya terbantut oleh kesilapan senjatanya.” (hal. 66).	Senjata yang digunakan oleh Jago dan pasukan Gerila Gunung masih di takuk lama, tidak seperti senjata yang digunakan oleh pihak pemerintahan penjajah yang lebih bermutu. Perbezaan ini mencerminkan bahawa pihak Jago dan pasukan Gerila Gunungnya mengalami keterbatasan dari segi sumber untuk mempertahankan diri daripada pihak penjajah dan ini disebabkan oleh ketidakadilan yang timbul akibat peperangan yang telah berlanjutan sejak sekian lamanya. Namun itu tidak menghalang Jago memimpin orang-orangnya untuk menentang penjajah.
“Alasan serangan itu? Untuk menghapuskan seorang ketua militan yang bersembunyi di perkampungan itu. Apa yang terjadi lainnya hanyalah satu kesilapan teknikal yang tidak dapat dielakkan...Semenjak detik itu, kebencian Jago terhadap pemerintahan penjajah semakin meluap-luap. Akhirnya dia mengangkat senjata dan menyertai Gerila Gunung.” (hal. 68).	Jago mengambil keputusan untuk menyertai pasukan Gerila Gunung. Pihak penjajah telah memusnahkan rumahnya dan rumah jiran- jirannya serta membunuh kedua-dua orang tuanya atas alasan ingin menghapuskan seorang ketua militan yang bersembunyi di perkampungan itu. Keputusan Jago memaparkan semangat seorang pejuang watan yang sanggup

	melakukan segala yang terdaya untuk memelihara kedaulatan negara dan maruah rakyatnya.
<i>"Rakan-rakan, ayuh berundur!!...Teriak jago keras, tanpa menunjukkan rasa tertekan (hal.68).</i> <i>"Ayuh, segera berlindung!...jerit Jago sambil berlari mendapatkan anak-anak buahnya (hal. 68).</i> <i>"Baiklah, arahkan pejuang-pejuang bawah pimpinan kamu untuk bersedia. Kita tentang mereka. Ayuh, kita tentang mereka (hal.68).</i>	Tidak takut pada kematian.
<i>"Kami tidak pernah diajar menjadi pengkhianat...aku rela mati daripada menjadi anjing penjajah. Penjajah harus pulang. Kami tidak mahu tertipu lagi dengan janji-janji kosong kamu." (hal. 70).</i>	Tidak gentar mempertahankan pendirian dan hak walaupun nyawa di hujung tanduk.
<i>"Kami dari negara berdaulat. Kami tidak pernah ingkar janji. Lihat, diktator sudah tiada lagi." (hal.70).</i> <i>"Tetapi kami banyak membantu. Mana ganjaran kami? Mana janji kamu akan berundur setelah semua itu tercapai? Mengapa kami pula menjadi mangsa keganasan kamu?" (hal.70).</i>	Tidak gentar mempertahankan pendirian dan hak walaupun nyawa di hujung tanduk.

- 5 Noridah Kamari menunjukkan ketajaman pemerhatiannya terhadap satu amalan sehari-hari manusia moden, iaitu membubuh tanda tangan dan kesannya terhadap kehidupan manusia melalui karyanya *Tanda Tangan*. Buktikan.

(25 markah)

Calon harus menjelaskan pemerhatian penulis terhadap amalan membubuh tanda tangan (melalui persoalan-persoalan yang dikemukakan) dan kesannya terhadap kehidupan manusia.

Pemerhatian	Kesan terhadap kehidupan
<u>Syarat dan terma dalam perjanjian</u> 1. Dalam kita membuat apa sahaja perjanjian, pelbagai maklumat peribadi perlu diberikan. 2. Perjanjian tersebut juga akan mengenakan pelbagai syarat dan terma (yang harus dituruti). <i>kala berdepan sehelai borang</i>	Berhati-hati sebelum menurunkan tandatangan, lebih-lebih lagi untuk perkara yang baharu (walaupun perkara itu asas)

<i>begitu banyak inti bicara insurans, kereta, kerja, rumah dan apa sahaja yang perlu dipohonkan tulislah nama penuh, tarikh lahir, alamat, nombor telefon, kad pengenalan oh! jangan lupa pangkah jantinamu kemudian di sudut paling bawah terlintang satu garisan bertitik dalam kurungan dipinta tanda tangan atau cap jari (R1B2-11)</i>	
<u>Perjanjian hitam putih</u> ▪ Perjanjian hitam putih merupakan satu perkara penting yang harus dilakukan apabila membuat sesuatu perjanjian. ▪ Perjanjian tersebut akan menjadi bukti jika sesuatu yang tidak diinginkan berlaku; bukti persetujuan, kebertanggungjawaban	Ini kerana perjanjian hitam putih inilah yang akan membuktikan antara kepalsuan dan kebenaran.
<u>Kerahsiaan butir-butir peribadi</u> ▪ Setiap perjanjian yang dibuat tentunya akan memerlukan kita untuk memberikan butir-butir peribadi ▪ seperti nama penuh, tarikh lahir, alamat, nombor telefon, kad pengenalan dan sebagainya, <i>dan apa sahaja yang perlu dipohonkan tulislah nama penuh, tarikh lahir, alamat, nombor telefon, kad pengenalan oh! jangan lupa pangkah jantinamu (R1B5-8)</i>	Perlunya menyenaraikan butir-butir peribadi menunjukkan darjah kebertanggungjawaban yang tinggi yang dikenakan ke atas pemohon.
<u>Kedangkalan manusia</u> ▪ Sikap manusia dalam proses meneliti borang-borang yang memerlukan tandatangan menunjukkan ceteknya ilmu tentang isu menandatangani borang dsbnya. ▪ Sudah menjadi lumrah, kita mungkin akan bersikap sambil lewa atau tidak mengambil tahu apabila membaca syarat-syarat dan terma yang panjang (lantaran menjadikan kita berfikiran cetek tentang apa (syarat/terma) yang sudah termaktub) ▪ kerana merasakan perkara-perkara yang disebutkan itu tidak akan berlaku. <i>dengan mata separuh kuyu terlalu letih membaca meneliti bait-bait kecil bak leteran tak berhenti atau kemungkinan-kemungkinan</i>	Perlunya ketelitian dan kesedaran tentang implikasi menurunkan tandatangan.

yang engkau sangka tidak mungkin terjadi
(R2B1-5)

- 6 Bahasa ialah penentu utama yang menyebabkan karya sastera menjadi istimewa. Dengan merujuk kepada sajak *Anak Tetangga Kelantan Lane* tulisan Kamarian Buang, bincangkan pernyataan ini.

(25 markah)

Calon harus menjelaskan unsur-unsur gaya bahasa yang telah menjadikan karya *Anak Tetangga Kelantan Lane* 'istimewa' – mungkin keistimewaan dapat dinilai menerusi isu-isu baharu yang dikembangkan, sejarah sosial masyarakat Bawean, kesan estetik yang terasa menerusi penelitian karya dll.

Unsur gaya bahasa	Keistimewaannya (dalam karya)
<u>Diksi</u> Diksi yang digunakan terdiri daripada imej-imej yang sesuai	- menggambarkan kehidupan masyarakat Bawean/ Boyan - mengukuhkan tema dalam sajak
<u>Sinkope</u> Jodoh tak panjang jadi sahabat (R4B8)	- memberikan kesan kepada rentak - menghasilkan kesan kemerduan pada baris-baris sajak - menggambarkan kehidupan masyarakat Bawean/ Boyan
<u>Inversi</u> - Dalam longkang bermain air (bermain air dalam longkang) (R1B2) - Anak-anak dewasa sudah (anak-anak sudah dewasa) (R7B1)	memberikan kesan kepada rentak
<u>Asonansi</u> - Dara teruna mata mengerling (R6B3) - Terpelihara jiwa anak tetangga (R8B10)	- memberikan kesan kepada rentak - menghasilkan kesan kemerduan pada baris-baris sajak
<u>Aliterasi</u> - duduk di amben (R1B4) - mata mengerling (R5B3) - petua pemakai (R7B7)	- memberikan kesan kepada rentak - menghasilkan kesan kemerduan pada baris-baris sajak
<u>Pengulangan Bunyi</u> Persamaan bunyi di hujung perkataan dalam satu ayat/baris yang sama. Bunyi yang muncul di tengah ayat muncul sekali lagi di hujung ayat dan bunyinya berentak. - Tapi cermat banteras melarat (R3B5) - Makin diplat jadi pemikat (R7B5) - Tunduk kata jauhi dusta (R7B9)	- memberikan kesan kepada rentak - menampakkan kesengajaan penulis dalam usaha untuk menyatakan sesuatu yang penting

▪ Kenangan abadi tetap terisi (R7B12)	
<u>Paradoks</u> kita bukan anak terbuang duduk di ambun baju selekeh (R1B2-4) Rumah dua tingkat duduk bersekat-sekat rumah dua tingkat makan tersukat-sukat (R2B1-4)	▪ Mempelbagaikan penyampaian yang dapat menarik perhatian pembaca. ▪ Mengetengahkan isu yang abstrak dengan lebih jelas.

- 7 M. Saffri A. Manaf telah membuka jalan kepada pembaca untuk menangani masalah kehidupan melalui karyanya *Cahaya di Hujung Senja*. Buktikan pernyataan ini.
 (25 markah)

Calon harus mengenal pasti kejadian-kejadian yang menunjukkan pendekatan yang diambil oleh watak-watak untuk menangani masalah yang wujud dalam kehidupan. Calon juga harus menjelaskan bagaimanakah watak-watak berjaya menyelesaikan masalah yang dihadapi dan kesan kejayaan tersebut

Masalah + Pendekatan	Kesan (Kesedaran untuk pembaca)
<u>Masalah</u>: Kasim gagal membimbing Rudi dalam aspek agama kerana sibuk bekerja. Setelah bersara dia gagal memenuhi janjinya kepada Kiah. <u>Pendekatan</u>: Sebaliknya, Kiah tetap menjalankan tanggungjawab terhadap keluarga dengan menjual kuih dan merawat Kasim yang cedera akibat terjatuh ke dalam longkang dan setelah Kasim diserang angin ahmar (hal.197-200). Kiah juga mendidik Rudi untuk menghormati Kasim walaupun Rudi tidak menyukai perangai bapanya yang dianggapnya degil itu (hal.183).	Hubungan antara bapa anak tidak putus terus; ibarat berkerat rotan berpatah arang.
<u>Masalah</u>: Setelah Kasim jatuh sakit, kedua-dua Kiah dan Rudi menunjukkan yang mereka masih menyayangi Kasim sebagai seorang suami dan bapa. <u>Pendekatan</u>: Mereka berada di sisi Kasim semasa dia berada di hospital dan sentiasa memberikannya bantuan dan sokongan.	Musibah yang menimpa Kasim ini juga membuat Kasim dan Rudi meluahkan rasa kasih sayang terhadap satu sama lain

Masalah: Kasim diserang angin ahmar, dia memerlukan bantuan isteri dan anaknya untuk melakukan aktiviti seharian seperti minum dan mandi. Pendekatan: Sokongan moral keluarga juga penting apabila seseorang itu ingin bertaubat dan kembali ke pangkal jalan. Usaha Kasim untuk bertaubat dan menjalankan tanggungjawabnya sebagai seorang Muslim dipermudah dengan sokongan Kiah dan Rudi (hal. 197).	Hubungan kekeluargaan semakin erat
Masalah: Golongan warga tua yang dipaparkan dalam drama ini tidak prihatin akan kesihatan mereka. Mereka malas menjalani pemeriksaan kesihatan. Akibatnya, Kasim diserang angin ahmar kerana tekanan darah tinggi. Pendekatan: Kesedaran wujud akibat musibah itu. Hal ini menyedarkan teman-teman warga tua yang lain untuk pergi membuat pemeriksaan kesihatan. Mereka mendapati bahawa mereka juga turut menghidap penyakit – Seman Janggut mempunyai kadar kolesterol tinggi, Dolah Borak mempunyai penyakit kencing manis, Karim Temberang mempunyai penyakit darah tinggi dan Mail pula mempunyai risiko serangan jantung jika tidak berhenti merokok (hal. 195).	Berkesempatan membuat perubahan pada gaya hidup.
Masalah: Permusuhan antara Mail dan Kassim turut menjejaskan persahabatan anak-anak mereka. Mail mendesak Norin memutuskan hubungannya dengan Rudi atas alasan yang Rudi akan bertindak ganas terhadap Norin sama seperti ayahnya. Hal ini dilakukan kerana Mail dikuasai emosi dan tidak memikirkan perasaan anaknya sendiri (hal.188). Pendekatan: Keterbukaan untuk memaafkan satu sama lain.	Hubungan persahabatan pulih semula.
Masalah: Drama ini juga memaparkan kisah persahabatan antara Norin dan Rudi. Hubungan persahabatan mereka terancam apabila Mail mendesak Norin untuk memutuskan perhubungannya dengan Rudi. Pendekatan: Meskipun Norin berasa sedih dia bersikap terbuka dengan respons Rudi yang jelas menghormati keputusan Mail. Bahkan, Rudi bersikap realistik dan redha atas apa jua ketentuan, walaupun dia sebenarnya berasa sebak.	Hubungan persahabatan pulih semula.

- 8 Melalui penelitian naskah *Titik Pertemuan* karya Rohman Munasip, pembaca akan dapat mencedok pedoman yang berguna. Berikan komen kamu.

(25 markah)

Calon harus menjelaskan bahawa pembaca akan dapat mencedok pedoman yang berguna berdasarkan tema/persoalan, keputusan, pengajaran atau kejadian-kejadian penting yang berlaku sepanjang drama.

Tema/persoalan, keputusan, pengajaran	Pedoman yang berguna
Pengorbanan Yusman sedia mengorbankan cintanya kepada Umi Sumirah setelah Umi Sumirah dijodohkan dengan lelaki pilihan keluarga.	<u>Jodoh pertemuan di tangan Tuhan.</u>
Hubungan kekeluargaan Hubungan yang erat antara ibu dan anak jelas terpancar pada hubungan Umi Sumirah dengan anaknya, Adam. ▪ Adam seorang anak yang menghormati dan mematuhi ibunya serta mereka selesa berbual dan berseloroh (hal.225). ▪ Umi turut mengambil berat tentang anaknya dan tidak mahu anaknya menjadi sasaran kemarahan orang (hal.220). ▪ Naluri seorang bapa yang senantiasa merindukan anaknya dipaparkan melalui watak Yusman yang sentiasa berdoa agar dia dapat bertemu semula dengan anaknya Lina (hal.207).	<u>Sikap pemaaf membawa kepada kebaikan.</u>
Kepentingan ilmu Watak Yusman tidak berhenti membaca walaupun dalam usia senja. Membaca jambatan ilmu menjadi prinsip hidupnya (hal.209).	<u>Pembelajaran sepanjang hayat – perigi ilmu tidak pernah betul.</u>
Berhujah dengan berilmu ▪ Yusman dan Adam bertukar-tukar pendapat mengenai ciri-ciri karya Islam yang baik dan konsep sastera Islam berlandaskan teori karyadelisme (hal.216). Walaupun berlainan pendapat mereka berdua terbuka untuk menerima pandangan satu sama lain.	▪ <u>Sikap menghormati pandangan orang lain membolehkan perbincangan yang produktif dijalankan.</u> ▪ <u>Konsep bersastera secara Islamik harus dipertimbangkan penggiat sastera</u>

▪ Yusman berpandangan bahawa karya yang baik itu tidak patut mengandungi unsur lucah, lebih-lebih lagi jika dikategorikan sebagai sastera Islam (hal.217). Menurutnya, pendedahan kepada unsur yang menimbulkan nafsu itu melanggar etika seorang penulis Islam. ▪ Adam pula mengatakan bahawa bukan unsur seks sahaja yang ingin ditonjolkan penulis, sebaliknya penulis ingin menggambarkan sikap watak dan merupakan suatu olahan penulisan (hal.218).	
Amalan membaca Yusman, Umi, Lina dan Adam masing-masing gemar membaca. Adam gemar membaca novel-novel Melayu dan menjadi pengkritik (hal.211), manakala Yusman suka membaca apa sahaja bahan bacaan dan tidak terhad kepada novel sahaja (hal. 208)	<u>Membaca menjadikan seseorang individu lebih dewasa.</u>
Kesabaran ▪ Yusman memperlihatkan sifat sabar dan tenang semasa bertukar-tukar pendapat dengan Adam berkenaan novel 'Purdah' (hal.215). ▪ Sebaliknya, Adam menunjukkan sikap tergesa-gesa ingin mempertahankan pendiriannya dalam perbincangan tersebut. Adam mengakui sendiri dan berkongsi dengan ibunya dengan mengatakan bahawa Yusman seorang yang tenang dalam percakapan dan sentiasa menyusun kata-kata (hal.220) tidak seperti dirinya yang kadangkala meninggikan suara tanpa disedari apabila berbincang dengan Yusman. ▪ Selain itu, Yusman turut bersabar dan tidak tergesa-gesa mencungkil latar belakang Lina apabila pertama kali melihat wajah Lina yang seiras bekas isterinya (hal.226). Walaupun dia	<u>Kesabaran membawa ganjaran.</u>

tertanya-tanya siapa Lina, dia hanya memendamkan rasa. ▪ Adam dan Lina juga tidak terburu-buru dalam pergaulan. Walaupun bersefahaman kerana masing-masing minat dalam sastera Melayu, mereka tidak terus menjalani hubungan sebaliknya masih pada tahap saling mengenali satu sama lain (hal.223).	
--	--

SELESAI



PRELIMINARY EXAM
SH2 H2MLL

29 AUGUST 2018

BAHASA DAN KESUSASTERAAN MELAYU
MALAY LANGUAGE AND MALAY LITERATURE

H2 9565/1
KERTAS 1 (BAHAGIAN 1)
PAPER 1 (PART 1)

Duration: 1hr 15min

ARAHAN


- 1 Kertas ini tercetak dalam dua bahagian yang berasingan: Bahagian 1 dan Bahagian 2.
- 2 Jawapan kepada Bahagian 1 dan Bahagian 2 hendaklah ditulis di dalam Buku Jawapan yang sama.
- 3
 - a Bahagian 1: Kamus yang diluluskan boleh digunakan bagi bahagian ini.
Masa yang diperuntukkan bagi penggunaan kamus: 1 jam 15 minit
 - b Bahagian 2: Kamu tidak dibenarkan menggunakan kamus.
- 4 Baca arahan yang diberikan bagi setiap bahagian dengan teliti dan jawab soalan seperti yang diarahkan.

This question paper consist of 4 questions printed on 2 pages. (Including this cover sheet)

Arahan Tulis sebuah karangan yang panjangnya tidak kurang daripada 460 patah perkataan mengenai satu daripada tajuk di bawah ini. (35 markah)

(Dalam pemberian markah, gaya bahasa, isi karangan dan susunan akan dipertimbangkan.)

1. Kamu terlibat dalam menganjurkan sebuah kegiatan amal untuk mengumpul dana dan barang-barang untuk menepati keperluan mangsa bencana alam di negara jiran. Ceritakan pengalaman kamu sebagai seorang wakil pelajar dan terangkan bagaimana kegiatan amal itu telah menjadikan kamu lebih sedar akan nilai kemanusiaan.
2. Kemahiran berbahasa merupakan suatu nilai tambah dalam apa jua yang diceburi. Berikan pendapat kamu.
3. Dunia siber mendatangkan pelbagai kemudarat. Sejauh manakah kamu bersetuju dengan pendapat ini?
4. Tulis sebuah karangan berdasarkan ransangan yang dipaparkan di bawah ini.



- SELESAI -



NATIONAL
Junior College

PRELIMINARY EXAM
SH2 H2MLL

29 AUGUST 2018

BAHASA DAN KESUSASTERAAN MELAYU
MALAY LANGUAGE AND MALAY LITERATURE

H2 9559/1
KERTAS 1 (BAHAGIAN 2)
PAPER 1 (PART 2)

Duration: 45 min

ARAHAN

- 1 Baca arahan yang diberikan bagi setiap bahagian dengan teliti. Kemudian, jawab soalan seperti yang diarahkan.
- 2 Semua jawapan hendaklah ditulis dalam Buku Jawapan yang sama.

This question paper consist of 3 printed pages.

BAHAGIAN A (5 markah)

Arahan Dalam petikan karangan di bawah ini terdapat 5 tempat kosong. Isi setiap tempat kosong ini dengan perkataan yang sesuai mengikut konteks petikan karangan tersebut. Kemudian, tulis jawapan kamu mengikut susunan perkataan dalam petikan karangan.

Baru-baru ini, kita dikejutkan dengan pelbagai berita berkaitan dengan bencana alam. Gempa bumi yang menimpa Lombok telah ____ (1) ____ banyak nyawa dan memusnahkan harta benda. Namun, ia tidak menghapuskan ____ (2) ____ warga Singapura untuk ke sana dalam misi menghulurkan bantuan meskipun mereka berhadapan dengan banyak risiko. Malah, ada yang ke sana seorang diri seperti Cik Idani Mohd Jelani, seorang suri rumah berusia 43 tahun untuk menghulurkan bantuan bagi mangsa gempa bumi di Lombok, Indonesia. Meskipun sedar risiko yang beliau ambil dan khuatir akan keselamatannya jua, namun semangatnya tetap tidak ____ (3) ____ . Persekitaran yang meruntun jiwa ialah lumrah buat dirinya dan gambaran yang traumatik menjadikan saya seseorang individu yang lebih kuat. Beliau berasa adalah amat penting bagi sukarelawan sepertinya untuk turun ____ (4) ____ dan membantu. Menurut beliau, ramai penduduk Lombok yang tidur di luar dan tepi jalan kerana khuatir ditimpa rumah sendiri jika berlakunya gempa lagi. Kini, beliau ____ (5) ____ mahu memupuk semangat yang sama dalam diri keempat-empat anaknya yang berusia antara 14 dengan 25 tahun dengan sifat itu. Walaupun akur wanita yang ke luar negara seorang diri perlu berhati-hati, namun beliau berharap dapat memberi inspirasi kepada yang lain.

BAHAGIAN B (30 MARKAH)

Arahan: Baca petikan karangan di bawah ini dengan teliti.

Menyemai benih cinta dalam diri anak bangsa pada bahasa ibunda bukanlah mudah. Apatah lagi bagi **memperkasa** mereka dengan keupayaan menulis dan seterusnya menyulam kekata menjadi sebuah karya sastera yang menarik dibaca. Ini belum lagi usaha mendorong masyarakat menghargai karya sastera dengan membeli atau meminjam buku untuk membacanya - ia suatu cabaran maha hebat. Seorang rakan penulis menyatakan bahawa ada novel Melayu tulisan kita yang sudah bertahun diletakkan di rak-rak perpustakaan, dipinjam orang hanya sekali dua. Seorang teman mencelah, "Tempoh hari ada sesi dengan pelajar, wajah penulis, sasterawan Melayu Singapura yang dipaparkan. Dalam ramai-ramai yang ditonjolkan, pelajar hanya kenal seorang sahaja iaitu, wajah Cikgu Ariff (Ahmad). Jika ada novel dwibahasa Melayu-Inggeris yang menonjolkan cerita yang sama, ada yang lebih rela baca versi Inggeris kerana bagi mereka, boleh habiskan dengan pantas dan lebih mudah difahami. Hal-hal sebegini bukan sesuatu yang asing. Ia menunjukkan betapa masyarakat Melayu Singapura hari ini menghadapi satu cabaran yang amat getir - besar kemungkinan kehilangan satu generasi yang gagal menghargai dan menjiwai bahasa ibunda. Hal ini perlu diakui.

Bahasa itu penting kerana bahasa bukan sahaja menjadi jalinan perantaraan tetapi dalam pemupukan budaya. Ramai mungkin menuding jari kepada dasar dwibahasa yang diperkenalkan pemerintah, namun tidak ramai ingin mengakui kegagalan diri sendiri dalam meneruskan warisan generasi perintis kepada anak cucu mereka sendiri. Sedang pihak sekolah, badan persuratan dan kesenian berusaha memupuk dan meningkatkan penguasaan bahasa Melayu di sini, ia tidak mencukupi. Penulis dan sasterawan kita kini lebih gigih menerbitkan karya sastera kreatif tetapi sambutan dan permintaannya, seperti biasa, jika tidak dingin, sekadar suam-suam kuku. Di Malaysia dan Indonesia, keadaan mula berubah. Novel bertemakan romantisme, kelslaman dan *love thriller* menjadi buruan. Selain usaha

'mendramakan', 'mementaskan' atau 'memfilemkan' karya sastera kreatif, usaha terkini adalah dengan memupuk minat pelajar terhadap karya sastera Melayu di peringkat awal lagi iaitu di prasekolah. Kesemua ini dilakukan demi memastikan kelangsungan dan pelestarian bahasa ibunda agar penggunaannya **tekal** dan semarak.

Berita Harian (BH) tidak terkecuali dalam hal ini. Seperti dimaklumkan, BH kini menganjurkan peraduan menulis cerpen bertemakan Debar Cinta. Peraduan ini merupakan sebahagian daripada program 'Mencari Kristal' yang diadakan dengan kerjasama Majlis Seni Kebangsaan (NAC). Ada yang bertanya, mengapa peraduan cerpen ini diadakan secara dua peringkat? Mengapa program ini berjalan dalam jangka waktu yang agak lama, selama enam bulan? Untuk menjawabnya memerlukan satu kefahaman menyeluruh. Tujuan utama bukanlah sekadar mencari penulis menerusi satu jalan singkat, tetapi menerusi satu kitaran bermakna.

Program ini yang mencakupi peraduan menulis cerpen yang akan membantu peserta - sama ada yang baru **bertunas**, pencinta bahasa atau penulis mapan - memahami landskap dan dunia persuratan hari ini - yang sudah jauh berubah. Mereka yang terpilih akan dibimbing dalam soal pengkaryaan, penerbitan dan pemasaran karya. Yang perlu difahami, seperti dinyatakan penulis drama Cinta Fitri dari Indonesia, Cik Henovia Rosalinda Caniago menyatakan bahawa menulis bukan satu kerja main-main. Penulisan memerlukan disiplin dan kesungguhan kerana boleh juga mendatangkan hasil. Mereka yang ditampilkan untuk membimbing didatangkan khas dari Malaysia dan Indonesia, selain anak tempatan. Usaha ini punya tujuan murni. Hakikatnya, Berita Harian sedia tampil menyahut cabaran yakni mencungkil bakat penulis dan merangsang minat khalayak terhadap bahasa demi kesinambungan sastera Melayu Singapura. *(dipetik dan diubah suai daripada "https://www.beritaharian.sg/bahasa-budaya/demi-kesinambungan-sastera-melayu-spura")*

Arahan: Berdasarkan petikan karangan yang diberikan, jawab soalan-soalan berikut dengan menggunakan ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu di kertas yang disediakan.

- (a) Apakah cabaran-cabaran berkaitan bahasa ibunda dan kesusasteraan Melayu yang dihadapi hari ini? (6 markah)
- (b) *"Ramai mungkin menuding jari kepada dasar dwibahasa yang diperkenalkan pemerintah, namun tidak ramai ingin mengakui kegagalan diri sendiri dalam meneruskan warisan generasi perintis kepada anak cucu mereka sendiri".* Jelaskan. (6 markah)
- (c) Mengapakah proses penulisan mengambil masa yang lama? Jelaskan. (6 markah)
- (d) Apakah langkah-langkah jitu yang boleh diambil untuk terus memartabatkan bahasa ibunda dan kesusasteraan Melayu? Berikan pendapat kamu. (6 markah)
- (e) Berikan maksud perkataan berikut menurut penggunaannya dalam teks. (6 markah)
 - (i) tekal
 - (ii) memperkasa
 - (iii) bertunas



NATIONAL
Junior College

PRELIMINARY EXAM
SH2 H2MLL

BAHASA DAN KESUSASTERAAAN MELAYU
MALAY LANGUAGE AND MALAY LITERATURE

H2 9565/2
KERTAS 2
PAPER 2

29 August 2018

Duration: 1 hr

ARAHAN

- 1 Kertas peperiksaan ini mengandungi dua sumber dan empat soalan.
- 2 Baca setiap sumber dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang diberikan dengan menggunakan ayat kamu sendiri.
- 3 Hanya mulakan apabila pengawas peperiksaan memberikan isyarat.

SUMBER A

Tanya apa saja demi persefahaman



MENDENGAR rintihan mangsa serangan perkauman membuat hatinya bagai disayat sembilu. Yang paling menjentik tangkai hati ialah nasib mangsa tidak berdosa, terutama wanita bertudung yang mana pakaiannya diragut orang yang tidak dikenali gara-gara demam Islamofobia di serata dunia. Insiden seperti itulah yang mencetus kesedaran mendalam dan menjadi daya perangsang Cik Shahrany Hassan memupuk persefahaman antara kaum dan agama di sini. Wanita berusia 43 tahun itu terlibat dengan penubuhan wadah *Ask Me Anything* (AMA), yang bertujuan menyemai keharmonian kaum menerusi dialog dan acara silang kaum dan agama. Sejak ditubuhkan tahun lalu, badan yang menerima dana antara lain daripada Kementerian Kebudayaan, Masyarakat dan Belia (MCCY) itu telah menjalankan empat acara silang agama.

Sejauh ini, lebih 400 orang telah menyertai kegiatan yang memberi peluang kepada peserta meleraikan kemusykilan tentang agama Islam, Buddha dan Kristian menerusi taklimat panel dan perbincangan berkumpulan. Acara selanjutnya pada 26 Mei ini akan membincangkan isu jihad dalam Islam. Kempen *Ask Me Anything* ini mahu mendidik orang ramai mengenai asas agama utama di Singapura dan memupuk persefahaman dalam kalangan masyarakat berbilang kaum dan agama. Beliau juga mahu menyediakan wadah kepada orang ramai, terutama belia, untuk berbincang mengenai isu yang menjadi keprihatinan dan berharap dapat meningkatkan kesedaran dan akhirnya menggalak mereka melakukan tindakan yang membawa faedah.

Antara topik yang menarik perhatian peserta dalam acara AMA ialah pandangan agama tentang golongan *lesbian, gay, biseksual dan transgender* (LGBT), persamaan jantina, pernikahan silang agama dan orientasi berlainan dalam agama. "Ini boleh memupuk persefahaman yang akan membawa kepada kepercayaan dan penerimaan, dan bukan sekadar toleransi," ujar ibu dua orang anak itu. Mengenai rancangan masa depan, wanita periang itu berkata beliau bekerjasama dengan sekumpulan asatizah untuk menganjurkan seminar agama Islam dalam bahasa Inggeris mengenai isu semasa yang menarik perhatian belia. Beliau dapati bahawa ramai belia berminat untuk mengetahui tentang agama. Namun, mereka tidak selesa dengan kuliah agama yang disampaikan sehala. Sebaliknya mereka mahukan interaksi, peluang bertanya dan berbincang.

Buat masa ini, beliau dan beberapa teman melakar laman bertajuk *seekinganswers.sg*. Laman tersebut memberi peluang kepada pengguna Internet mengemukakan persoalan dan kemusykilan tentang Islam. "Saya libatkan diri kerana saya mahu membuat perbezaan. Anak saya sedang membesar dan saya mahu menyumbang demi kepentingan dan masa depan masyarakat, terutama belia termasuk anak saya. Mereka mungkin belum faham sepenuhnya apa yang saya lakukan, tetapi satu hari nanti, mungkin mereka akan faham. Lagipun kalau bukan saya yang lakukan, siapa lagi? Dan kalau bukan sekarang, bila lagi?" katanya.

(dipetik dan diubah suai daripada www.beritaharian.sg/setempat/tanya-apa-saja-demi-persefahaman)

SUMBER B

Entiti asing tidak harus biaya, sokong atau pengaruh acara Sudut Pidato: MHA

KEMENTERIAN Ehwat Dalam Negeri (MHA) berkata pada hari Selasa, 7 Jun bahawa MHA akan mengambil langkah-langkah bagi menjelaskan bahawa entiti asing tidak harus membiayai, menyokong atau mempengaruhi acara yang diadakan di Sudut Pidato, seperti acara *Pink Dot* yang berlangsung pada Sabtu lalu. *Pink Dot* memperjuangkan isu LGBT.

Tahun ini, acara itu menarik 18 penaja, dua kali ganda berbanding tahun lepas. Penaja korporat termasuk syarikat berbilang negara (MNC) seperti *Google* dan bank, seperti *JP Morgan* dan *Goldman Sachs*. *Apple*, *Facebook*, *Microsoft*, *Visa* dan *General Electric* ialah para penaja kali pertama bagi acara anjuran kumpulan *lesbian*, *gay*, *biseksual* dan *transgender* (LGBT) itu yang kurang sedar akan perundangan atau prinsip sedia ada. Dalam satu kenyataan, MHA berkata: "Pendirian umum Pemerintah yang kekal sentiasa ialah entiti asing tidak harus campur tangan dalam isu domestik kita, terutama isu politik atau isu kontroversi sosial berbaur politik. Ini adalah berlandaskan prinsip bahawa warga Singapura harus putuskan sendiri pilihan politik, sosial atau moral untuk diri mereka. Isu LGBT ialah salah satu contohnya."

Ini juga merupakan sebabnya (di bawah peraturan yang mengawal penggunaan Sudut Pidato) warga asing tidak dibenarkan menganjurkan atau berucap di acara itu, atau mengambil bahagian dalam tunjuk perasaan khasnya bagi acara seperti *Pink Dot*. MHA tidak menyatakan apa tindakan yang akan diambil, dan apakah hukuman undang-undang yang akan diperkenal. MHA juga tidak menyatakan sama ada MNC yang mempunyai cabang berdaftar di Singapura masih ditakrifkan sebagai syarikat asing atau tidak. Berikut ialah respons MHA kepada pertanyaan media berkenaan sama ada syarikat asing boleh menyediakan penajaan bagi acara *Pink Dot*. Kementerian juga berkata, dalam konteks isu LGBT, ini terpakai baik bagi acara yang menyokong LGBT, seperti *Pink Dot*, mahupun yang menentanginya.

(dipetik dan diubah suai daripada <https://www.beritaharian.sg/setempat/entiti-asing-tidak-harus-biaya-sokong-atau-pengaruh-acara-sudut-pidato-mha>)

Nama:
Kelas:

Arahan: Berdasarkan Sumber A dan Sumber B, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu di dalam kertas jawapan yang disediakan.

- 1. Berdasarkan Sumber A, apakah manfaat yang diperoleh melalui usaha yang diperkenalkan oleh Cik Shahrany Hassan? (4 markah)**

Jawapan:

- 2. Berdasarkan Sumber B, apakah pegangan MHA terhadap isu LGBT? (4 markah)**

Jawapan:

- 3. Bagaimanakah kandungan petikan Sumber A dan Sumber B saling berkaitan? (7 markah)**

Jawapan:

- 4. "Ini adalah berlandaskan prinsip bahawa warga Singapura harus putuskan sendiri pilihan politik, sosial atau moral untuk diri mereka," Berdasarkan Sumber A dan Sumber B, berikan komen kamu terhadap perkara ini. Jawapan kamu tidak harus melebihi 160 patah perkataan. (15 markah)**

Jawapan:

Selesai



NATIONAL
Junior College

PRELIMINARY EXAM
SH2 H2MLL

10 SEPTEMBER 2018

BAHASA DAN KESUSASTERAAN MELAYU
MALAY LANGUAGE AND MALAY LITERATURE

H2 9565/3
KERTAS 3
PAPER 3

Duration: 3hr

ARAHAN

- 1 Baca arahan yang diberikan dengan teliti. Kemudian, jawab soalan seperti yang diarahkan.
- 2 Tulis jawapan kamu di dalam Buku Jawapan yang disediakan.

This question paper consist of 8 questions printed on 2 pages. (Including this cover sheet)

Arahan: Jawab EMPAT soalan kesemuanya. Calon hendaklah menjawab SATU soalan daripada setiap Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan Bahagian D.

BAHAGIAN A

NOVEL – JENDELA MENGHADAP JALAN

1. Terdapat keseimbangan dalam pengolahan watak-watak dalam novel *Jendela Menghadap Jalan* sehingga pembaca dapat merasakan keberkesanan dari sudut penceritaan. Berikan pendapat kamu. (25 markah)
2. Pengarang telah berjaya menyampaikan beberapa persoalan sampingan namun relevan dalam masyarakat hari ini melalui beberapa isu yang dibincangkan secara tersurat mahupun tersirat melalui watak-watak dalam novel *Jendela Menghadap Jalan*. Huraikan. (25 markah)

BAHAGIAN B

CERPEN – ANTOLOGI BEGITULAH KATA-KATA

3. Sejauh manakah watak-watak sampingan telah mengukuhkan lagi cerpen *Yang dan Pertemuan*? Huraikan. (25 markah)
4. Gaya bahasa yang diterapkan dalam cerpen *Si Malang Jalang* berjaya menunjukkan betapa pentingnya saat tertentu dalam karya ini. Setujukah kamu dengan pernyataan ini? (25 markah)

BAHAGIAN C

SAJAK – ANTOLOGI BEGITULAH KATA-KATA

5. Sajak *Dalang: Episod Tiga* dan *Tandatangan* mampu mengajar kita untuk lebih berhati-hati dalam berhadapan dengan masyarakat. Jelaskan. (25 markah)
6. Teknik kepengarangan yang menyerlah dalam sajak *Anak Tetangga Kelantan Lane* dan *Pustakaku dalam Remang Senja* mengukuhkan lagi persoalan-persoalan tertentu yang cuba diketengahkan. (25 markah)

BAHAGIAN D

DRAMA – ANTOLOGI BEGITULAH KATA-KATA

7. Drama *Anjing untuk Diplomat* boleh diangkat sebagai sebuah karya yang berani dalam mengetengahkan perkara-perkara di luar kelaziman, namun berjaya meninggalkan kesan yang mendalam kepada masyarakat. Berikan pandangan kamu. (25 markah)
8. Unsur gaya bahasa yang mantap dalam kededua drama *Cahaya di Hujung Senja* dan *Titik Pertemuan* mampu menyokong aspek kesusasteraan tertentu dalam karya. Huraikan pernyataan ini dengan memberikan bukti-bukti yang relevan. (25 markah)

SKEMA JAWAPAN [JC1 KERTAS 1 (BAHAGIAN 2) PRELIM 2018]

1. Meragut
2. Keinginan/ hasrat
3. Luntur
4. Padang
5. bertekad

- (a) Apakah cabaran-cabaran berkaitan bahasa ibunda dan kesusasteraan Melayu yang dihadapi hari ini? (6 markah)
- Novel Melayu tulisan kita yang sudah bertahun diletakkan di rak-rak perpustakaan, dipinjam orang hanya sekali dua/ kurang menghargai karya sastera. Dalam sesi dengan pelajar, dalam kalangan penulis, sasterawan Melayu Singapura yang ditonjolkan, pelajar hanya kenal seorang sahaja iaitu, wajah Cikgu Ariff (Ahmad). (3m)
 - Jika ada novel dwibahasa Melayu-Inggeris yang menonjolkan cerita yang sama, ada yang lebih rela baca versi Inggeris kerana bagi mereka, boleh habiskan dengan pantas dan lebih mudah difahami. Kemungkinan besar kehilangan satu generasi yang gagal menghargai dan menjiwai bahasa ibunda.(3m)
- (b) *“Ramai mungkin menuding jari kepada dasar dwibahasa yang diperkenalkan pemerintah, namun tidak ramai ingin mengakui kegagalan diri sendiri dalam meneruskan warisan generasi perintis kepada anak cucu mereka sendiri”*. Jelaskan. (6 markah)
- Golongan masyarakat kerap menyalahkan usaha lain yang dirasakan penting seperti dasar dwibahasa oleh pemerintah ekoran generasi hari ini yang lebih cenderung menggunakan bahasa Inggeris dan bahasa ibunda. Namun, ramai yang tidak fokus untuk meneliti masalah dalaman terlebih dahulu yakni usaha-usaha yang dilakukan demi memartabatkan bahasa dan kesusasteraan Melayu sejauh ini. Kurang fokus kepada masalah sebenar.(3m)
 - Sambutan dan permintaan yang dingin atau sekadar suam-suam kuku bagi karya sastera kreatif yang dihasilkan oleh penulis dan sasterawan kita yang gigih menghasilkannya. Keadaan jua mula berubah apabila novel yang bertemakan romantisisme, kelslaman dan ‘love thriller’ yang sering menjadi buruan untuk dilakonkan kini dibandingkan dengan genre lain.(3m)
- (c) Mengapakah proses penulisan mengambil masa yang lama? Jelaskan. (6 markah)
- Proses penulisan diadakan secara dua peringkat, selama enam bulan. Tujuan utama bukanlah sekadar mencari penulis menerusi satu jalan singkat, tetapi menerusi satu kitaran bermakna/ satu kefahaman menyeluruh.(3m)
 - Program ini yang mencakupi peraduan menulis cerpen yang akan membantu peserta, sama ada yang baru bertunas, pencinta bahasa atau penulis mapan untuk memahami landskap dan dunia persuratan hari ini yang sudah jauh

berubah. Mereka yang terpilih akan dibimbing dalam soal pengkaryaan, penerbitan dan pemasaran karya. (atau) Menulis bukan satu kerja main-main. Penulisan memerlukan disiplin dan kesungguhan kerana boleh juga mendatangkan hasil. (3m)

- (d) Apakah langkah-langkah jitu yang boleh diambil untuk terus memartabatkan bahasa ibunda dan kesusasteraan Melayu? Berikan pendapat kamu. (6 markah)
- Individu: penggunaan bahasa Melayu baku yang kerap bukan sahaja di sekolah tetapi di rumah jua. Dalam acara tertentu, pelajar boleh terlibat dalam pembentukan bahan yang menggunakan bahasa ibunda.
 - Pihak2 tertentu seperti sekolah: sejak kecil lagi melalui pendedahan terhadap karya kreatif seperti pementasan teater atau menonton karya yang telah didramakan, dipentaskan atau difilemkan.
 - Pemerintah: terlibat dalam pertandingan berkaitan budaya dan kesusasteraan, misalnya dalam kegiatan anjuran Bulan Bahasa. Ditampilkan para penulis mapan untuk membimbing peserta atau mengadakan bengkel penulisan.
 - Pelbagai jawapan munasabah boleh diterima.
- (e) Berikan maksud perkataan berikut menurut penggunaannya dalam teks. (6 markah)
- (i) tekal – tidak berubah-ubah, teguh/ sesuai/ selaras sepanjang masa
 - (ii) memperkasa – menjadikan hebat/ kuat/ unggul
 - (iii) bertunas – baru timbul/ tumbuh/ muncul/ terbit

SKEMA JAWAPAN [JC1 KERTAS 2 (E-EXAM) PRELIM 2018]

- 1. Berdasarkan Sumber A, apakah manfaat yang diperoleh melalui usaha yang diperkenalkan oleh Cik Shahrany Hassan? (4 markah)**
- (a) Wadah *Ask Me Anything* (AMA) dapat mendidik orang ramai mengenai asas agama utama di Singapura dan menyemai keharmonian kaum menerusi dialog dan acara silang kaum dan agama. - Misalnya, memberi peluang kepada peserta meleraikan kemusykilan tentang agama Islam, Buddha dan Kristian menerusi taklimat panel dan perbincangan berkumpulan. (2m)
- (b) Beliau juga mahu menyediakan wadah kepada orang ramai, terutama belia, untuk berbincang mengenai isu yang menjadi keprihatinan. - Meningkatkan kesedaran dan akhirnya menggalak mereka melakukan tindakan yang membawa faedah (atau) Memupuk persefahaman yang akan membawa kepada kepercayaan dan penerimaan, dan bukan sekadar toleransi terhadap sesuatu isu. (2m)
- 2. Berdasarkan Sumber B, apakah pegangan MHA terhadap isu LGBT?(4 markah)**
- (a) Entiti asing tidak harus membiayai, menyokong atau mempengaruhi acara yang diadakan di Sudut Pidato, seperti acara *Pink Dot*. – Entiti asing tidak harus campur tangan dalam isu domestik, terutama isu politik atau isu kontroversi sosial berbau politik berlandaskan prinsip bahawa warga Singapura harus putuskan sendiri pilihan politik, sosial atau moral untuk diri mereka. (2m)

- (b) Warga asing tidak dibenarkan menganjurkan atau berucap di acara itu, atau mengambil bahagian dalam tunjuk perasaan khasnya bagi acara seperti *Pink Dot*. – Hal ini terpakai baik bagi acara yang menyokong LGBT, seperti *Pink Dot*, mahupun yang menentanginya. (2m)

3. Bagaimanakah kandungan petikan Sumber A dan Sumber B saling berkaitan? (7 markah)

(a) Isu kemasyarakatan (Fenomena) (1.5m)

- Sumber A: Serangan perkauman di merata dunia. Misalnya, mangsa tidak berdosa, terutama wanita bertudung yang mana pakaiannya diragut orang yang tidak dikenali gara-gara demam Islamofobia. (1m)
- Sumber B: Isu LGBT mendapat sokongan 18 penaja, dua kali ganda berbanding tahun lepas. Penaja korporat termasuk syarikat berbilang negara (MNC) seperti *Google* dan bank, seperti *JP Morgan* dan *Goldman Sachs*. (atau) *Apple*, *Facebook*, *Microsoft*, *Visa* dan *General Electric* ialah para penaja kali pertama bagi acara anjuran kumpulan itu. (1m)

(b) Masyarakat yang kurang faham akan isu atau prinsip tertentu (1.5m)

- Sumber A: timbul masalah yang keterlaluan seperti Islamofobia kerana kurang kesedaran/ persefahaman/ kepercayaan/ penerimaan/ toleransi terhadap agama khasnya agama Islam sendiri. (1m)
- Sumber B: kurang sedar akan prinsip atau perundangan yang ada di Singapura seperti yang dimaklumkan oleh MHA. Justeru, sokongan daripada banyak organisasi yang menyokong usaha LGBT.

(ATAU)

(c) Langkah2 yang diambil untuk menangani isu kemasyarakatan

- Sumber A: penubuhan wadah *Ask Me Anything (AMA)*, menganjurkan seminar agama Islam dalam bahasa Inggeris mengenai isu semasa yang menarik perhatian belia, melakar laman bertajuk *seekinganswers.sg*. (ketiga-tiga perlu ada) (1m)
- Sumber B: MHA akan mengambil langkah-langkah bagi menjelaskan bahawa entiti asing tidak harus membiayai, menyokong atau mempengaruhi acara yang diadakan di Sudut Pidato, seperti acara *Pink Dot*. Menjelaskan Pendirian umum Pemerintah yang kekal sentiasa, iaitu entiti asing tidak harus campur tangan dalam isu domestik yang mana warga Singapura harus putuskan sendiri pilihan sosial atau moral untuk diri mereka.
- Jawapan munasabah lain boleh diterima.

4. "Ini adalah berlandaskan prinsip bahawa warga Singapura harus putuskan sendiri pilihan politik, sosial atau moral untuk diri mereka," Berdasarkan Sumber A dan Sumber B, berikan komen kamu terhadap perkara ini. Jawapan kamu tidak harus melebihi 160 patah perkataan. (15 markah)

1. Keberadaan *entiti asing boleh mempengaruhi keputusan* rakyat Singapura terhadap isu tertentu sama ada dalam menyokong atau pelibatan mereka dalam acara seperti *Pink Dot*. Justeru, warga asing tidak harus campur tangan dalam isu domestik dan tidak dibenarkan menganjurkan, berucap atau mengambil bahagian dalam tunjuk perasaan.
2. Apabila sebarang kemusykilan yang ada terjawab menerusi dialog dan acara silang kaum, masyarakat akan menjadi *lebih terbuka dan ini akan membawa kepada penerimaan pandangan tertentu*.
3. Melalui wadah *Ask Me Anything (AMA)*, orang ramai, terutama belia, dapat berbincang mengenai isu yang menjadi keprihatinan dan ini dapat *meningkatkan kesedaran yang akhirnya menggalak mereka menegetengahkan tindakan yang membawa faedah*.
4. Apabila masyarakat dapat mendengar pandangan agama dan memupuk persefahaman tentang LGBT misalnya, mereka akan *lebih arif dalam melahirkan usaha bersama* dalam menangani isu yang melanda masyarakat itu.

Jawapan munasabah lain boleh diterima.

NANYANG JUNIOR COLLEGE
JC2 PRELIMINARY EXAMINATION EXAMINATION 2018
Higher 2

CANDIDATE NAME	
CLASS	

MALAY LANGUAGE HIGHER 2 Paper 1 <u>Part 1</u>	9573/01 Duration: 2 hours 15 mins (Total time for Part 1 and Part 2)
--	---

THURSDAY	13 SEPTEMBER 2018	1515-1730 HRS
-----------------	--------------------------	----------------------

ARAHAN UNTUK CALON

- 1 Baca arahan yang diberikan bagi setiap bahagian dengan teliti. Kemudian, jawab soalan seperti yang diarahkan.
- 2 Tulis jawapan kamu dalam kertas yang disediakan.
- 3 Kamus yang diluluskan boleh digunakan bagi bahagian ini. Tulis nama kamus dan nama penerbit kamus yang kamu gunakan itu di sudut atas sebelah kanan kertas jawapan yang disediakan.
- 4 ***Peruntukan masa bagi Kertas 1 Bahagian 1: Karangan (1 jam 15 minit)**

Kertas soalan ini mengandungi 2 halaman bercetak

BAHAGIAN A (35 markah)

Arahan: Tuliskan karangan yang panjangnya tidak kurang daripada 460 patah perkataan mengenai satu daripada tajuk di bawah ini.

(Dalam pemberian markah, gaya bahasa, isi karangan dan susunannya akan dipertimbangkan)

1. Keseronokan yang membawa padah. Ceritakan pengalaman dan perasaan kamu berdasarkan pernyataan ini.
2. Usaha mengejar pembangunan menyebabkan kemerosotan alam sekitar. Beri pendapat kamu.
3. Keharmonian kamu sangat penting bagi menjamin kesejahteraan dan kemakmuran negara. Huraikan.
4. Tuliskan sebuah karangan berdasarkan rangsangan yang dipaparkan di bawah ini.



- selesai -

ARAHAN JAWAB SEMUA SOALAN.

BAHAGIAN (10 MARKAH)

ARAHAN: Dalam petikan karangan di bawah ini terdapat 5 tempat kosong. Isi setiap tempat kosong ini dengan perkataan yang sesuai mengikut konteks petikan karangan tersebut. Kemudian, tulis jawapan kamu mengikut susunan perkataan dalam petikan karangan ini.

Lebih ramai warga emas kini mendapatkan khidmat jagaan jangka panjang di rumah __**(1)**__ di pusat jagaan berbanding di rumah-rumah rawatan. Sekitar 14,000 orang menggunakan khidmat sedemikian tahun lepas, berbanding 10,000 orang di rumah rawatan. Demikian dapatan satu kajian baru yang dikeluarkan pada Selasa 14 Ogos 2018. Kajian tersebut __**(2)**__ Yayasan Lien bersama NUS mengenai khidmat jagaan jangka panjang di sini. Walaupun dua pertiga keluarga-keluarga di sini layak mendapat subsidi bagi khidmat jagaan warga tua, kajian itu mendapati soal pembayaran bersama terus menjadi satu __**(3)**__. Hal ini kerana keluarga-keluarga berkenaan masih perlu membayar antara 20 peratus hingga 70 peratus __**(4)**__ kos khidmat tersebut. Hal itu mungkin menjadi hambatan kepada keluarga-keluarga kelas __**(5)**__ untuk menggunakan khidmat jagaan jangka panjang. Tambahan lagi, ramai juga yang mendapati bayaran bagi khidmat pembantu rumah adalah lebih rendah.

(lihat halaman sebelah)

PRELIMINARY EXAMINATION 2018/H2MLL9573/1_PART1
BAHAGIAN B (30 MARKAH)

ARAHAN: Baca petikan karangan di bawah ini dengan teliti.

Media massa sama ada media cetak ataupun media elektronik amat penting mutakhir ini kerana media massa telah membawa perubahan besar dalam kehidupan manusia. Media massa telah berupaya mencetuskan era langit terbuka dan menjadikan jagat ini seolah-olah tanpa sempadan. Inilah era globalisasi. Satu era yang menyaksikan bukan sahaja pengaliran sesuatu yang fizikal tetapi juga yang bukan fizikal. Warga dunia menjadi masyarakat bermaklumat dan berpengetahuan. Hal ini disebabkan proses menyebarkan bahan berita dan pengetahuan dapat dilakukan dengan pantas tanpa sekatan ke seluruh pelusuk dunia. Melalui jaringan sistem komunikasi seperti Internet, telefon, atau rangkaian televisyen global, dunia telah “dikecilkan” dengan memungkinkan hubungan yang merentasi sempadan negara dilakukan dengan begitu mudah sekali. Dunia menjadi semakin rapat kerana kita mempunyai peluang menggunakan media massa untuk memperluaskan sempadan ruang “dunia tempatan” kita kepada dunia global. Hal ini bermakna kita sudah tidak boleh lagi mempertahankan ruang dan masa kita sebagai hak kita tanpa boleh *dicerobohi* oleh orang lain kerana kini ruang dunia sudah menjadi hak bersama.

Tidak dinafikan perkembangan arus globalisasi sememangnya tidak dapat dielakkan. Kini, golongan remaja dapat menikmati apa-apa jua bentuk hiburan melalui skrin-skrin besar hinggalah melalui telefon bimbit. Oleh itu, kebebasan media massa menyiarkan sebarang rancangan yang boleh meruntuhkan akhlak remaja perlulah ditangani dengan menguatkuasakan undang-undang komunikasi yang lebih *tegas* lagi. Misalnya, khidmat pesanan ringkas dan wadah media sosial yang disalahgunakan oleh segelintir individu seperti penyebaran fitnah dan gambar lucah mendatangkan kesan yang negatif kepada golongan remaja. Pihak pengendali laman-laman sesawang dan blog perlu juga bertanggungjawab terhadap isu-isu yang disiarkan. Kebebasan media massa pada zaman sains dan teknologi ini amat penting tetapi kebebasan harus berlandaskan sikap prihatin dan tanggungjawab sosial tentang kepentingan untuk melahirkan golongan remaja yang berwawasan.

Kebanjiran drama, sinetron dan filem-filem asing yang banyak berunsurkan keganasan, penderaan, dan dendam *menggusarkan* banyak pihak. Filem-filem sebegini boleh mempengaruhi minda golongan remaja dan mereka boleh bertindak di luar jangkaan. Memang tidak dinafikan unsur-unsur negatif yang dipaparkan oleh media massa adalah bertujuan untuk menyedarkan masyarakat, khususnya golongan remaja tentang bahayanya sesuatu kejahatan yang dilakukan. Persoalannya, adakah remaja mempunyai kemampuan untuk berfikir sehingga boleh menilai dan mencari sesuatu yang tersirat di dalam filem tersebut? Dalam hal ini media massa bertindak sebagai penapis yang bertanggungjawab membetulkan apa-apa yang silap dan bertindak sebagai cermin diri yang boleh menjadi contoh kepada golongan remaja. Di samping itu, media massa juga merupakan medium yang mempunyai tanggungjawab sosial dalam membentuk generasi muda yang lebih bertamadun dan bukannya menjatuhkan martabat atau merosakkan akhlak para remaja.

Dalam menghadapi polemik media massa dan globalisasi ini kita perlu melihatnya dengan cara terbuka dan menilai implikasi dan impaknya kepada masyarakat dan negara. Dalam hal ini, pihak media massa seharusnya tidak mementingkan populariti dan keuntungan sahaja, sebaliknya turut memainkan peranan penting dalam usaha pembentukan akhlak golongan remaja. Pihak media massa haruslah menjadikan filem atau bahan yang disiarkan sebagai wadah untuk menyampaikan nilai-nilai murni atau nilai positif kepada golongan remaja yang merupakan struktur masyarakat yang baharu untuk membentuk masyarakat dan negara yang cemerlang dalam menguasai hal tuju budaya dan identiti nasional kita.

(lihat halaman sebelah)

ARAHAN Berdasarkan petikan karangan yang diberikan, jawab soalan-soalan berikut dengan menggunakan ayat-ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu di kertas yang disediakan.

- a) Bagaimanakah media massa memacu globalisasi? (6 markah)
- b) Mengapakah perkembangan globalisasi harus diberi perhatian? (6 markah)
- c) Filem asing tidak harus ditontonkan kepada rakyat tempatan. Sejauh manakah kamu bersetuju dengan pernyataan ini? (6 markah)
- d) Media massa menggerak kemajuan negara. Setujukah kamu dengan pernyataan ini? (6 markah)
- e) Berikan maksud perkataan berikut menurut penggunaannya dalam teks. (6 markah)
 - i) dicerobohi
 - ii) tegas
 - iii) menggusarkan

selesai

NANYANG JUNIOR COLLEGE
PRELIMINARY EXAMINATION 2018
Higher 2

CANDIDATE NAME	
CLASS	

MALAY LANGUAGE AND LITERATURE BAHASA DAN KESUSASTERAAN MELAYU PAPER 2 (e-Exam)	9573/2
	Duration: 1 hour

THURSDAY	13 SEPTEMBER 2018	1400-1500 hrs
-----------------	--------------------------	----------------------

ARAHAN UNTUK CALON

- 1 Kertas peperiksaan ini mengandungi dua sumber dan empat soalan.
- 2 Baca setiap sumber dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang diberikan dengan menggunakan ayat kamu sendiri.

BAHAGIAN C (30 markah)**SUMBER A**

ARAHAN Baca petikan di bawah ini dengan teliti.

Pendidikan Awal Kanak-kanak

Usaha mempertingkatkan pembentukan budaya ilmu perlu dilakukan pada peringkat awal lagi. Pendidikan prasekolah bagi kanak-kanak yang berumur empat hingga enam tahun adalah asas bagi menyuburkan potensi kanak-kanak dalam semua aspek perkembangan. Turut dilengkapi juga penguasaan kemahiran asas dan memupuk sikap positif sebagai persediaan masuk ke sekolah rendah.

Semua kanak-kanak perlu mendapat pendidikan asas yang berkualiti agar mereka terus berjaya dalam pendidikan yang bakal ditempuhi pada peringkat lebih tinggi demi masa depan.

Bagi merealisasikan objektif ini, peruntukan bajet yang lebih besar daripada pemerintah dituntut. Dana yang secukupnya perlu disalurkan kepada pembentukan ko-kurikulum yang seragam dan lebih efektif, penyediaan bahan pendidikan, peralatan dan kemudahan fizikal yang bersesuaian, menambah bilangan tenaga pengajar dan menyediakan program latihan terkini serta membina lebih banyak lagi prasekolah.

Peningkatan bajet perlu diteruskan sehingga tercapai sasaran seperti disarankan oleh beberapa negara maju iaitu nisbah murid dan guru tadika pada kadar 10:1 dengan bilangan kemasukan kanak-kanak ke prasekolah yang tinggi.

SUMBER B

ARAHAN Baca petikan di bawah ini dengan teliti.

Pencapaian Masyarakat Melayu

Masyarakat Melayu pada hari ini walaupun sedang meraih manfaat daripada kemajuan ekonomi dan pembangunan Singapura, juga menghadapi pelbagai cabaran. Biarpun demikian, prestasi dan peningkatan masyarakat Melayu dalam pendidikan amat ketara. Kadar pelajar Melayu dalam kohort Darjah 1 yang melanjutkan pendidikan mereka ke institusi-institusi pos-menengah, iaitu politeknik, Institut Pendidikan Teknikal (ITE) dan pra-universiti telah meningkat daripada 76.5 peratus pada tahun 2003 kepada lebih daripada 85 peratus pada tahun 2013.

Masyarakat Melayu juga telah mencapai kemajuan untuk lebih berdikari melalui jaringan bantuan meningkatkan kemahiran dan mendapatkan pekerjaan. Mereka sendiri mempunyai keinginan untuk mengukuhkan kebolehan dan berjaya dalam kehidupan, didorong oleh nilai-nilai bekerja keras dan bertanggungjawab untuk kebajikan sendiri. Pihak pemerintah bersedia membantu anggota masyarakat yang kurang berkemahiran untuk mencari pekerjaan yang lebih baik demi meningkatkan mutu hidup mereka.

Galakan mesti terus diberikan kepada anak-anak yang telah berusaha dan menunjukkan prestasi yang baik di sekolah untuk terus berusaha keras, sambil menyokong mereka yang masih belum mencapai potensi mereka sepenuhnya. Dengan cara ini mereka dapat membina kebolehan dan keperibadian- dua daripada unsur penting yang boleh menjamin kejayaan mereka pada masa hadapan.

ARAHAN Berdasarkan Sumber A dan Sumber B, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu di dalam Kertas Jawapan yang disediakan.

- 11** Berdasarkan Sumber A, mengapakah pendidikan prasekolah penting? **(4 markah)**
- 12** Berdasarkan Sumber B, masyarakat Melayu sedar kepentingan mempertingkatkan diri demi menghadapi cabaran kehidupan hari ini. Jelaskan. **(4 markah)**
- 13** Sumber A dan Sumber B menekankan pemerintah dalam pencapaian masyarakat. **(7 markah)**
- 14** Beri komen kamu terhadap memperkukuh pendidikan prasekolah hari ini. Jawapan kamu tidak harus melebihi **160** patah perkataan. **(15 markah)**

selesai

NANYANG JUNIOR COLLEGE
JC2 PRELIMINARY YEAR EXAMINATION 2018
Higher 2

CANDIDATE NAME	
CLASS	

MALAY LANGUAGE HIGHER 2 Paper 2	9573/03
	Duration: 3 hours (Total time for Part 1 and Part 2)

FRIDAY	18 SEPTEMBER 2015	1430-1730hrs
---------------	--------------------------	---------------------

ARAHAN UNTUK CALON

- 1 Baca arahan yang diberikan dengan teliti. Kemudian, jawab soalan seperti yang diarahkan.
- 2 Tulis jawapan kamu dalam kertas yang disediakan.

ARAHAN Jawab EMPAT soalan kesemuanya. Calon hendaklah menjawab SATU soalan daripada setiap BAHAGIAN A, BAHAGIAN B, BAHAGIAN C dan BAHAGIAN D.

BAHAGIAN A **NOVEL RESTU** oleh Ruhaini Mat Darin

1. Novel **Jendela Menghadap Jalan**, menggambarkan citra masyarakat Kampung Sentosa yang positif. Bincangkan. **(25 markah)**
2. Berdasarkan novel **Jendela Menghadap Jalan**, jelaskan bagaimana pembacaan novel ini menyedarkan kamu tentang kekurangan yang ada pada diri kamu. Huraikan jawapan kamu dengan contoh-contoh yang relevan daripada novel ini. **(25 markah)**

BAHAGIAN B **CERPEN- ANTOLOGI BEGITULAH KATA-KATA**

2. Cerpen '**Suatu Perjalanan Sebuah Peta Sebuku Roti**' karya Basiran Hj Hamzah mengetengahkan persoalan-persoalan yang bertujuan membimbing masyarakat menjalani kehidupan yang bermakna. Setujukah kamu dengan pernyataan ini? **(25 markah)**
4. Cerpen **Jago** mampu dianggap sebagai sebuah hasil karya yang menarik. satu perjuangan. Beri pendapat kamu. **(25 markah)**

BAHAGIAN C **SAJAK- ANTOLOGI BEGITULAH KATA-KATA**

5. Sajak **Api** karya Mohamed Latif Mohamed mengetengahkan kepelbagaian gaya bahasa yang membicarakan pembangunan anak bangsa abad ke-21. Setujukah kamu dengan pernyataan ini? **(25 markah)**
6. Bermuhasabah diri menjadikan kehidupan manusia lebih bermakna. Kaitkan pernyataan ini berdasarkan sajak **Menjaring Mentari Hidupku** karya Abdul Kadir Pandi. **(25 markah)**

BAHAGIAN D **DRAMA- ANTOLOGI BEGITULAH KATA-KATA**

7. Watak Kassim dalam drama **Cahaya Di Hujung Senja** karya M Saffri A Manaf dan watak Yusman Anwar dalam drama **Titik Pertemuan** karya Rohman Munasip dapat dijadikan panduan warga emas hari ini meniti usia senja mereka. Jelaskan. **(25 markah)**
8. Drama **Anjing Untuk Diplomat** menggambarkan pelbagai kelemahan masyarakat. Setujukah dengan pernyataan ini? **(25 markah)**

selesai

SKEMA JAWAPAN

BAHAGIAN A

Lebih ramai warga emas kini mendapatkan khidmat jagaan jangka panjang di rumah **atau** di pusat jagaan berbanding di rumah-rumah rawatan. Sekitar 14,000 orang menggunakan khidmat sedemikian tahun lepas, berbanding 10,000 orang di rumah rawatan. Demikian dapatan satu kajian baru yang dikeluarkan pada Selasa 14 Ogos 2018. Kajian tersebut **disokong** Yayasan Lien bersama NUS mengenai khidmat jagaan jangka panjang di sini. Walaupun dua pertiga keluarga-keluarga di sini layak mendapat subsidi bagi khidmat jagaan warga tua, kajian itu mendapati soal pembayaran bersama terus menjadi satu **cabaran/keprihatinan**. Hal ini kerana keluarga-keluarga berkenaan masih perlu membayar antara 20 peratus hingga 70 peratus **daripada** kos khidmat tersebut. Hal itu mungkin menjadi hambatan kepada keluarga-keluarga kelas **pertengahan** untuk menggunakan khidmat jagaan jangka panjang. Tambahan lagi, ramai juga yang mendapati bayaran bagi khidmat pembantu rumah adalah lebih rendah.

BAHAGIAN B

SOALAN A	Bagaimanakah media massa memacu globalisasi? (6 markah)
	Proses menyebarkan bahan berita dan pengetahuan dapat dilakukan dengan pantas tanpa sekatan ke seluruh pelusuk dunia.
	Warga dunia menjadi masyarakat bermaklumat dan berpengetahuan
	Dunia seolah-olah telah “dikecilkan” dengan memungkinkan hubungan yang merentasi sempadan negara dilakukan dengan begitu mudah sekali
	Hal ini bermakna kita sudah tidak boleh lagi mempertahankan ruang dan masa kita sebagai hak kita tanpa boleh diceroohi oleh orang lain kerana kini ruang dunia sudah menjadi hak bersama.

SOALAN B	Mengapakah perkembangan globalisasi harus diberi perhatian? (6 markah)
	Perkembangan globalisasi harus diberi perhatian kerana kini golongan remaja dapat menikmati apa-apa jua bentuk hiburan melalui skrin besar hinggalah telefon bimbit
	Kesannya, kebebasan media massa menyiarkan sebarang rancangan boleh meruntuhkan akhlak remaja
	Selain itu, khidmat pesanan ringkas (SMS) dan gambar (MMS) disalahgunakan oleh segelintir individu seperti penyebaran fitnah dan gambar lucah
	Hal ini mendatangkan kesan negatif kepada remaja. (1m)

SOALAN C	Filem asing tidak harus ditontonkan kepada rakyat tempatan. Sejauh manakah kamu bersetuju dengan pernyataan ini? (6 markah)
	Filem asing tidak harus ditontonkan kepada rakyat tempatan kerana ia mengandungi unsur-unsur dan adegan-adegan keganasan, penderaan dan lucah.
	Hal ini boleh mempengaruhi minda remaja khususnya dan orang ramai amnya.
	Bagaimanapun, filem asing ada baiknya kerana di sebalik adegan dan unsur itu, terselit atau tersirat sesuatu yang boleh menyedarkan orang yang menontonnya
	Hal ini amat berguna kerana remaja khususnya dan orang ramai amnya akan mengalami atau menghadapi senario atau masalah itu dalam hidup mereka

SOALAN D	Media massa menggerak kemajuan negara. Setujukah kamu dengan pernyataan ini? (6 markah)
	Jawapan calon perlu dipertimbangkan berdasarkan kebijaksanaan guru.

Berikan erti perkataan-perkataan berikut: (6m)

- i) dicerobohi - diserang tanpa kebenaran
- ii) tegas - ketat
- iii) mengemukakan - kegunaan, faedah

selesai

SKEMA JAWAPAN

- 1 Berdasarkan Sumber A, mengapakah pendidikan prasekolah penting? (4 markah)
- ✓ penting bagi menyuburkan potensi kanak-kanak dalam semua aspek perkembangan menguasai kemahiran asas
 - ✓ memupuk sikap positif sebagai persediaan masuk ke sekolah rendah
- 2 Berdasarkan Sumber B, masyarakat Melayu sedar kepentingan mempertingkatkan diri demi menghadapi cabaran kehidupan hari ini. Jelaskan. (4 markah)
- ✓ Masyarakat Melayu juga telah mencapai kemajuan untuk lebih berdikari melalui jaringan bantuan meningkatkan kemahiran dan mendapatkan pekerjaan.
 - ✓ Mereka sendiri mempunyai keinginan untuk mengukuhkan kebolehan dan berjaya dalam kehidupan, didorong oleh nilai-nilai bekerja keras dan bertanggungjawab untuk kebajikan sendiri.
- 3 Sumber A dan Sumber B menekankan pemerintah dalam pencapaian masyarakat. (7 markah)
- ✓ Pernyataan dari Sumber A
 - ✓ Pernyataan dari Sumber B
- 4 Beri komen kamu terhadap memperkukuh pendidikan prasekolah hari ini. Jawapan kamu tidak harus melebihi 160 patah perkataan. Jawapan kamu tidak harus melebihi 160 patah perkataan. (15 markah)

Mana-mana jawapan yg munasabah boleh diterima

selesai

SKEMA JAWAPAN**BAHAGIAN A *NOVEL JENDELA MENGHADAP JALAN* oleh RUHAINI MATDARIN**

1. Novel ***Jendela Menghadap Jalan***, menggambarkan citra masyarakat Kampung Sentosa yang positif. Bincangkan. **(25 markah)**

Positif:

Latar masyarakat yang menghormati tetamu
 Latar masyarakat yang bermusyawarah
 Latar masyarakat yang prihatin akan kesihatan
 Latar masyarakat yang cinta akan alam sekitar

Negatif:

Latar masyarakat yang mempunyai masalah keluarga
 Latar masyarakat yang suka mengambil tahu hal keluarga orang lain.
 Latar masyarakat yang mengambil berat akan masalah sekitaran
 Latar masyarakat yang sukar bermuafakat
 Latar masyarakat remaja yang bermasalah
 Latar masyarakat yang buruk sangka.

2. Berdasarkan novel ***Jendela Menghadap Jalan***, jelaskan bagaimana pembacaan novel ini menyedarkan kamu tentang kekurangan yang ada pada diri kamu. Huraikan jawapan kamu dengan contoh-contoh yang relevan daripada novel ini. **(25 markah)**

✓ Mana-mana jawapan yang munasabah boleh dipertimbangkan guru

BAHAGIAN B *CERPEN- ANTOLOGI BEGITULAH KATA-KATA*

3. Cerpen '***Suatu Perjalanan Sebuah Peta Sebuku Roti***' karya Basiran Hj Hamzah mengetengahkan persoalan-persoalan yang bertujuan membimbing masyarakat menjalani kehidupan yang bermakna. Setujukah kamu dengan pernyataan ini? **(25 markah)**

- ✓ Erti dan arah tuju kehidupan
- ✓ Pentingnya hati/jiwa yang bersih
- ✓ Ilmu yang benar
- ✓ Kesyukuran
- ✓ Ketaatan pada agama

4. Cerpen ***Jago*** mampu dianggap sebagai sebuah hasil karya yang menarik. Beri pendapat kamu. **(25 markah)**

- ✓ Tema
- ✓ Persoalan
- ✓ Perutusan
- ✓ Pengajaran
- ✓ Latar

BAHAGIAN C**SAJAK- ANTOLOGI BEGITULAH KATA-KATA**

5. Sajak **Api** karya Mohamed Latif Mohamed mengetengahkan kepelbagaian gaya bahasa yang membicarakan pembangunan anak bangsa abad ke-21. Setujukah kamu dengan pernyataan ini? **(25 markah)**

Simile

Seperti pesawat telinga (R2B1)

Metafora

...mereka mencumbui tradisi (R1B5)

☒...mendapak cempaka (R3B2)

Personifikasi

seperti *pesawat telinga*

menyampaikan berita(R2B1)

Perlambangan

api (R1B1)

bara (R3B1)

bayi (R1B1)

zuriat (R3B1)

putih(nya) susu (R1B2)

pucat(nya) nasi (R1B3)

cempaka (R3B2)

Asonansi

nanti mereka mencumbui tradisi

tidak berani menghadapi realiti(R1B5-6)

Aliterasi

kepalsuan menjadi kebenaran

kemungkaran menjadi kebaikan(R2B4-5)

Inversi

putihnya susu (R1B2)

pucatnya nasi (R1B3)

"...panasnya terasa (R3B3)

Ironi

berilah bayimu api (R1B1)

jadi berikanlah zuriatmu bara (R3B1)

biar, biarkanlah panasnya terasa

baru mereka mengerti ertinya bangsa (R3B3-4)

6. Bermuhasabah diri menjadikan kehidupan manusia lebih bermakna. Kaitkan pernyataan ini berdasarkan sajak **Menjaring Mentari Hidupku** karya Abdul Kadir Pandi. **(25 markah)**

- ✓ Fenomena alam sebagai cerminan hidup manusia
- ✓ Setiap kebaikan atau keburukan ada hikmahnya
- manusia yang menyalahkan alam atau orang lain atas kesilapan yang berlaku
- ✓ Sikap sombong/ego penyebab manusia gagal/menghindari muhasabah diri
- ✓ Sikap-sikap negatif manusia yang membawa padah kepada diri mereka sendiri

BAHAGIAN D**DRAMA- ANTOLOGI BEGITULAH KATA-KATA**

7. Watak Kassim dalam drama ***Cahaya Di Hujung Senja*** karya M Saffri A Manaf dan watak Yusman Anwar dalam drama ***Titik Pertemuan*** karya Rohman Munasip dapat dijadikan panduan warga emas hari ini meniti usia senja mereka. Jelaskan. **(25 markah)**

CAHAYA DI HUJUNG SENJA - KASIM

1. Penyayang
2. Rajin dan taat beribadah
3. Ego
4. Lupa diri
5. Degil dan panas baran
6. Insaf kesalahannya

TITIK PERTEMUAN Yusman Anwar

1. Gemar membaca
2. Suka memberi nasihat
3. Mudah mesra
4. Berhemah dalam berbicara
5. Beragama

8. Drama ***Anjing Untuk Diplomat*** menggambarkan pelbagai kelemahan masyarakat. Setujukah dengan pernyataan ini? **(25 markah)**

1. Masyarakat yang berhiraki
2. Masyarakat yang gemar berpesta
3. Masyarakat pentingkan status
4. Masyarakat yang mementingkan diri
5. Masyarakat yang ingin bebas dari penindasan golongan kapitalis

Selesai

Name : _____ () Class: _____

**PIONEER JUNIOR COLLEGE
JC2 PRELIMINARY EXAMINATION
HIGHER 2 MALAY LANGUAGE & LITERATURE
PAPER 1 (PART 1)**



Date : 17/09/2018 (Monday)

Subject Code : 9573/1 (Part 1)

Duration : 2hr 15min (Total time for Part 1 and Part 2)

ARAHAN UNTUK CALON

- 1 Kertas ini tercetak dalam dua bahagian yang berasingan: Bahagian 1 dan Bahagian 2.
- 2 Semua jawapan hendaklah ditulis dalam Kertas Jawapan yang sama.
- 3 **PENGUNAAN KAMUS**
 - a) Bahagian 1 (Karangan: Soalan 1-4): Kamu dibenarkan menggunakan kamus bagi bahagian ini.
Masa yang dibenarkan penggunaan kamus: 1 jam 15 minit.
 - b) Tulis nama kamus yang kamu gunakan di sudut atas sebelah kanan kulit Kertas Jawapan.
 - c) Bahagian 2: Kamu tidak dibenarkan menggunakan kamus.
- 4 Baca arahan yang diberikan bagi setiap bahagian dengan teliti dan jawab seperti yang diarahkan.

Kertas ini mengandungi 4 soalan yang tercetak pada halaman 2.

BAHAGIAN 1 (35 markah)

Tuliskan karangan yang panjangnya **tidak kurang daripada 460 patah perkataan** mengenai SATU daripada tajuk-tajuk di bawah ini.

(Dalam pemberian markah, gaya bahasa, isi karangan dan susunannya akan dipertimbangkan)

- 1 Kita tidak tahu kemampuan kita selagi kita tidak mencuba. Berdasarkan pengalaman kamu, ceritakan satu peristiwa yang menggambarkan perkara ini.
- 2 Kuatnya satu kumpulan sekuat anggota-anggotanya. Bersetujukah kamu dengan pendapat ini.
- 3 Persiapan yang baik menjamin kebahagiaan pada masa hadapan. Komen.
- 4 Berikan pendapat kamu berdasarkan gambar berikut.



SELESAI

Name : _____ () Class: _____

**PIONEER JUNIOR COLLEGE
JC2 PRELIMINARY EXAMINATION
HIGHER 2 MALAY LANGUAGE & LITERATURE
PAPER 1 (PART 2)**



Date : 17/09/2018 (Monday)

Subject Code : 9573/1 (Part 2)

Duration : 2hr 15min (Total time for Part 1 and Part 2)

ARAHAN UNTUK CALON

1. Jawab SEMUA soalan
2. Baca arahan yang diberikan bagi setiap bahagian dengan teliti dan jawab seperti yang diarahkan.

Kertas ini mengandungi 10 soalan yang tercetak pada halaman 2 hingga 4.

ARAHAN: Jawab SEMUA soalan.

BAHAGIAN B (5 markah)

Arahan: Dalam petikan karangan di bawah ini terdapat 5 tempat kosong. Isi setiap tempat kosong ini dengan perkataan yang sesuai mengikut konteks petikan karangan tersebut. Kemudian, tulis jawapan kamu mengikut susunan perkataan dalam petikan karangan di dalam Kertas Jawapan yang disediakan.

Apabila kita menyusuri kehidupan orang-orang yang berjaya dan kaya-raya di dunia, ternyata ada satu persamaan dalam kalangan mereka. Persamaan itu adalah bakat. Persoalannya, adakah dengan berbekalkan bakat sahaja sudah cukup untuk menjadi seseorang itu berjaya dan menikmati hidup yang mewah? Sebenarnya selain bakat, minat merupakan perkara yang mampu mendorong seseorang itu berjaya dalam kerjaya yang dipilihnya. Minat yang mendalam terhadap (1)_____ yang disukai sebenarnya suatu bentuk motivasi. Jika seseorang itu (2)_____ bakat dalam bidang penulisan namun dia tidak mahu menggerakkan kebolehannya, (3)_____ tidak akan dapat menghasilkan apa-apa, hatta sebuah sajak pendek pun. Begitu (4)_____ juga seseorang yang mempunyai bakat dalam bidang masakan tetapi tidak (5)_____ berusaha untuk memperkenalkan masakannya kepada orang lain, bakatnya tidak akan ke mana-mana. Oleh yang demikian, bakat yang disertai ilmu pengetahuan dan minat perlu digerakkan seiring bagi memastikan keberhasilan pekerjaan atau kerjaya yang dipilih. Sebagai contoh, seseorang yang meminati bidang jahitan seharusnya berani memperagakan pakaian yang dijahitnya kepada orang yang terdekat sebelum mengembangkannya kepada orang lain.

BAHAGIAN C (30 markah)

Arahan: Baca petikan karangan di bawah dengan teliti.

IPT Bukanlah Kejayaan yang Muktamad oleh Noor Azam Abdul Rahman	
Ramai pelajar yang gagal melanjutkan pengajian ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT) berasa kecewa dan berputus asa. Malah pandangan masyarakat yang memberikan kredit yang tinggi terhadap kejayaan individu yang berjaya ke IPT telah membentuk persepsi negatif terhadap pelajar yang gagal melanjutkan pelajaran ke menara gading. Keadaan ini perlu diubah supaya pelajar yang gagal ke IPT juga diberi peluang untuk menentukan masa hadapan yang cemerlang. Sebenarnya mereka masih mempunyai kesempatan untuk mendaki menara gading kerana masih terdapat banyak lagi saluran untuk menggenggam kejayaan dan menimba pengalaman yang berkaitan dengan kehidupan. Bagi pelajar yang berjaya ke IPT pula, cabaran yang besar tersedia untuk ditempuh. Kehidupan pembelajaran dan pengajaran di IPT berbeza daripada kehidupan pelajar pada zaman sekolah. Perbezaan yang ketara bukan sahaja dari aspek proses pengajaran dan pembelajaran, malah meliputi aspek gaya hidup di IPT yang berbeza daripada sekolah.	5
Cabaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran begitu ketara kerana mereka akan menempuh proses pembelajaran yang berbentuk sendiri berbanding dengan pembelajaran di sekolah yang berkonsepkan penerangan dan penjelasan. Proses pembelajaran yang memerlukan pelajar meneroka ilmu lebih luas dengan penyediaan tugas ilmiah dan melakukan penyelidikan yang rapi pastinya memberikan cabaran kepada pelajar pada peringkat permulaan. Namun begitu, proses ini akan menjadi lebih selesa pada peringkat seterusnya. Membina kehidupan sebagai seorang pelajar IPT atau mahasiswa adalah tempoh masa yang berisiko bagi para pelajar. Risiko yang besar apabila setiap rutin harian ditentukan sendiri oleh pelajar. Kehidupan di luar bilik darjah akan mempengaruhi kejayaan seseorang pelajar di dalam kelas. Oleh itu, kejayaan pelajar mengurus kehidupan hariannya adalah kunci utama kejayaannya dalam pengajian yang diikuti. Selain itu, cabaran yang dihadapi oleh pelajar IPT adalah cara menguruskan kehidupan di luar dewan kuliah. Ramai pelajar yang bijak dari segi akademiknya pada peringkat sekolah tetapi merosot pada peringkat IPT. Antara faktor utama kemerosotan ini termasuklah kegagalan pelajar tersebut mengurus kehidupan di luar bilik dewan kuliah, iaitu kehidupan harian selepas waktu kuliah. Tempoh ini perlu dimanfaatkan sebaik-baiknya oleh pelajar di IPT.	10
Setiap IPT biasanya menyediakan kemudahan kepada para pelajarnya untuk menjalankan aktiviti seperti sukan, kebudayaan, keagamaan, persatuan, kebajikan dan sebagainya. Di samping itu, pihak IPT juga menyediakan pegawai tertentu yang bertugas sebagai penasihat untuk membimbing pelajar cara untuk beraktiviti. Namun begitu ramai pelajar yang tidak memanfaatkan kemudahan yang disediakan untuk pembangunan diri dengan pelbagai aktiviti yang menarik di IPT.	15
Kehidupan di IPT sebenarnya amat menarik. Tempoh sepanjang berada di IPT adalah ruang masa yang menjadi penentu kehidupan pelajar selepas proses pembelajaran. Pelajar di IPT bukan sahaja belajar secara formal dalam bidang akademik yang dipilih, malah berlaku juga proses pembelajaran cara	20
	25
	30
	35
	40

kehidupan sebagai ahli masyarakat selepas itu. Bagi pelajar yang bijak mengambil kesempatan, mereka akan mempelajari kedua-dua perkara ini, iaitu akademik dan pengalaman yang berkaitan dengan kehidupan yang pastinya mampu mencorakkan masa hadapan mereka yang lebih cemerlang.	
---	--

Arahan: Berdasarkan petikan karangan di halaman 3 dan 4, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu di dalam Kertas Jawapan yang disediakan.

- 6 Kenapa individu yang gagal ke IPT dikatakan akan berasa kecewa dan berputus asa? (6 markah)
- 7 Mengapa permulaan kehidupan sebagai seorang mahasiswa dianggap berisiko oleh penulis? (6 markah)
- 8 Jelaskan proses pengajaran dan pembelajaran di IPT yang dikatakan tidak sama dengan kehidupan zaman sekolah. (6 markah)
- 9 Jelaskan kenapa penulis menganggap kehidupan di IPT amat menarik. (6 markah)
- 10 Terangkan maksud perkataan-perkataan yang berikut mengikut konteks petikan yang diberikan. (6 markah)
- i. meneroka (baris 16)
 - ii. kemerosotan (baris 26)
 - iii. pembangunan diri (baris 34)

Selesai

SKEMA JAWAPAN

1. bidang
 2. mempunyai/ ada
 3. pasti
 4. mungkin
 5. pernah
- (6) Kenapa individu yang gagal ke IPT dikatakan akan berasa kecewa dan berputus asa? (6 markah)
- Jawapan:
- i. pandangan masyarakat yang memberikan kredit yang tinggi terhadap kejayaan individu yang berjaya ke IPT telah membentuk persepsi negatif terhadap pelajar yang gagal melanjutkan pelajaran ke menara gading.
 - ii. mereka yang gagal berasakan seolah-olah tidak diberi peluang untuk menentukan masa hadapan yang cemerlang dan tidak lagi mempunyai kesempatan untuk mendaki menara gading kerana tidak ada lagi saluran untuk menggenggam kejayaan dan menimba pengalaman yang berkaitan dengan kehidupan.
- (7) Mengapa permulaan kehidupan sebagai seorang mahasiswa dianggap berisiko oleh penulis? (6 markah)
- Jawapan:
- i. Membina kehidupan sebagai seorang pelajar IPT atau mahasiswa adalah tempoh masa yang berisiko bagi para pelajar. Risiko yang besar apabila setiap rutin harian ditentukan sendiri oleh pelajar. Kehidupan di luar bilik darjah akan mempengaruhi kejayaan seseorang pelajar di dalam kelas. Oleh itu, kejayaan pelajar mengurus kehidupan hariannya adalah kunci utama kejayaannya dalam pengajian yang diikuti.
 - ii. Selain itu, cabaran yang dihadapi oleh pelajar IPT adalah cara menguruskan kehidupan di luar dewan kuliah. Ramai pelajar yang bijak dari segi akademiknya pada peringkat sekolah tetapi merosot pada peringkat IPT. Antara faktor utama kemerosotan ini termasuklah kegagalan pelajar tersebut mengurus kehidupan di luar bilik dewan kuliah, iaitu kehidupan harian selepas waktu kuliah. Tempoh ini perlu dimanfaatkan sebaik-baiknya oleh pelajar di IPT.
- (8) Jelaskan proses pengajaran dan pembelajaran di IPT yang dikatakan tidak sama dengan kehidupan zaman sekolah. (6 markah)

- i. Kehidupan pembelajaran dan pengajaran di IPT berbeza daripada kehidupan pelajar pada zaman sekolah. Cabaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran begitu ketara kerana mereka akan menempuh proses pembelajaran yang berbentuk sendiri berbanding dengan pembelajaran di sekolah yang berkonsepkan penerangan dan penjelasan.
 - ii. Proses pembelajaran yang memerlukan pelajar meneroka ilmu lebih luas dengan penyediaan tugas ilmiah dan melakukan penyelidikan yang rapi pastinya memberikan cabaran kepada pelajar pada peringkat permulaan. Namun begitu, proses ini akan menjadi lebih selesa pada peringkat seterusnya.
- (9) Jelaskan kenapa penulis menganggap kehidupan di IPT amat menarik. (6 markah)
- Jawapan:
- i. Setiap IPT biasanya menyediakan kemudahan kepada para pelajarnya untuk menjalankan aktiviti seperti sukan, kebudayaan, keagamaan, persatuan, kebajikan dan sebagainya bagi pembangunan diri. Di samping itu, pihak IPT juga menyediakan pegawai tertentu yang bertugas sebagai penasihat untuk membimbing pelajar cara untuk beraktiviti.
 - ii. Tempoh sepanjang berada di IPT adalah ruang masa yang menjadi penentu kehidupan pelajar selepas proses pembelajaran. Pelajar di IPT bukan sahaja belajar secara formal dalam bidang akademik yang dipilih, malah berlaku juga proses pembelajaran cara kehidupan sebagai ahli masyarakat selepas itu. Bagi pelajar yang bijak mengambil kesempatan, mereka akan mempelajari kedua-dua perkara ini, iaitu akademik dan pengalaman yang berkaitan dengan kehidupan yang pastinya mampu mencorakkan masa hadapan mereka yang lebih cemerlang.
- (10) Terangkan maksud perkataan-perkataan berikut mengikut konteks petikan karangan yang diberikan. (6 markah)
- iv. meneroka (baris 15) – menyelidiki untuk mengetahui sesuatu
 - v. kemorosotan (baris 25) – kejatuhan secara mendadak dalam prestasi
 - vi. pembangunan diri (baris 32) – pembentukan/ pembinaan keyakinan

Name : _____ () Class: _____

**PIONEER JUNIOR COLLEGE
JC2 PRELIMINARY EXAMINATION
HIGHER 2 MALAY LANGUAGE & LITERATURE
PAPER 2**



Date : 19/09/2018 (Wednesday)

Subject Code : 9573/2

Duration : 1 hr

ARAHAN UNTUK CALON

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi dua sumber dan empat soalan.
2. Baca setiap sumber dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang diberikan dengan menggunakan ayat kamu sendiri.
3. Apabila pengawas peperiksaan memberikan isyarat, klik 'START'.

Copyright **PJC 2018**

ARAHAN: Jawab SEMUA soalan.

BAHAGIAN C (30 markah)

SUMBER A

Arahan: Baca petikan di bawah ini dengan teliti.

Fokus:

**ALAM ITU
SEKOLAH INSAN**

Oleh Dian Cahaya

Lihat alam ini, ianya tidak dicipta dengan sia-sia atau sewenang-wenangnya. Alam diciptakan dengan tujuan yang khusus dan istimewa. Selain menjadi gelanggang buat manusia untuk melaksanakan pelbagai tujuan dan tanggungjawab hidup, alam juga adalah alat untuk mengajar dan mendidik manusia.

Malah seluruh alam dipermudahkan untuk dikuasai manusia. Haiwan dan tumbuhan seolah-olah diciptakan untuk berkhidmat kepada manusia. Tumbuhan mengambil yang buruk (karbon dioksida) daripada manusia dan mengeluarkan oksigen yang bersih untuk kita bernafas. Kulit, daun, akar, pucuk dan segala-galanya menjadi sumber makanan, ubat-ubatan, pakaian dan perlindungan untuk manusia. Begitu juga haiwan, daging, bulu dan kulitnya semua dimanfaatkan untuk manusia.



Alam ini bukan hanya dilengkapi dengan makanan, ubat-ubatan, perlindungan dan pakaian, tetapi alam ini juga membekalkan sesuatu yang sangat bermanfaat bagi menjayakan misi kedatangan manusia. Alam yang tersedia ini turut membekalkan ilmu untuk manusia yang menghuninya. Alam adalah sekolah yang manusia harus belajar di dalamnya pada setiap masa, keadaan dan suasana.



SUMBER B

Arahan: Baca petikan di bawah ini dengan teliti.

BUMI HAK MILIK BERSAMA



Oleh Rina Ahmad

Bumi ini bukan milik manusia sahaja. Malah flora dan fauna juga mempunyai hak untuk hidup bersama. Namun tindak-tanduk manusia telah mengakibatkan hidupan lain dinafikan haknya untuk hidup. Proses pemodenan dan pembangunan dijadikan alasan untuk merasionalkan tindakan manusia ini. Sehubungan itu langkah-langkah perlu diambil bagi membolehkan proses pemodenan dan pembangunan tidak merosakkan kehidupan flora dan fauna.

Usaha penyelidikan dan pembangunan merupakan satu tindakan yang wajar dijalankan untuk menjamin hidupan liar kekal, di bumi ini. Kajian dan penyelidikan perlu dijalankan agar flora dan fauna dapat terus membiak dan mempunyai ketahanan dalam menyesuaikan diri dengan perubahan-perubahan persekitaran. Pelbagai pelalian dan hormon perlu dicipta untuk menjamin hidupan-hidupan ini terus hidup. Usaha-usaha juga perlu dijalankan untuk mewujudkan habitat melalui kajian. Aktiviti pembangunan yang melibatkan habitat hidupan liar seperti pembinaan empangan, perumahan dan pertanian perlu dirancang dengan teliti. Malah kajian kesan ke atas ekosistem perlu dijalankan dengan mendalam agar hidupan liar dapat kekal di bumi ini.

Namun langkah-langkah yang dirancang dan dilaksanakan memerlukan kerjasama daripada semua pihak. Kesedaran tentang hak hidupan liar melalui pendidikan penting agar tindak-tanduk manusia dapat dikawal. Hidupan liar patut diberi tempat untuk meneruskan zuriat mereka bersama manusia di bumi ini.

Arahan: Berdasarkan Sumber A dan Sumber B, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu di dalam Kertas Jawapan yang disediakan.

- 1** Berdasarkan Sumber A, jelaskan pendapat penulis bahawa alam dicipta dengan tujuan yang khusus dan istimewa. (4 markah)
- 2** Berdasarkan Sumber B, langkah-langkah perlu diambil bagi memastikan proses pemodenan dan pembangunan tidak merosakkan alam. Terangkan langkah-langkah ini. (4 markah)
- 3** Perkongsian alam antara manusia dengan bukan manusia dapat mensejahterakan kehidupan sekelilingnya. Dengan menggunakan Sumber A dan Sumber B, buat penilaian kamu. (7 markah)
- 4** Berdasarkan Sumber A dan Sumber B, jelaskan kenapa hidupan liar patut diberi tempat untuk meneruskan zuriat mereka bersama manusia di bumi ini. Jawapan kamu tidak harus melebihi 160 patah perkataan. (15 markah)

Selesai

SKEMA JAWAPAN

Berdasarkan Sumber A, jelaskan pendapat penulis bahawa alam dicipta dengan tujuan yang khusus dan istimewa. (4 markah)

Isi 1

Alam ini dilengkapi dengan makanan, ubat-ubatan, perlindungan dan pakaian.

Isi 2

Alam yang tersedia ini turut membekalkan ilmu untuk manusia yang menghuninya. Alam adalah sekolah yang manusia harus belajar di dalamnya pada setiap masa, keadaan dan suasana.

Berdasarkan Sumber B, langkah-langkah perlu diambil bagi memastikan proses pemodenan dan pembangunan tidak merosakkan alam. Terangkan langkah-langkah ini

(4 markah)

Isi 1

Usaha penyelidikan dan pembangunan merupakan satu tindakan yang wajar dijalankan untuk menjamin hidupan liar kekal di bumi ini. Kajian dan penyelidikan perlu dijalankan agar flora dan fauna dapat terus membiak dan mempunyai ketahanan dalam menyesuaikan diri dengan perubahan-perubahan persekitaran.

Isi 2

Pelbagai pelalian dan hormon perlu dicipta untuk menjamin kehidupan-kehidupan ini terus hidup. Usaha-usaha juga perlu dijalankan untuk mewujudkan habitat melalui kajian.

Isi 3

Aktiviti pembangunan yang melibatkan habitat hidupan liar seperti pembinaan empangan, perumahan dan pertanian perlu dirancang dengan teliti.

Isi 4

Malah kajian kesan ke atas ekosistem perlu dijalankan dengan mendalam agar hidupan liar dapat kekal di bumi ini.

(mana-mana 2 isi di atas)

Perkongsian alam antara manusia dengan bukan manusia dapat mensejahterakan kehidupan sekelilingnya. Dengan menggunakan Sumber A dan Sumber B, buat penilaian kamu. (7 markah)

Perkara ini benar kerana:

Isi 1

Haiwan dan tumbuhan seolah-olah diciptakan untuk berkhidmat kepada manusia. Tumbuhan mengambil yang buruk (karbon dioksida) daripada manusia dan mengeluarkan oksigen yang bersih untuk kita bernafas. Kulit, daun, akar, pucuk dan segala-galanya menjadi sumber makanan, ubat-ubatan, pakaian dan perlindungan untuk manusia. Begitu juga haiwan, daging, bulu dan kulitnya semua dimanfaatkan untuk manusia. Sehubungan itu manusia perlu menghormati hak golongan bukan manusia untuk hidup.

Isi 2

Bumi ini bukan milik manusia sahaja. Malah flora dan fauna juga mempunyai hak untuk hidup bersama. Maka itu proses pemodenan dan pembangunan mestilah tidak merosakkan kehidupan flora dan fauna.

Berdasarkan Sumber A dan Sumber B, jelaskan kenapa hidupan liar patut diberi tempat untuk meneruskan zuriat mereka bersama manusia di bumi ini. Jawapan kamu tidak harus melebihi 160 patah perkataan. (15 markah)

Jawapan:

- Haiwan dan tumbuhan seolah-olah diciptakan untuk berkhidmat kepada manusia.
- Kulit, daun, akar, pucuk dan segala-galanya menjadi sumber makanan, ubat-ubatan, pakaian dan perlindungan untuk manusia.
- Begitu juga haiwan, daging, bulu dan kulitnya semua dimanfaatkan untuk manusia.
- Alam yang tersedia ini turut membekalkan ilmu untuk manusia yang menghuninya.
- Alam adalah sekolah yang manusia harus belajar di dalamnya pada setiap masa, keadaan dan suasana.
- Hidupan liar juga mempunyai hak untuk meneruskan zuriat dan berkongsi alam ini dengan manusia
- Mana-mana penjelasan yang sesuai

Name : _____ () Class: _____

**PIONEER JUNIOR COLLEGE
JC2 PRELIMINARY EXAMINATION
HIGHER 2 MALAY LANGUAGE & LITERATURE
PAPER 3**



Date : 20/09/2018 (Thursday)

Subject Code : 9573/3

Duration : 3 hr

ARAHAN UNTUK CALON:

1. Baca arahan yang diberikan bagi setiap bahagian dengan teliti. Kemudian jawab soalan seperti yang diarahkan.
2. Tulis jawapan kamu dalam Kertas Jawapan yang disediakan.

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak.

ARAHAN

Jawab **EMPAT** soalan sahaja daripada Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan Bahagian D.

BAHAGIAN A NOVEL: JALAN MENGHADAP JENDELA

1. Melalui novel ***Jendela Menghadap Jalan*** karya Rohaini Matdarin, pengarang memaparkan tentang fenomena yang berlaku di sebuah perkampungan yang sedang diasak dengan arus pembangunan. Berikan komen kamu. (25 markah)
2. Sesebuah karya kreatif juga merupakan imitasi atau peniruan kehidupan yang sebenar. Setujukah kamu dengan pernyataan di atas berdasarkan novel ***Jendela Menghadap Jalan*** karya Rohaini Matdarin? (25 markah)

BAHAGIAN B BEGITULAH KATA-KATA: CERPEN

3. Dalam cerpen ***Suatu Perjalanan, Sebuah Peta, Sebuku Roti*** karya Basiran Haji Hamzah, mengetengahkan aspek kerohanian sebagai asas utama kehidupan manusia. Huraikan pernyataan ini. (25 markah)
4. “Peperangan menghancurkan kehidupan dan kemanusiaan.” Berlandaskan cerpen ***Jago*** karya Ahmad Jaffar Munasip, setujukah kamu dengan pernyataan ini. (25 markah)

BAHAGIAN C
BEGITULAH KATA-KATA: SAJAK

5. Sajak *Menjaring Mentari Hidupku* cetusan minda Abdul Kadir Pandi mengajak pembaca bermuhasabah diri sebagai hamba Tuhan. Buktikan pernyataan ini.
(25 markah)
6. Kamaria Buang dalam sajaknya *Anak Tetangga Kelantan Lane* berjaya menyampaikan persoalan-persoalannya melalui gaya bahasa yang baik. Sejauhmanakah kamu bersetuju dengan pernyataan ini?
(25 markah)

BAHAGIAN D
BEGITULAH KATA-KATA: DRAMA

7. Seandainya kamu Kiah, apakah tindakan yang akan kamu ambil untuk menyedarkan Kassim akan tanggungjawabnya sebagai ketua keluarga. Berikan tindakan-tindakan yang akan kamu ambil berdasarkan drama *Cahaya di Hujung Senja* tulisan M. Saffri A. Manaf.
(25 markah)
8. Watak-watak dalam drama *Titik Pertemuan* tulisan Rohman Munasip berjaya diketengahkan secara realistik. Setujukah kamu dengan pernyataan ini?
(25 markah)

S E L E S A I

Jawapan Cadangan

1. Melalui novel ***Jendela Menghadap Jalan*** karya Rohaini Matdarin, pengarang memaparkan tentang fenomena yang berlaku di sebuah perkampungan yang sedang diasak dengan arus pembangunan. Berikan komen kamu.

- ***Persaingan antara perubatan tradisional dan moden.***
- ***Masalah permuafakatan*** berhubung isu pemasangan kubah. Golongan tua vs golongan muda.
- ***Kepentingan alam sekitar*** – agar dapat memberi manfaat kepada manusia dan bukan semata-mata untuk menjana keuntungan.
- ***Masalah sosial dalam golongan muda (Rafik dan Haziq)***

2. Sesebuah karya kreatif juga merupakan imitasi atau peniruan kehidupan yang sebenar. Setujukah kamu dengan pernyataan di atas berdasarkan novel ***Jendela Menghadap Jalan*** karya Rohaini Matdarin?

Setuju:

- *Hubungan kemanusiaan yang tidak mengira bangsa dan agama.*
- *Masalah kepincangan rumah tangga*
- *Masalah sosial dalam golongan muda*
- *Semangat kejiranan*
- *Sikap kepedulian dalam masyarakat*
- *Kepentingan alam sekitar*
- *Masalah permuafakatan*

Tidak setuju:

- *Bahan bacaan kerana watak utama, Lili bertindak seperti orang dewasa.*
- *Menjadikan pengajaran daripada peristiwa yang dipaparkan oleh penulis.*
- *Orang kampung tidak ambil peduli tentang kehidupan keluarga Che Jah.*
- *Anak-anak muda bertindak seperti orang dewasa (Lili, Danel)*

3. Dalam cerpen ***Suatu Perjalanan, Sebuah Peta, Sebuah Roti*** karya Basiran Haji Hamzah, mengetengahkan aspek kerohanian sebagai asas utama kehidupan manusia. Huraikan pernyataan ini.

- *Tema – Pencarian hidup yang hakiki*
- *Persoalan – Pentingnya hati/jiwa yang bersih*
- *Persoalan – Kesyukuran*
- *Persoalan – Ketaqwaan pada agama*

4. “Peperangan menghancurkan kehidupan dan kemanusiaan.” Berlandaskan cerpen **Jago** karya Ahmad Jaffar Munasip, setujukah kamu dengan pernyataan ini. ma

Setuju:

- *Penjajahan menghancurkan masyarakat dan negara*
- *Jago berpaling daripada penyajak jalanan kepada pemberontak (Pasukan Gerila Gunung)*
- *Kematian orang tua Jago mengubah dirinya menjadi seorang yang membenci pihak penjajah*
- *Membunuh manusia yang tidak berdosa cth: keluarga Jago*

5. Sajak **Menjaring Mentari Hidupku** cetusan minda Abdul Kadir Pandi mengajak pembaca bermuhasabah diri sebagai hamba Tuhan. Buktikan pernyataan ini.

- *Kepentingan muhasabah diri*
- *Fenomena alam sebagai cerminan hidup manusia*
- *Setiap kebaikan atau keburukan ada hikmahnya*
- *Sikap sombong atau ego menghindari muhasabah diri*
- *Sikap-sikap negatif manusia yang membawa padah kepada diri sendiri*
- *Sikap manusia yang menyalahkan orang lain atas kesilapan yang berlaku*

6. Kamaria Buang dalam sajaknya **Anak Tetangga Kelantan Lane** berjaya menyampaikan persoalan-persoalannya melalui gaya bahasa yang baik. Sejauhmanakah kamu bersetuju dengan pernyataan ini?

Setuju:

Persoalan	Gaya Bahasa
<i>Amalan kejiranan yang baik</i>	Perulangan <i>Aku jiran terdekat menjenguk lalu pandang memandang aku jiran terdekat bertanya khabar kalau sempat aku jiran terdekat punya cinta sudah terpahat aku jiran terdekat jodoh tak panjang jadi sahabat. (R4, B1 - B8)</i>
<i>Perkongsian hidup</i>	Paradoks <i>Rumah dua tingkat duduk bersekat-sekat rumah dua tingkat makan tersukat-sukat rumah dua tingkat</i>

	<i>gelang berkarat-karat (R2, B1 – B6)</i>
<i>Pembinaan hubungan sosial yang baik</i>	<i>Imej</i> <i>Aku keturunan Boyan campuran lebih Jawa bukan alasan kalau duduk sudah bercampur adat dan loghat jadi penghibur makin dipiat jadi pemikat (R7, B1 – B5)</i>
<i>Peranan seorang ketua</i>	<i>Diksi</i> <i>dara teruna mata mengerling (R5,B3) Pak Lorah datang menjeling (R5,B4) tegah fitnah duduk seiring. (R5,B6)</i>
<i>Perubahan corak penempatan orang Boyan</i>	<i>Inversi</i> Anak-anak dewasa sudah <i>Kelantan Lane ditinggal jua duduk di flat merata-rata bagai cendawan membiak segar jadi pemangkin 'Boyan' bandar-bandar. (R6, B1- B5)</i>

Tidak setuju:

- *Perutusan*
- *Nilai*

7. Seandainya kamu Kiah, apakah tindakan yang akan kamu ambil untuk menyedarkan Kassim akan tanggungjawabnya sebagai ketua keluarga. Berikan tindakan-tindakan yang akan kamu ambil berdasarkan drama **Cahaya di Hujung Senja** tulisan M. Saffri A. Manaf.

- *Jawapan yang relevan dan munasabah sahaja yang akan dipertimbangkan.*

8. Watak-watak dalam drama **Titik Pertemuan** tulisan Rohman Munasip berjaya diketengahkan secara realistik. Setujukah kamu dengan pernyataan ini?

Setuju:

- *Adam Abadi - Berusia 27 tahun, anak tunggal, seorang guru muda, seorang pemimpin persatuan kesusasteraan dan pengkritik sastra yang prolif dan Ketua Satu, Persatuan Anak-Anak Seni Singapura.*
- *Yusman Anwar - Nama sebenar Usman Bin Anuar, berusia 60 tahun, seorang pemikir kritis, pernah memenangi Anugerah Sastera Perdana*
- *Lina - Berusia 23 tahun, pengerusi Tetap Majlis Bicara Karya, anak Yusman Anwar dan dibesarkan oleh ibunya (Syahidah Binti Abdul Hamid) setelah ibu bapanya berpisah ketika dia berusia 3 tahun.*
- *Umi Sumirah - Ibu kepada Adam Abadi, berusia 55 tahun, seorang janda kematian suami, bekas kekasih Yusman Anwar. Umi Sumirah telah dijodohkan dengan lelaki pilihan keluarga mengakibatkan Yusman Anwar patah hati dan membawa diri.*

S E L E S A I

ARAHAN: Jawab SEMUA soalan

BAHAGIAN A (5 markah)

Arahan: Dalam petikan karangan di bawah ini terdapat 5 tempat kosong. Isi setiap tempat kosong ini dengan perkataan yang sesuai mengikut konteks petikan karangan tersebut. Tulis jawapan kamu di dalam Kertas Jawapan yang disediakan.

Sekitar pilihan raya Presiden Singapura tahun lalu, isu siapakah yang wajar bergelar 'Melayu' amat hangat dibincangkan. Ini kerana **(1)** _____ telah menetapkan kriteria bahawa hanya calon yang berbangsa Melayu sahaja yang dibenarkan bertanding. Mengikut perlembagaan Malaysia, orang Melayu itu beragama Islam, **(2)** _____ budaya Melayu, dan bertutur bahasa Melayu. Kriteria-kriteria ini relevan bagi masyarakat Melayu di Singapura walaupun ia tidak **(3)** _____ dalam perlembagaan secara rasmi. Sebenarnya, isu siapa itu Melayu bukanlah masalah yang dikongsi **(4)** _____ peringkat akar umbi. Sama ada seseorang itu menganggap dirinya **(5)** _____ orang Melayu atau tidak bergantung pada diri sendiri. Terserahlah jika ada yang bangga menjadi orang Melayu, atau malu menjadi orang Melayu.

BAHAGIAN B (30 markah)

Arahan : Baca petikan karangan di bawah ini dengan teliti.



BERFIKIR TUNTUTAN KECERMELANGAN

September 2018

Akal berada dalam dua bentuk, yakni secara fizikal yang dinamakan otak dan secara **rohani** disebut minda atau fikiran. Akal dalam bentuk otak tidak ada bezanya daripada yang dimiliki oleh haiwan yang berperanan sebagai koordinasi fungsi organ badan dan tindak balas spontan berdasarkan kebiasaan.

Fungsi terpenting akal adalah dalam bentuk fikiran yang membolehkan manusia berfikir setiap perkara yang dilakukan, dilihat dan didengar. Ia adalah untuk mencapai matlamat mendapat kebaikan dan mengelakkan perkara buruk. Pemikiran merupakan aktiviti psikologi dalam sesuatu proses yang dialami untuk digunakan bagi menyelesaikan masalah dalam situasi yang dihadapi.

Berfikir ialah setiap perkembangan dalam idea, pengetahuan, pengalaman dan harapan yang tercetusnya dalam fikiran. Kebolehan berfikir terbaik ialah dapat menemukan kaedah, mendapat petunjuk, memperoleh kebenaran atau melahirkan perkara baharu.

Berfikir berlainan daripada ingatan, walaupun kedua-duanya berpunca daripada otak. Ingatan lahir daripada apa-apa yang disimpan di otak. Berfikir pula bertujuan mencetuskan perkara baharu. Berfikir memerlukan kemahiran serta kecekapan menggunakan akal menjalankan proses tersebut. Seseorang memperoleh kemahiran berfikir dalam menyusun maklumat, konsep atau idea secara teratur dan membuat kesimpulan tepat untuk tindakan sewajarnya. Setiap orang mempunyai cara berfikir berbeza-beza mengikut tahap ketajaman fikiran dan pengalaman. Kita biasa mendengar ungkapan fikiran singkat, fikiran luas, fikiran matang dan fikiran tajam mengikut tahap seorang berfikir.

Menurut Edward de Bono, kemahiran berfikir membolehkan manusia melihat pelbagai perspektif untuk menyelesaikan masalah. Dewey pula menegaskan bahawa pemikiran yang dihasilkan kerana terdapat situasi **kesangsian** atau masalah tertimbul. Tambahan itu, Robert Sperry menghuraikan otak manusia menggunakan bahagian kirinya untuk berfikir dengan kritis tetapi menggunakan bahagian kanan pula secara kreatif. Maka konsep pemikiran boleh dirumuskan sebagai proses yang menggunakan minda untuk mencari makna dan penyelesaian terhadap sesuatu keraguan yang timbul dengan menggunakan pelbagai cara. Ini termasuklah membuat pertimbangan dan keputusan serta renungan yang **munasabah**.

Banyak unsur yang mempengaruhi pencapaian dan kecemerlangan akal. Untuk melahirkan kesihatan yang baik, antara perkara yang perlu diberi perhatian termasuklah pemakanan dan gaya hidup. Kita ditegah mengambil makanan dan minuman yang mendatangkan kesan tidak baik kepada fizikal dan juga mental seperti arak, rokok dan dadah. Minda yang hebat mampu melahirkan manusia yang hebat yang terserlah kelebihanannya berbanding dengan orang lain. Mereka mampu membawa perubahan di atas muka bumi bukan sahaja untuk dirinya, keluarga dan masyarakat malah untuk manusia sejagat termasuk keseluruhan kehidupan di alam ini.

Arahan : Berdasarkan petikan karangan di halaman 3, jawab soalan-soalan berikut dengan menggunakan ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu di Kertas Jawapan yang disediakan.

6. Perbezaan ketara antara manusia berbanding dengan haiwan ialah manusia mempunyai akal. Berikan komen kamu. (6 markah)
7. Bagaimanakah proses berfikir sebagai satu gerakan minda untuk mencetus sesuatu dalam fikiran boleh berlaku? (6 markah)
8. Jelaskan apa yang diutarakan oleh para sarjana mengenai konsep pemikiran. (6 markah)
9. Ramai orang mensia-siakan kekuatan minda kerana tidak menggunakannya semaksimum mungkin dalam kehidupan harian. Buktikan.
10. Terangkan maksud perkataan-perkataan yang berikut mengikut konteks petikan yang diberikan. (6markah)
 - (a) rohani
 - (b) kesangsian
 - (c) munasabah

SELESAI

SmileTutor.sg

SUMBER A**Hobi Harus Dikembangkan**

Oleh Haziah Che Husin
haziah@mediasensasi.org

Sejak kecil kita sering diajukan soalan, “Apakah hobi anda?”. Jika dahulu, sekiranya diri kita diajukan soalan hobi, banyak yang akan menjawab yang biasa-biasa kita dengar seperti bermain bola, memancing dan membaca. Kegilaan kepada hobi yang bersesuaian dengan zaman, masa dan tempat menjadi-jadi, malah terdapat hobi yang janggal untuk kita dengari. Tidak ketinggalan hobi bertukar kepada melakukan hal yang ekstrem.

Jarang-jarang seseorang ingin mengaku tentang hobi mereka yang kedengaran pelik. Mereka bimbang dilabelkan sebagai ketinggalan zaman, kolot ataupun tidak mengikut arus permodenan. Walaupun kelihatan pelik, namun, selagi aktiviti tersebut memberikan kepuasan kepada diri, maka itulah hobi mereka dan itulah yang akan kekal lama dan mendominasi hampir keseluruhan hidup mereka.



Seseorang yang mempunyai hobi pelik tidak perlu malu untuk menyatakan hobi mereka selagi hobi itu tidak memudaratkan diri ataupun orang lain.

Setiap individu pada era milenium ini pasti mempunyai jadual waktu yang padat untuk bersaing dalam mencapai matlamat. Namun begitu, masyarakat juga perlu sedar bahawa diri kita ini juga memerlukan rehat untuk menghilangkan tekanan.

Adakalanya kita tidak mempunyai banyak masa untuk hobi kerana terlalu sibuk berkerjaya, tetapi ada juga yang terlupa melakukan kerja lain melainkan kerja berkaitan dengan hobinya. Hobi yang berlebihan akan membazirkan wang dan juga masa yang banyak.

SUMBER B

WORDPRESS BLOG

JUMAAT, SEPTEMBER 17, 2018

Kenali Personaliti Melalui Hobi

Hello remaja! Hobi kamu pilih harus benar-benar dapat memberikan manfaat serta tidak terlalu membebankan, terutama dari segi kos. Seseorang yang berfikiran jauh dan positif sudah tentu mengharapkan hobi yang dilakukannya juga dapat memberikan sesuatu yang bernilai pada masa hadapan.

Individu yang meminati barangan antik atau klasik misalnya, sanggup mendapatkan barangan tersebut meskipun terpaksa membayar dengan harga yang tinggi. Pada ketika itu, orang mempunyai hobi menyimpan barangan tersebut boleh menjualnya jika ada permintaan yang tinggi daripada orang yang mempunyai hobi untuk menyimpannya. Sebagai contoh, setem dan duit lama masih mendapat permintaan yang tinggi daripada orang yang mempunyai hobi untuk menyimpannya.

Namun begitu, jika kita mengkajinya dari sudut yang lain pula, kita akan mendapati bahawa sebahagian daripada remaja tidak tahu mengisi masa lapang, terutama pada hujung minggu dengan berfaedah. Mereka tidak mempunyai hobi positif yang mampu mendorong mereka menjadi insan kamil.

Remaja yang memiliki hobi positif seperti bersukan, bermain alat muzik jarang-jarang terlibat dengan aktiviti yang tidak berfaedah atau tidak bermoral. Mereka menggunakan masa senggang dengan melakukan aktiviti yang berkaitan dengan hobi. Mereka tidak mempunyai masa untuk berpelesenan atau melakukan aktiviti yang tidak memberikan keuntungan kepada mereka.

Sebagai kesimpulannya, remaja seharusnya bijak untuk memilih hobi masing-masing. Hobi yang dipilih juga hendaklah bersesuaian dengan status mereka sebagai pelajar kerana pemilihan hobi yang terlalu ekstrem ada masanya boleh menjejaskan tumpuan mereka terhadap pelajaran. Kata orang, tepuk dada tanya selera.

BLOG ARCHIVE

▼ September 2018 (1)

Arahan : Berdasarkan Sumber A dan Sumber B, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu di dalam Kertas Jawapan yang disediakan.

- 1 Berdasarkan Sumber A, buktikan bagaimana hobi generasi muda masih tetap dipertahankan oleh para pengamal. (4 markah)
- 2 Berdasarkan Sumber B, terangkan bagaimana remaja seharusnya bijak untuk mencari hobi yang sesuai dengan diri dan personaliti mereka. (4 markah)
- 3 Dengan menggunakan Sumber A dan Sumber B, huraikan bagaimana hobi boleh menjana pengaruh positif dan negatif dalam kalangan remaja. (7 markah)
- 4 Remaja boleh memanfaatkan hobi di mana mereka dapat mempelajari kemahiran tertentu serta memberikan hasil. Berikan komen kamu tentang hal ini. Jawapan kamu tidak harus melebihi 160 perkataan. (15 markah)

SELESAI

SmileTutor.sg

Jawab **EMPAT** soalan kesemuanya. Calon hendaklah menjawab SATU soalan daripada setiap Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan Bahagian D.

BAHAGIAN A

NOVEL – JENDELA MENGHADAP JALAN

- 1 Pengaruh pengasuh amat penting dalam pembangunan remaja yang membesar seperti yang dipaparkan dalam novel *Jendela Menghadap Jalan* tulisan Ruhaini Matdarin. Buktikan. (25 markah)
- 2 Jelaskan bagaimana peristiwa-peristiwa “pelik” yang menyelubungi watak Lili dalam novel *Jendela Menghadap Jalan* oleh Ruhaini Matdarin membuatnya lebih matang. (25 markah)

BAHAGIAN B

CERPEN – ANTOLOGI BEGITULAH KATA-KATANYA

- 3 Teknik plot yang digunakan oleh Isa Kamari dalam cerpen *Pertemuan* berjaya menyelongkar persoalan kekosongan jiwa. Buktikan. (25 markah)
- 4 Merujuk kepada teks *Si Malang Jalang* karya Saedah Saad, buktikan kegagalan para ahli keluarga dalam menjalankan tanggungjawab mereka untuk mencapai kehidupan lebih bahagia. (25 markah)

BAHAGIAN C

SAJAK – ANTOLOGI BEGITULAH KATA-KATANYA

- 5 Tanggungjawab dan kesan kepada seseorang yang membubuh tanda tangan amat berat seperti yang digambarkan oleh Noraidah Kamari dalam sajaknya *Tanda Tangan*. Berikan pandangan kamu. (25 markah)

- 6 Melalui sajak *Menjaring Mentari Hidupku*, Abdul Kadir Pandi menggunakan nada dan gaya bahasa yang kritikal tentang perihai manusia yang angkuh terhadap Tuhannya. Jelaskan. (25 markah)

BAHAGIAN D

DRAMA – ANTOLOGI BEGITULAH KATA-KATANYA

- 7 Drama *Cahaya di Hujung Senja* karya M Saffri A. Manaf menonjolkan pemikiran cetek sesetengah golongan masyarakat moden. Sejauh manakah kamu bersetuju dengan pernyataan tersebut. (25 markah)

- 8 Baca nukilan di bawah ini dengan teliti. Kemudian jawab soalan yang mengikutinya.

Wak Arjo: ...*Tuan Pierre baik hati. Tapi, kok aneh sekali. (Wak Arjo menggelengkan kepalanya) Sama aku dia tidak pernah marah-marah. Cuma mem saja yang marah. Sebenarnya, aku sendiri tidak takut dengan mem. Aku lebih takut sama tuan. Dia orang yang aneh. Siang dia aneh. Malam juga dia aneh.* (ms 126)

Sejauh manakah kamu bersetuju dengan pandangan Wak Arjo tentang Pierre Blanc? Jelaskan pandangan kamu itu berdasarkan drama *Anjing Untuk Diplomat* karya Hamed Ismail. (25 markah)


SELESAI

SmileTutor.sg

Arahan : Tulis sebuah karangan yang panjangnya tidak kurang daripada 460 patah perkataan berdasarkan satu daripada soalan-soalan yang berikut. (35 markah)

1. Rakyat Singapura harus mengukuhkan keharmonian kaum memandangkan ancaman pengganasan dan radikalisme yang semakin ketara. Berikan komen kamu.
2. Kepimpinan yang mantap telah menyelamatkan kumpulan ko-kurikular sekolah kamu yang hampir ditutup akibat kekurangan peserta baharu. Ceritakan pengalaman kamu berdasarkan pernyataan ini.
3. Kemahiran berfikir ialah tuntuan kecemerlangan pada abad ke 21. Sejauh manakah kamu bersetuju dengan pernyataan ini.

4. Tulis sebuah karangan berdasarkan situasi yang dipaparkan di bawah ini.



Selesai

ARAHAN: Jawab SEMUA soalan

BAHAGIAN A (5 markah)

Arahan: Dalam petikan karangan di bawah ini terdapat 5 tempat kosong. Isi setiap tempat kosong ini dengan perkataan yang sesuai mengikut konteks petikan karangan tersebut. Tulis jawapan kamu di dalam Kertas Jawapan yang disediakan.

Sekitar pilihan raya Presiden Singapura tahun lalu, isu siapakah yang wajar bergelar 'Melayu' amat hangat dibincangkan. Ini kerana (1) _____ telah menetapkan kriteria bahawa hanya calon yang berbangsa Melayu sahaja yang dibenarkan bertanding. Mengikut perlembagaan Malaysia, orang Melayu itu beragama Islam, (2) _____ budaya Melayu, dan bertutur bahasa Melayu. Kriteria-kriteria ini relevan bagi masyarakat Melayu di Singapura walaupun ia tidak (3) _____ dalam perlembagaan secara rasmi. Sebenarnya, isu siapa itu Melayu bukanlah masalah yang dikongsi (4) _____ peringkat akar umbi. Sama ada seseorang itu menganggap dirinya (5) _____ orang Melayu atau tidak bergantung pada diri sendiri. Terserahlah jika ada yang bangga menjadi orang Melayu, atau malu menjadi orang Melayu.

BAHAGIAN B (30 markah)

Arahan : Baca petikan karangan di bawah ini dengan teliti.



BERFIKIR TUNTUTAN KECERMELANGAN

September 2018

Akal berada dalam dua bentuk, yakni secara fizikal yang dinamakan otak dan secara **rohani** disebut minda atau fikiran. Akal dalam bentuk otak tidak ada bezanya daripada yang dimiliki oleh haiwan yang berperanan sebagai koordinasi fungsi organ badan dan tindak balas spontan berdasarkan kebiasaan.

Fungsi terpenting akal adalah dalam bentuk fikiran yang membolehkan manusia berfikir setiap perkara yang dilakukan, dilihat dan didengar. Ia adalah untuk mencapai matlamat mendapat kebaikan dan mengelakkan perkara buruk. Pemikiran merupakan aktiviti psikologi dalam sesuatu proses yang dialami untuk digunakan bagi menyelesaikan masalah dalam situasi yang dihadapi.

Berfikir ialah setiap perkembangan dalam idea, pengetahuan, pengalaman dan harapan yang tercetusnya dalam fikiran. Kebolehan berfikir terbaik ialah dapat menemukan kaedah, mendapat petunjuk, memperoleh kebenaran atau melahirkan perkara baharu.

Berfikir berlainan daripada ingatan, walaupun kedua-duanya berpunca daripada otak. Ingatan lahir daripada apa-apa yang disimpan di otak. Berfikir pula bertujuan mencetuskan perkara baharu. Berfikir memerlukan kemahiran serta kecekapan menggunakan menggunakan akal menjalankan proses tersebut. Seseorang memperoleh kemahiran berfikir dalam menyusun maklumat, konsep atau idea secara teratur dan membuat kesimpulan tepat untuk tindakan sewajarnya. Setiap orang mempunyai cara berfikir berbeza-beza mengikut tahap ketajaman fikiran dan pengalaman. Kita biasa mendengar ungkapan fikiran singkat, fikiran luas, fikiran matang dan fikiran tajam mengikut tahap seorang berfikir.

Menurut Edward de Bono, kemahiran berfikir membolehkan manusia melihat pelbagai perspektif untuk menyelesaikan masalah. Dewey pula menegaskan bahawa pemikiran yang dihasilkan kerana terdapat situasi **kesangsian** atau masalah tertimbul. Tambahan itu, Robert Sperry menghuraikan otak manusia menggunakan bahagian kirinya untuk berfikir dengan kritis tetapi menggunakan bahagian kanan pula secara kreatif. Maka konsep pemikiran boleh dirumuskan sebagai proses yang menggunakan minda untuk mencari makna dan penyelesaian terhadap sesuatu keraguan yang timbul dengan menggunakan pelbagai cara. Ini termasuklah membuat pertimbangan dan keputusan serta renungan yang **munasabah**.

Banyak unsur yang mempengaruhi pencapaian dan kecemerlangan akal. Untuk melahirkan kesihatan yang baik, antara perkara yang perlu diberi perhatian termasuklah pemakanan dan gaya hidup. Kita ditegah mengambil makanan dan minuman yang mendatangkan kesan tidak baik kepada fizikal dan juga mental seperti arak, rokok dan dadah. Minda yang hebat mampu melahirkan manusia yang hebat yang terserlah kelebihanannya berbanding dengan orang lain. Mereka mampu membawa perubahan di atas muka bumi bukan sahaja untuk dirinya, keluarga dan masyarakat malah untuk manusia sejagat termasuk keseluruhan kehidupan di alam ini.

Arahan : Berdasarkan petikan karangan di halaman 3, jawab soalan-soalan berikut dengan menggunakan ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu di Kertas Jawapan yang disediakan.

6. Perbezaan ketara antara manusia berbanding dengan haiwan ialah manusia mempunyai akal. Berikan komen kamu. (6 markah)
7. Bagaimanakah proses berfikir sebagai satu gerakan minda untuk mencetus sesuatu dalam fikiran boleh berlaku? (6 markah)
8. Jelaskan apa yang diutarakan oleh para sarjana mengenai konsep pemikiran. (6 markah)
9. Ramai orang mensia-siakan kekuatan minda kerana tidak menggunakannya semaksimum mungkin dalam kehidupan harian. Buktikan.
10. Terangkan maksud perkataan-perkataan yang berikut mengikut konteks petikan yang diberikan. (6markah)
 - (a) rohani
 - (b) kesangsian
 - (c) munasabah

SELESAI

SKEMA PEMARKAHAN PRELIMS H2 MLL 2018 SRJC

BAHAGIAN A (5 markah)

1. pemerintah
2. mengamalkan
3. termaktub
4. di
5. sebagai

BAHAGIAN B (30 markah)

6. Perbezaan ketara antara manusia berbanding dengan haiwan ialah manusia mempunyai akal. Berikan komen kamu. (6 markah)

(IU) Fungsi terpenting akal adalah dalam bentuk fikiran yang membolehkan manusia berfikir setiap perkara yang dilakukan, dilihat dan didengar. (2m)

(IS) Ia adalah untuk mencapai matlamat mendapat kebaikan dan mengelakkan perkara buruk. (1m)

(IU) Pemikiran merupakan aktiviti psikologi dalam sesuatu proses yang dialami untuk digunakan bagi menyelesaikan masalah dalam situasi yang dihadapi. (2m)

(IS) Kebolehan berfikir terbaik ialah dapat menyelesaikan masalah, menemukan kaedah, mendapat petunjuk, memperoleh kebenaran atau melahirkan perkara baharu. (1m)

7. Bagaimanakah proses berfikir sebagai satu gerakan minda untuk mencetus sesuatu dalam fikiran boleh berlaku? (6 markah)

(IU) Berfikir memerlukan kemahiran serta kecekapan menggunakan menggunakan akal menjalankan proses tersebut. (2m)

(IS) Seseorang memperoleh kemahiran berfikir dalam menyusun maklumat, konsep atau idea secara teratur dan membuat kesimpulan tepat untuk tindakan sewajarnya. (1m)

(IU) Setiap orang mempunyai cara berfikir berbeza-beza mengikut tahap ketajaman fikiran dan pengalaman. (2m)

(IS) Kita biasa mendengar ungkapan fikiran singkat, fikiran luas, fikiran matang dan fikiran tajam mengikut tahap seorang berfikir. (1m)

8. Jelaskan apa yang diutarakan oleh para sarjana mengenai konsep pemikiran.

(6 markah)

(IU) Menurut Edward de Bono, kemahiran berfikir membolehkan manusia melihat pelbagai perspektif untuk menyelesaikan masalah. (2m)

(IS) Maka konsep pemikiran boleh dirumuskan sebagai proses yang menggunakan minda untuk mencari makna. (1m)

(IU) Dewey pula menegaskan bahawa pemikiran dihasilkan kerana terdapat situasi kesangsian atau masalah timbul. (2m)

(IS) Oleh itu, penyelesaian terhadap sesuatu keraguan yang timbul boleh digunakan dengan pelbagai cara. (Ini termasuklah membuat pertimbangan dan keputusan serta renungan yang **munasabah**.) (1m)

9. Ramai orang mensia-siakan kekuatan minda kerana tidak menggunakannya semaksimum mungkin dalam kehidupan harian. Buktikan.

(IU) Kita masih **tidak dapat** melahirkan kesihatan yang baik. (2m)

(IS) Kita **masih** mengambil makanan dan minuman yang mendatangkan kesan tidak baik kepada fizikal dan juga mental seperti arak, rokok dan dadah. (1m)

(IU) Kita **tidak mampu** melahirkan manusia yang hebat yang terserlah kelebihan berbanding dengan orang lain. (2m)

(IS) Kita **tidak mampu** membawa perubahan di atas muka bumi bukan sahaja untuk dirinya, keluarga dan masyarakat malah untuk manusia sejagat termasuk keseluruhan kehidupan di alam ini. (1m)

11. Terangkan maksud perkataan-perkataan yang berikut mengikut konteks petikan yang diberikan.

(6markah)

- (a) rohani – berkenaan dengan batin
- (b) kesangsian - keraguan
- (c) munasabah – boleh diterima akal, tidak mustahil

SELESAI